Bil. 24

Khamis
15 Disember 2016

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN
# DEWAN NEGARA

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA

**K A N D U N G A N**

**MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI** (Halaman 1)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**
Mengalu-alukan Pelantikan Seorang Ahli Baru (Halaman 1)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN**
**BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**USUL:**
Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 27)

**RANG UNDANG-UNDANG:**
Rang Undang-undang Kewangan 201 (Halaman 28)
Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastuktur Asia 2016 (Halaman 55)
Rang Undang-undang
Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016 (Halaman 62)

Diterbitkan oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2016

## AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dato’ Sri SA. Vigneswaran
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad
3. “ Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim
4. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mat Yasin (Terengganu)
5. “ Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan (Perlis)
6. “ Datuk Haji Abidullah bin Salleh
7. “ Dato’ Adam bin Abdul Hamid (Johor)
8. “ Tuan Aknan A/L Ehtook
9. “ Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
10. “ Dato’ Dr. Asyraf Wajdi bin Dato’ Dusuki
    - *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
11. “ Puan Hajah Azizah binti Harun
12. “ Puan Bathmavathi Krishnan
13. “ Dato’ Chai Kim Sen
14. “ Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah (Selangor)
15. “ Datin Paduka Chew Mei Fun
    - *Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
16. “ Tuan Chia Song Cheng (Johor)
17. “ Datuk Chin Su Phin
18. “ Datuk Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
    - *Timbalan Menteri Pendidikan*
19. “ Dato’ Sri Devamany A/L S. Krishnasamy
    - *Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
20. “ YM. Engku Naimah binti Engku Taib (Terengganu)
21. “ Dato' Fahariyah binti Md Nordin
22. “ Dato’ Goonasakaren A/L Raman
23. “ Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
24. “ Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat
25. “ Dato’ Indera Hoh Khai Mun (Pahang)
26. “ Dato’ Dr. Hou Kok Chung
27. “ Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah
28. “ Tuan Isa Bin Ab Hamid
29. “ Datuk Jamilah binti Sulaiman
30. “ Dato’ Jaspal Singh
31. “ Dato’ Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
32. “ Datuk Haji Kadzim M.Yahya (Sabah)
33. “ Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
34. “ Dato’ Sri Khairudin Samad

35. Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan bin Harun
36. “ Datuk Koh Chin Han (Melaka)
37. “ Dato’ Lee Chee Leong (Perak)
    - *Timbalan Menteri Kewangan*
38. “ Datuk Lihan Jok (Sarawak)
39. “ Dato’ Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan
    - *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
40. “ Datuk Dr. Lucas Umbul (Sabah)
41. “ Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin
42. “ Laksamana Tan Sri Dato’ Sri Mohd Anwar bin Haji Mohd. Nor
43. “ Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty (Selangor)
44. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
45. “ Datuk Seri Panglima Dr. Mohd. Salleh bin Tun Said Keruak
    - *Menteri Komunikasi dan Multimedia*
46. “ Dato’ Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah (Kedah)
47. “ Datuk Mustapa Kamal bin Mohd Yusoff
48. “ Tan Sri Nallakaruppan A/L Solaimalai
49. “ Datuk Ng Chiang Chin
50. “ Dato’ Hajah Norahan binti Abu Bakar (Pahang)
51. “ Datuk Norliza binti Abdul Rahim
52. “ Datuk Paul Low Seng Kuan
    - *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
53. “ Datuk Rabiyah binti Ali
54. “ Puan Hajah Rahemah binti Idris
55. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad
56. “ Tuan Ramli bin Shariff (Perlis)
57. “ Puan S. Bagiam A/P Ayem Perumal
58. “ Puan Shahanim binti Mohamad Yusoff (Kedah)
59. “ Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian
60. “ Puan Siti Aishah binti Shaik Ismail (Pulau Pinang)
61. “ Datuk Subramaniam A/L Veruthasalam
62. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader
63 “ Tuan Wilfred Yong Chen Leong
64. “ Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas
65. " Datuk Yoo Wei How
66. “ Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus
67. “ Dr. Zaiedi bin Haji Suhaili (Sarawak)
68. “ Datuk Zali bin Mat Yasin

**DEWAN NEGARA**

**Ketua Pentadbir Parlimen**
Datuk Awang Alik bin Jeman

**Setiausaha Dewan Negara**
Encik Riduan bin Rahmat

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**
Encik Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (*HANSARD*)**
Monarita binti Mohd Hassan
Azhari bin Hamzah
Rosna binti Bujairomi
Alzian binti Baharudin

Noraidah binti Manaf
Siti Norlina binti Ahmad
Nor Hamizah binti Haji Hassan

Suriyani binti Mohd. Noh
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli
Sherliza Maya binti Talkah
Nurul Atikah binti Basrudin
Nor Effazimmah binti Maliki
Cik Nur Annisa binti Hamid
Cik Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi
Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Syahila binti Ab Mohd Khalid
Ismalinda binti Ismail
Hazliana binti Yahaya
Amir Arshad bin Ab Samad
Sharifah Raabiatul Adawiyah binti Syed Mohamed
Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman
Nurul Fadhilah binti Ibharim
Hizamihatim Maggiha bin Juarah

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT KETIGA**

**Khamis, 15 Disember 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

## MENGANGKAT SUMPAH SEORANG AHLI

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat sumpah:

- Yang Berhormat Tuan Aknan A/L Ehtook

## PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

### MENGALU-ALUKAN PELANTIKAN SEORANG AHLI BARU

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, salam sejahtera dan selamat pagi.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan mengalu-alukan pelantikan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan A/L Ehtook sebagai Ahli Dewan Negara yang baru. Seperti mana sumpah dan ikrar setia yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, saya ingin mengingatkan agar kita hendaklah berazam untuk memahami, menghayati, mendukung dan mempertahankan Perlembagaan Negara Malaysia. Janganlah sekali kita melanggar dan mengingkari sumpah dan ikrar setia yang telah kita lafazkan. Adalah sangat mustahak untuk kita semua Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah dilantik agar membaca, memahami serta menjiwai dua dokumen yang penting iaitu Perlembagaan Negara dan Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara.

Dokumen-dokumen tersebut nadi Parlimen yang perlu sentiasa dijadikan panduan dalam urusan-urusan mesyuarat.

Pelantikan Yang Berhormat Senator Aknan A/L Ehtook satu pengiktirafan terhadap masyarakat Siam yang merupakan sebahagian daripada masyarakat majmuk Malaysia. Pembangunan dan kemajuan yang sedang dikecapi oleh rakyat Malaysia hari ini sumbangan bersama setiap kelompok komuniti tanpa mengenai latar belakang, agama mahupun etnik. Dalam konteks yang sedemikian, adalah benar sama sekali masyarakat Siam turut menyumbang dalam pembangunan Malaysia moden dan wajar diberikan penghargaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan ini maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1.** **Dato' Goonasakaren A/L Raman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, MyDaftar telah dimulakan sejak beberapa tahun dahulu, tetapi masalah dokumentasi peribadi sah masih tidak dapat diselesaikan walaupun YAB Perdana Menteri telah beberapa kali dalam ucapan beliau menyatakan bahawa masalah ini perlu diselesaikan secepat mungkin. Sehingga hari ini masalah ini masih menghadapi jalan buntu. Pemohon terpaksa tunggu sehingga beberapa tahun kerana terdapatnya birokrasi di JPN daerah, negeri dan Persekutuan. Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memudahkan prosesnya agar pemohon memperolehi dokumen peribadi sah dengan secepat mungkin.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan, saya ingin bagi pihak Dewan yang mulia ini mengalu-alukan ahli MIC Bahagian Subang dan Bahagian Shah Alam ke Dewan Negara ini... *[Tepuk]* Di harap lawatan ini akan memberi manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini ingin menegaskan bahawa permohonan kewarganegaraan Malaysia yang dikemukakan ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) memerlukan penelitian terperinci. Pemohon adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuktikan bahawa beliau layak diberi kewarganegaraan Malaysia. JPN memproses setiap permohonan berdasarkan peraturan semasa yang berkuat kuasa. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan proses pengeluaran dokumen pengenalan diri ialah dokumen permohonan tidak lengkap dan maklumat tidak tepat.

Dalam hal ini JPN perlu melaksanakan verifikasi melalui beberapa persediaan. JPN juga telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi memastikan setiap individu mendapat perkhidmatan terbaik seperti berikut:

(i) program *outreach*;

(ii) program Unit Khas Bergerak *(Mobile Unit)* untuk kemudahan penduduk di kawasan pendalaman dan luar bandar; dan

(iii) membuka kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan juga Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

Sekian.

**■1010**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan.

**Dato’ Goonasakaren A/L Raman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri yang jawab. Negara kita sudah pun merdeka 59 tahun, tetapi isu pengenalan diri masih tidak sampai ke penyelesaian. Bolehkah Kementerian Dalam Negeri menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk memastikan masalah dokumentasi pengenalan diri ini diselesaikan secara- kepada mereka yang lahir selepas kemerdekaan atau selepas tahun 1957. Contohnya kepada anak-anak yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri, namun kedua-dua ibu bapa mereka mempunyai dokumen yang sah.

Seterusnya soalan kedua, kumpulan kawan-kawan minoriti di sebelah sana pernah menyatakan bahawa terdapat seramai 300,000 orang di kalangan masyarakat India tidak mempunyai Kad Pengenalan dan Surat Beranak. Ini merupakan satu tuduhan yang serius. Kempen MyDaftar telah dilancarkan pada Februari 2011 bagi mengatasi isu tersebut. Persoalannya, jumlah sebenar masyarakat India yang terjejas berikutan daripada masalah dokumentasi pengenalan diri ini.

Seterusnya ramai...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, berapa soalan tambahan?

**Dato' Goonasakaren A/L Raman:** Soalan akhir. Ramai di kalangan anak-anak masyarakat India yang tidak dapat ke sekolah berikutan daripada masalah dokumentasi pengenalan diri ini, apakah tindakan susulan Kementerian Dalam Negeri bagi memastikan wujud persefahaman dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan anak-anak ini dapat meneruskan pelajaran mereka di sekolah rendah mahupun sekolah menengah? Adalah tidak wajar sekiranya masa depan pelajar berkenaan terjejas akibat daripada ketiadaan dokumentasi pengenalan diri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang KDN prihatin tentang masalah murid-murid, pelajar yang tiada kad pengenalan dan sebagainya. Sudah tentu KDN atau pun saya akan menjawab soalan yang pertama dan yang ketiga kalau saya senaraikan di sini.

Jadi untuk program atau pun sijil kelayakan dokumen dan sebagainya, kita telah mengadakan *outreach programme* iaitu sebanyak 6,326 program *outreach* di seluruh Malaysia, dan kita telah menerima bilangan permohonan seramai 152,000 orang yang telah memohon. Setakat ini sehingga tahun 2016, seramai 148,000 telah diluluskan dan bakinya masih dalam proses dan sudah pasti soalan Yang Berhormat tadi mungkin telah dimasukkan ke dalam kategori yang telah lulus, walaupun ada lebih kurang 3,259 masih lagi dalam proses.

Dan untuk soalan yang kedua, saya senaraikan sebagai masyarakat India atau kaum India yang sebelum merdeka dan selepas merdeka. Kita sudah ada jawatankuasa kabinet iaitu SITF.

Saya ingat Yang Berhormat pun selalu menyoal soalan ini, iaitu *Special Indian Task Force* untuk mendaftar ataupun dalam program MyDaftar yang telah kita adakan dua kali setakat ini, tahun 2011 di mana seramai 9,218 kaum India telah memohon, dan yang lulus 6,612, dan yang ditolak 449, dan yang tidak lengkap kita ada lebih kurang 2,000. Program kedua MyDaftar khas untuk kaum India, pada tahun 2013 kita telah meluluskan 1,617, tolak 923, yang tidak lengkap 3,863 dari seluruh permohonan yang diterima pada masa itu iaitu 7,651. Tadi Yang Berhormat ada menyebut ada lebih kurang 300,000 kaum India ataupun statistik Yang Berhormat beri tetapi mengikut apa yang kita buat pada dua tahun ini, kita hanya menerima lebih kurang 16,000 sahaja yang datang untuk memohon. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator.

**Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di sini saya ingin mengemukakan beberapa perkara. Pertama sekali warganegara, yang mana pemohon ini mengemukakan permohonan selepas itu dia dapat surat katakan ditolak, tetapi tidak diberikan apa sebab ditolak. Dikatakan tidak boleh dirayu dan selepas setahun boleh mohon balik. Pemohon ini dia tidak tahu mana yang kelemahan mereka, apa yang dokumentasi yang tidak cukup untuk mereka. Tahun hadapan mereka akan mohon balik dan tolak balik, sampai bila perkara ini akan berlaku. Saya minta daripada menteri, adakah mekanisme yang lain yang membolehkan memberikan satu keterangan kepada pemohon di mana kriteria-kriteria mereka yang tidak ikuti untuk mereka ditolak daripada permohonan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat, tadi saya sudah menyebut tentang program *outreach* yang diadakan dan kita telah pun menerima banyak permohonan.dalam hal ini adalah ditegaskan bahawa beban untuk membuktikan kelayakan dianugerahkan kewarganegaraan terletak di bawah tanggungjawab setiap pemohon bagi mengemukakan dokumen yang sahih. Kerajaan akan mempertimbangkan sewajarnya mengikut perundnagan sepeetimana yang diperuntukkan oleh Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

**2.** **Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) sedarkah kementerian dan Bank Negara Malaysia (BNM) syarat ketat yang dikenakan oleh institusi perbankan terhadap pembeli hartanah membantutkan hasrat kerajaan untuk membantu rakyat memiliki rumah pertama sekali gus berlakunya lambakan hartanah yang tidak terjual; dan

(b) apa kaedah terbaik agar Bank Negara Malaysia (BNM) lebih fleksibel dalam menangani kes seumpama ini.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Sebelum saya meneruskan jawapan ini, saya nak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Aknan yang baru dilantik untuk mewakili masyarakat Siam.

Untuk makluman Yang berhormat Senator, di Jerlun saya ini ada 2,000 orang penduduk Siam, 800 orang pengundi. Mudah-mudahan kita dapat kerjasama pada masa depan.

Kedua, saya nak mengalu-alukan kedatangan di Dewan ini kepada Ahli-ahli Koperasi Nasional Kedah ke Dewan yang mulia ini. Selamat datang ke sini.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah pun mengeluarkan garis panduan amalan pembiayaan bertanggungjawab untuk tujuan memastikan peminjam dapat pembiayaan sejajar dengan kemampuan mereka membayar balik pinjaman di sepanjang tempoh pembiayaan.

Ini akan mengurangkan risiko peminjam terjerumus dalam masalah kewangan akibat dibelenggu bebanan hutang berlebihan yang boleh mengakibatkan rumah dilelong, disebabkan kegagalan membayar balik pinjaman. Peminjam yang layak terus boleh mendapat *access* kepada pembiayaan termasuk hal-hal yang berkaitan dengan rumah mampu milik. Pembeli rumah pertama yang berkelayakan boleh mendaftar diri untuk pinjaman perumahan dengan institusi-institusi perbankan yang menyertai program-program yang diluluskan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam usaha membantu rakyat mendapatkan kemudahan kewangan bagi pembelian rumah kediaman, pihak kerajaan telah melaksanakan beberapa program-program pembiayaan seperti berikut:

(i) Skim Jaminan Kemudahan Kewangan oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) iaitu yang dilancarkan pada tahun 2008 yang menyediakan jaminan pinjaman kepada mereka yang tidak mempunyai penyata gaji sehingga 100 peratus untuk membeli rumah kos rendah dan sederhana rendah yang bernilai RM300,000 ke bawah;

(ii) Skim Rumah Pertamaku. Skim ini dilancarkan pada tahun 2011 untuk golongan yang berpendapatan RM5,000 ke bawah ataupun *joint income* dengan izin, *not more than RM10,000* sebulan untuk memiliki rumah pertama. Pembiayaan diberikan adalah sehingga 100 peratus bagi rumah pertama bernilai RM200,20 ke bawah atau pun kalau *joint name* RM500,000 ke bawah;

**(iii)** Skim Perumahan Belia. Skim ini dilancarkan pada tahun 2015 untuk pasangan suami isteri 25 tahun hingga ke-40 tahun yang berpendapatan tidak melebihi RM10,000 sebulan. Ini juga 100 peratus pembiayaan untuk rumah pertama RM500,000 ke bawah; dan

**■1020**

(iv) Skim Pembayaran Deposit Rumah Pertama, *MyDeposit* yang dilancarkan pada 2016, bertujuan untuk membantu golongan berpendapatan RM3,000 hingga ke RM10,000 membiayai deposit bagi sepuluh peratus pertama untuk ataupun maksimum sampai RM30,000 bagi rumah bernilai RM500,000 ke bawah.

Terkini dalam bajet baru-baru ini berkaitan dengan *step-up end-financing* bagi rumah-rumah PR1MA iaitu skim di mana kerajaan menyediakan jaminan sehingga satu pertiga ataupun RM100,000, mana yang lebih rendah.

Jadi, semua ini termasuk juga bagi penduduk luar bandar pula, kerajaan menyediakan contohnya macam dalam bajet baru ini, *MyBeautiful New Home* iaitu membina 5,000 unit rumah antara 40,000 ke 50,000, bajet diperuntukkan RM200 juta dan yang menariknya RM20,000 adalah dalam bentuk subsidi, kemudian pembeli ini bolehlah bayar mengikut kemampuan sehingga RM200 sebulan dan sebagainyalah.

Kemudian Rumah Mesra Rakyat SPNB seperti yang telah lama dilancarkan dan dilaksanakan juga diberikan subsidi sebanyak RM20,000. Kemudian dalam bajet baru-baru ini juga ada Pembangunan Infrastruktur Rumah Generasi Kedua FELDA sebanyak RM200 juta, FELCRA RM100 juta dan juga RISDA RM100 juta.

Bagi mereka yang perlu untuk mendapat nasihat, khidmat kaunseling, pengurusan kredit, kita ada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit yang boleh membimbing bagaimana hendak meningkatkan keupayaan dan juga mengurus kewangan mereka dan seterusnya melayakkan mereka membuat pinjaman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

**Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri yang menjawab. Saya ingin mencadangkan agar Bank Negara Malaysia atau BNM perlu mengkaji kembali polisi pengetatan pinjaman yang dikenakan. Pertama, melihat portfolio pinjaman yang dapat memberikan nilai tambah kepada aset pengguna pada jangka masa panjang dan salah satunya aset hartanah. Ini kerana kebanyakan pembeli pertama. Mohon pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bukan soalan, itu cadangan sahaja.

**Dato' Othman bin Aziz:** Ya. Terima kasih, kita ambil perhatian. Akan tetapi saya hendak ingatkan jugalah, sebenarnya kerja bank ini sebenarnya, *business*nya bagi pinjaman. Ia akan bagi pinjaman kepada sesiapa pun yang layak sebenarnya. Cuma, masalah kita hari ini kadang-kadang kita ada masalah, masalah ini daripada segi sama ada rekod hutang lama dan sebagainya yang timbul hanya bila kita hanya sedar bila kita betul-betul hendak mengemukakan pinjaman perumahan dan pinjaman kereta dan sebagainya. Jadi, kadang-kadang kita tidak mengurus hutang itu dengan baik.

Jadi, sudah tentulah kita sedar bahawa kalau boleh itu semua rakyat Malaysia ini yang layak memiliki rumah ini apatah lagi rumah pertama, maka mereka ini kita akan cuba bantu. Akan tetapi syaratnya sudah tentulah mereka perlu menyelesaikan masalah-masalah sekiranya ada, kalau tidak, mereka akan *insya-Allah* mendapat pelbagai pinjaman yang ditawarkan oleh pelbagai bank. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Senator Dato’ Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

**Dato’ Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syarat yang ketat oleh bank-bank, termasuk Bank Negara, ada hubung kait dengan peminjam-peminjam, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya teringat pada tahun 2013, Menteri Kewangan sendiri, Timbalan Menteri Kewangan pada ketika itu telah menyatakan bahawa bank-bank perlu turun untuk membantu peminjam-peminjam ini yang celik kewangan. Mereka ini kurang faham, kadang-kadang *management of account* itu, dengan izin, tidak tepat dan sebagainya.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa masih ada program-program sedemikian yang turun ke bawah yang membantu anak-anak muda ini yang sekarang ini kita tengok kredit kad dan sebagainya. Peminjam-peminjam yang tidak faham dengan status ataupun *requirements* oleh bank-bank tempatan, termasuk juga dengan polisi Bank Negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Senator Dato' Suhaimi Jerai. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Bank Negara ada satu buah agensi dipanggil AKPK ataupun Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit. Agensi ini berperanan memberi kaunseling, nasihat, tunjuk ajar kepada pelbagai segmen masyarakat, terutama sasaran utama mereka murid-murid sekolah menengah, pelajar universiti dan sebagainya. Mereka turun ke bawah memberi penerangan tentang bagaimana hendak menguruskan kewangan masing-masing.

Jadi, kadang-kadang kita tahu bahawa apabila pelajar universiti sudah keluar, mulai melangkah masuk alam pekerjaan mungkin gaji permulaan RM3,000 atau RM4,000, mungkin selepas itu setahun kemudian berkahwin, isterinya juga mungkin bekerja, mungkin *joint income* dalam RM5,000 hingga RM6,000. Jadi, dari situ kita kena ingat bahawa kita ada macam satu pendapatan kasar ditolak *statutory deduction* dipanggil. Maksudnya, macam EPF, SOCSO dan sebagainya, maka kita akan dapat pendapatan bersih.

Jadi, pendapatan bersih ini pula kita kena ingat, 60 peratus daripada pendapatan itu dikira, baru bank akan mengambil kira untuk kelayakan meminjam. Contohnya, katalah pendapatan bersih pasangan itu RM5,000, kalau 60 peratus, maknanya RM3,000. Akan tetapi RM3,000 itu kita ingat banyak, rupanya isterinya membeli kereta, suami pun membeli kereta, ada yang kad kredit, ada yang PTPTN dan sebagainya.

Jadi akhir sekali, rupanya setelah ditolak, maka tinggal mungkin RM700 atau RM800. Maka, inilah isunya di mana apabila mereka pergi ke bank untuk meminjam buat perumahan, minimum pendapatan ataupun pembayaran yang diperlukan RM1,200 kata. Jadi, *gap* itu ada. Maka, ini peranan AKPK tadi bagaimana hendak kita bagi rancang. Kita juga menyeru kepada mereka yang ada masalah-masalah seperti ini berjumpa dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) ini untuk mendapat khidmat nasihat dan sebagainya supaya kita dapat mengatasi kemelut ini. Sebab itulah dalam program yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet baru ini berkaitan dengan *step-up end-financing* inilah. Itulah di mana *gap* mungkin RM300 hingga RM400 itulah yang akan ditampung melalui jaminan dibuat oleh pihak kerajaan.

Jadi, AKPK memainkan peranannya, rakyat perlu jangan bimbang untuk berjumpa dengan AKPK. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**3.** **Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan, baru-baru ini terdapat banyak rungutan daripada pihak peneroka FELDA bahawa bayaran sara hidup semakin berkurangan di bawah RM1,000 dan ada yang menerima hanya RM700. Apa punca sebenar masalah ini dan apakah langkah proaktif yang boleh diambil untuk mengatasi rungutan pihak peneroka terbabit.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** *Bismillaahi Rahmaani Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini FELDA masih meneruskan bayaran bagi pinjaman sara hidup (SH) dan pendahuluan hasil (PDH). Sistem pemberian sara hidup adalah kemudahan pinjaman yang diberikan oleh FELDA kepada peneroka semasa ladang mereka dalam proses ditanam semula bagi tempoh tiga tahun pertama. Ini adalah kerana semasa kerja tanam semula dilaksanakan, pokok sawit masih belum berhasil dan peneroka tidak mempunyai sebarang pendapatan dari ladang. FELDA menawarkan pinjaman sara hidup kepada peneroka dalam tempoh ladang belum berhasil ini.

Walau bagaimanapun, peneroka diberi pilihan untuk menerima atau tidak pinjaman sara hidup berkenaan kerana ia bukanlah satu kemestian. Manakala, pendahuluan hasil diberikan pada tahun keempat dan seterusnya apabila pokok mula berhasil.

Pinjaman sara hidup yang ditetapkan oleh FELDA RM100 seekar bagi tahun pertama, RM120 seekar bagi tahun kedua dan RM130 seekar sebulan bagi tahun ketiga. Bagi pendahuluan hasil pula, peneroka terlibat akan menerima RM140 bagi tahun keempat dan kelima dan seterusnya RM150 bagi tahun ketujuh dan kelapan.

Bagi peneroka yang mengambil pinjaman sara hidup ini ia akan menjadi hutang yang perlu diselesaikan oleh peneroka apabila ladang mula mencapai titik pulang modal dan berupaya menampung pendapatan minimum. Peningkatan kadar pinjaman sara hidup akan berkadar terus dengan jumlah hutang yang ditanggung oleh peneroka atau dengan maksud lain, semakin tinggi pinjaman yang diambil, maka semakin bertambah hutang yang perlu dijelaskan.

Pendapatan bersih peneroka adalah bergantung kepada jumlah pinjaman persendirian peneroka tersebut kerana dalam tempoh itu juga potongan hutang persendirian peneroka seperti pinjaman sosioekonomi iaitu dipotong melalui *pay sheet* peneroka seperti pinjaman pembesaran rumah, purata antaranya RM300 sebulan, pinjaman saham FGV RM50 sebulan, potongan kedai iaitu ambilan barang di kedai D'Mart yang biasanya maksimum RM350 sebulan. Selain itu, terdapat pinjaman yang dipotong secara tunai mengikut kemampuan iaitu pinjaman usahawan yang maksimum RM250 dan pinjaman pelajaran purata RM150.

**■1030**

Antara langkah yang diambil oleh FELDA adalah dengan mengurangkan kadar bayaran bulanan peneroka semasa tempoh pinjaman sara hidup bagi pinjaman sosioekonomi sebagai contoh pinjaman pembesaran rumah yang biasanya dikenakan RM300 akan dikenakan sebanyak RM100 sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih soalan tambahan Yang Berhormat.

**Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana menjawab soalan yang saya kemukakan tadi yang dibentangkan tadi. Walau bagaimanapun kita sedia maklum bahawa masalah peneroka di bawah sana memang ada beberapa masalah dan kita telah menerima rungutan bahawa di antara mereka yang pada mulanya diberi bayaran tambahan dua kali sebulan dan ada masanya memang lewat sekali sebulan. Dan sekali sebulan itu pun diberi terlalu lewat dan ini yang menimbulkan masalah di kalangan peneroka.

Seterusnya rungutan di kalangan peneroka mengenai dengan penyata. Penyata sebagaimana Yang Berhormat Menteri katakan tadi apabila mereka menerima bayaran bulanan pihak FELDA tidak memberikan, tidak menyatakan sebarang penyata bayaran yang jelas, seperti contohnya hasil jualan yang sepatutnya ada dan juga ditolak selepas baki ubahsuai rumah dan ada juga yang merungut bahawa penyata tidak ada di pihak pengurusan FELDA.

Saya amat tertarik apa Yang Berhormat Menteri tadi peneroka terpaksa membayar hasil daripada hutang FGV. Jadi ada juga di antara mereka yang menjadi tanda tanya di peringkat bawah sana mengatakan bahawa FELDA telah melabur kita tahu sekarang ini untuk pengetahuan di kawasan saya di sana separuh daripada pengundi adalah daripada FELDA iaitu kawasan pusat Jengka, Parlimen Kuala Krau. Mereka merungut di kalangan mereka, kenapa pihak FELDA telah pun membeli sebuah hotel di London. Ada lebih baiknya sekiranya hotel itu dibeli di Makkah atau Madinah yang mana kita sedia tahu bahawa dalam masa setahun pihak Malaysia telah pun menghantar 25,000 orang yang setiap tahun mengerjakan haji ke Makkah.

Jadi soalan saya, semoga kementerian mengambil maklum dengan apa permasalahan yang saya utarakan dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian mengenai masalah tadi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Terima kasih Yang Berhormat daripada pertanyaan itu saya boleh pastikan Yang Berhormat Senator, seorang yang memang mahir tentang FELDA sebab soalan itu banyak. Kalau saya jawab semua itu sampai 12.30 kita ini. Akan tetapi satu persatu saya cuba jawab.

Pertama, perkara Yang Berhormat bangkitkan tentang penyata itu betul memang rungutan dari bawah kadangkala sampai 13 helai penyata kita selalu bagi tahu kepada pengurusan untuk perbaiki ini macam, *you give a book,* dengan izin, *a science student's book to an arts student* memang *complicated.* Mulai bulan lepas kita sudah memperkenalkan e-penyata. Ini adalah salah satu penambahbaikan dan kita sedang berusaha untuk memudahkan penyataan-penyataan dalam slip atau *pay sheet* itu penyata itu supaya tidak membebankan peneroka untuk memahami.

Kedua, hutang yang kita berikan itu tanpa faedah. Hutang saham FGV telah pun kita tebus yang mana peneroka hanya perlu membayar RM50 sahaja sebulan tak kira berapa harga saham FGV, mereka tetap membayar selama tempoh 76 bulan lebih kurang 6 tahun 4 bulan pada kadar yang sama.

Ketiga, bila cerita tentang hotel. Hotel, sebelum saya jawab hotel di Makkah, Madinah ini biasanya tak boleh dibeli oleh sesiapa. Ia hanya *sublet* ia akan tak ada orang boleh *own a hotel in Mecca* dan Madinah, dengan izin. Saya percaya masalah yang dibangkitkan tentang FELDA membeli hotel di London juga sedang kita tangani kerana kita ingin melihat keputusan Lembaga yang memutuskan untuk melabur keuntungan FELDA sewaktu penyenaraian FGV dengan membeli hotel.

Cuma masalah dia pelaburan beli hotel ini mengambil masa yang panjang untuk mendapat pulangan. Kita sedang juga melihat tentang perkara tersebut memandangkan pada kala ini kadar tukaran asing dan harga *property* di London itu sedang menurun, maka tidaklah boleh kita nyatakan untuk menjual, menerus dan sebagainya. Namun begitu perkara yang disebutkan tadi sedang kita tangani.

Seperti yang diumumkan akhir sekali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Persidangan Agung UMNO bahawa *lab-* makmal yang kita buat sudah masuk fasa ketiga fasa pelaksanaan dan beberapa pengumuman kita, atau akan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri buat, yang saya yakin dia akan memberi manfaat kepada para peneroka kita yang kebanyakannya penyokong kita pun. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Adam.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyentuh balik soal apabila tanaman semula dilakukan FELDA memberikan pinjaman kepada peneroka. Akan tetapi kita juga sedia maklum bahawa sekarang ini sudah tidak ada rancangan baru diwujudkan dan pokok di merata rancangan FELDA adalah dalam situasi yang matang. Jadi saya hendak bertanya pandangan Yang Berhormat Menteri, daripada kita memberikan pinjaman kepada peneroka apabila di- pokok mereka ditanam semula kenapa tidak ditubuhkan satu tabungan daripada sekarang, di mana peneroka boleh melabur dan kemudian mendapat keuntungan daripada pelaburan tersebut dan apabila sampai masa pokok mereka ditebang semula mereka boleh menggunakan wang tersebut macam dalam simpanan Tabung Haji. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah rancangan?

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Yang Berhormat seolah-olah tahu macam ada soalan bocor. *Insya-Allah* perkara yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu akan kita laksanakan kerana apa, kerana daripada dulu kita mungkin tidak perasan perusahaan kita itu berasaskan pokok yang akan matang dan kena tebang. Jadi dulu kita tidak ada perkara yang dinyatakan itu dan kita belanja berbilion, RM3.5 bilion untuk tanam semula dan Yang Berhormat cakap pun betul untuk tanah 550,000 hektar ladang peneroka hampir semua kita sudah tanam semula.

Maknanya kita berada di tahap yang maksimum menanggung hutang ini. Akan tetapi untuk masa akan datang memang di dalam makmal memang kita ada mencadangkan perkara tersebut tidak boleh saya umumkan secara *detail* tetapi hasratnya begitulah sama ada dalam bentuk fi, dalam bentuk caruman, dalam bentuk tabungan tetapi kita memang perlu kerana kos untuk tanam semula bagi menggantikan semua pokok yang sudah matang ini pada tahun-tahun akan datang melibatkan jumlah yang berbilion. Jadi sudah tentu kita perlu mencari jalan untuk penabungan tersebut bagi mengelakkan penanggungan hutang seperti yang berlaku pada hari ini.

Justeru itu FELDA Techno Plant Sdn. Bhd. sebagai syarikat yang mengusahakan proses tanam semula ini perlu kita tambah baik dan mencari jalan supaya cadangan Yang Berhormat itu terima kasih banyak dapat kita laksanakan.

Akan tetapi saya hendak ambil kesempatan Yang Berhormat awal tadi tak sempat lagi saya hendak jawab tentang apakah langkah-langkah yang diambil. Sukacita saya maklumkan bahawa di peringkat kerajaan, antara perkara yang boleh kita buat menambahkan hasil para peneroka kita. Untuk menambah hasil para peneroka, kita perlu meningkat ataupun memastikan harga kelapa sawit CPO mentah dunia berada dalam keadaan yang stabil.

Tiga perkara boleh saya kongsi. Pertama, penubuhan CPOPC bersama Indonesia. Malaysia dan Indonesia pengeluar 85 peratus minyak sawit mentah dunia. Kita dua-dua kerajaan telah pun menubuhkan satu *council* pengeluar minyak sawit bagi kita mencari kaedah bagaimana harga minyak sawit mentah dunia dapat kita stabilkan.

Kedua, di Indonesia sudah pun memperkenalkan biodiesel di negara kita kerajaan sedang menimbangkan untuk *migrate* beralih daripada B5 kepada B10 bagi biodiesel ini.

**■1040**

Ketiganya, mungkin Ahli Yang Berhormat pun dapat melihat, lawatan Yang Amat Berhormat ke Beijing. Walaupun ramai yang mempersoalkan pelbagai isu, namun dalam lawatan tersebut, Yang Amat Berhormat telah pun membawa MPIC kementerian untuk memastikan kita dapat meningkatkan perdagangan minyak sawit mentah kita dengan negara China. Dan sudah dapat kelihatan peningkatan harga minyak sawit mentah tersebut selepas lawatan Perdana Menteri. Itu antara perkara yang kerajaan buat. Tidak ada cara lain kecuali dengan memastikan harga minyak sawit mentah dunia tidak terlalu jatuh rendah. Pada kala semua komoditi menghadapi masalah yang sama, kita masih dapat mengekalkan harga komoditi minyak sawit mentah ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dr. Mohd Nor bin Haji Monutty:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sebab ada dilaporkan dalam akhbar *Sinar* bahawa di Felda Serting akan ditubuhkan Akademi Tinju yang kosnya lebih kurang RM6.7 juta. Kita mengalu-alukan pada dasarnya, satu kebaikan untuk tujuan riadah dan mungkin komersial.

Akan tetapi, dalam keadaan FELDA yang sedang menghadapi krisis ekonomi, krisis perolehan pendapatan, manakah yang lebih penting? Untuk mencari jalan menambahkan pendapatan FELDA- sampai Perdana Menteri pun terpaksa menyebut dalam Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini untuk mencari formula-formula bagi meringankan bebanan yang sedang dihadapi oleh peneroka-peneroka FELDA di seluruh negara.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, manakah yang lebih penting daripada segi kepentingan? Kalau boleh saya gunakan istilah fikah semasa pada hari ini, dipanggilkan *"fiqh aulawiyat"*, fikah menurut senarai keutamaan. Bagi saya, itu boleh ditangguhkan dahulu dan selesaikan persoalan perolehan pendapatan peneroka-peneroka FELDA yang hari ini menjadi satu isu nasional dalam projek FELDA. Terima kasih.

**Dato' Razali bin Ibrahim:** Jawapan saya kepada persoalan mana lebih penting, peneroka, urusan teras FELDA lebih penting. Terima kasih Yang Berhormat. Bukan perkara-perkara lain.

**4.** **Datuk Haji Kadzim M. Yahya** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, jumlah dan nilai kontrak kerajaan yang dilaksanakan oleh kontraktor dari negara China sejak 2010.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan atau CIDB, terdapat 140 kontrak di negara ini dengan nilai keseluruhan RM38 bilion yang telah di-*award* kepada kontraktor dari negara Republik Rakyat China bagi tempoh dari tahun 2010 hingga Oktober 2016. Daripada jumlah 140 kontrak tersebut, hanya tiga kontrak sahaja melibatkan kontrak kerajaan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM885 juta, manakala bakinya melibatkan projek-projek swasta.

Itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Datuk Haji Kadzim M. Yahya:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang ringkas, namun ia menjawab persoalan yang saya bangkitkan.

Soalan tambahan saya adalah ada pandangan yang mendakwa pelaburan besar daripada negara Republik Rakyat China ini ke negara kita tidak memberi apa-apa manfaat limpahan ekonomi dan kesan-kesan *spin-off* kepada kontraktor-kontraktor kecil dan industri kecil dan sederhana di Malaysia sebab pelaburan-pelaburan dari negara China ini turut membawa bahan-bahan binaan dari negara sumber. Ini merujuk kepada pelaksanaan projek Laluan Keratapi Pantai Timur atau ECRL yang kosnya mencecah RM55 bilion yang dilaporkan akan bermula pada tahun hadapan. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang dikemukakan. Terima kasih.

Ingin saya nyatakan bahawa sememangnya kerajaan, Yang Berhormat, maklum mengenai kebimbangan yang timbul terutama sekali sesetengah pihak yang begitu pesimis mengenai pelaburan besar oleh kontraktor dari negara China bagi projek yang bersifat G2G atau *government-to-government*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita masih ingat, kebimbangan yang sama juga pernah berlaku, Yang Berhormat, pada dekad 80-an dan juga 90-an yang lepas di mana kontraktor dari negara Jepun dan Korea turut terlibat dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan pada ketika itu.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya jelaskan bahawa kerajaan sudah tentu akan memastikan pelaksanaan projek-projek yang dilaksanakan oleh kontraktor dari negara China itu nanti akan memberi manfaat dan juga limpahan ekonomi kepada rakyat dan juga turut sama melibatkan kontraktor-kontraktor tempatan, Yang Berhormat.

Sehubungan itu, pada masa kini, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri serta MITI sedang merangka mekanisme untuk memastikan syarikat-syarikat asing termasuklah yang daripada negara China ini yang melaksanakan pelaburan besar dalam projek-projek kerajaan turut menggunakan bahan mentah ataupun bahan binaan tempatan.

Terdapat beberapa buah komponen tempatan yang mungkin boleh ditawarkan seperti besi keluli atau *railway sleepers,* Yang Berhormat. Ini bagi membolehkan projek-projek tersebut memberikan kesan *spin-off* yang maksimum kepada negara iaitu daripada segi pertumbuhan ekonominya, pemindahan teknologi dan juga peluang-peluang pekerjaan kepada kontraktor-kontraktor kecil dan pengusaha industri kecil dan sederhana atau IKS. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, perkara ini masih dalam peringkat perbincangan.

Namun begitu, kita juga pada masa yang sama perlu bersifat ataupun bersikap realistik bahawa tidak semua projek di negara ini perlu disyaratkan untuk menggunakan komponen atau bahan binaan tempatan sepenuhnya. Ini mengambil kira ada komponen atau bahan binaan yang tidak dihasilkan di Malaysia dan perlu diimport dari negara lain. Seperti contoh, Yang Berhormat, saya ingin beri contoh MRT sendiri, projek MRT di mana kontraktor terpaksa mengimport komponen seperti *tunnel boring machine,* dengan izin, dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kesan limpahan dan kerjasama ekonomi daripada projek-projek yang dilaksanakan secara *G-to-G* sebenarnya hasil daripada hubungan akrab dan juga *goodwill* di antara kedua-dua negara iaitu China dan juga Malaysia.

Berikutan lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke China pada awal bulan November lepas, Kerajaan China telah bersetuju secara prinsip untuk meningkatkan jumlah import minyak sawit dari negara kita. Hari ini para pekebun kecil sawit telah mula merasai faedah melalui peningkatan harga komoditi berkenaan. Difahamkan harga minyak sawit mentah telah meningkat melebihi RM3,000 pada awal bulan ini. Begitu juga dengan harga getah *cup lumps* yang juga meningkat sejak akhir-akhir ini.

Ini sebenarnya Yang Berhormat, tidak berlaku secara kebetulan. Sebaliknya, kita perlu menyedari bahawa ini hasil usaha dan juga peranan kerajaan yang sentiasa komited untuk mendorong peningkatan harga komoditi berkenaan, antara lain melalui kerjasama dengan negara-negara asing ataupun negara-negara luar untuk meningkatkan permintaan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu jawapan yang cukup baik. Ada soalan tambahan lagi? Silakan Yang Berhormat.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, negara kita memang rancak sekarang. Pelabur-pelabur datang ke negara kita dan juga negeri-negeri untuk merancakkan pembangunan dan juga ekonomi di negara kita.

Jadi, satu soalan sahaja iaitu adakah terdapat langkah-langkah pemantauan yang dilakukan oleh kementerian bagi memastikan semua projek yang dikendalikan oleh kontraktor dari China mempunyai tahap kualiti terutamanya daripada segi bahan-bahan yang digunakan? Walaupun di negara kita memang digunakan, tetapi ada bahan-bahan yang terpaksa diambil dari negara China terutamanya, dan pastikan langkah-langkah kualiti bahan-bahan itu yang tersebut. Apa yang berlaku di negeri Melaka, bila monorel, tidak sampai sebulan, benda itu rosak. Jadi, itu sahaja.

**■1050**

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan yang dikemukakan. Sebenarnya Yang Berhormat, janganlah kita perlu risau Tuan Yang di-Pertua kerana selain daripada Kementerian Kerja Raya, agensi-agensi lain juga terlibat dalam usaha untuk memastikan bukan sahaja kualiti kerja tetapi kualiti bahan binaan itu berada pada tahap yang terbaik yang memberikan ruang dan peluang kepada kita untuk memastikan tahap pembinaan ataupun industri binaan negara itu berada pada tahap yang terbaik. Bukan sahaja datang daripada kontraktor tempatan Yang Berhormat tetapi juga apatah lagi daripada kontraktor luar.

Untuk menjawab kepada persoalan Yang Berhormat saya ingin nyatakan di sini bahawa di peringkat kementerian kita ada *safeguard* kita tersendiri dalam bentuk Akta CIDB kita ya. Daripada segi perundangan di mana seksyen 33C, Akta CIDB, atau Akta 520, telah menentukan bahawa bahan-bahan binaan perlu diperakui oleh pihak lembaga sebelum ia digunakan untuk industri binaan negara. Ini termasuklah bukan sahaja undang-undang ini hanya khas untuk kontraktor tempatan tetapi juga kepada kontraktor luar terutamanya. Manakala daripada segi perundangan juga tindakan boleh diambil di mana jika disabitkan kesalahan kontraktor boleh dikenakan denda yang tinggi Yang Berhormat ya dalam akta ini di antara RM10,000 hingga RM500,000.

Daripada segi perundangan selain daripada mengenakan denda Yang Berhormat, kita juga ada perundangan daripada segi penjara, boleh dikenakan ke atas kontraktor sekiranya ada kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah akta ini sendiri. Selain daripada itu Yang Berhormat daripada segi pekerja binaan untuk projek tertentu yang mempunyai amaun yang tertentu terdapat perkiraan pekerja binaan yang boleh dibawa daripada negara asal.

Contohnya sekiranya sesuatu projek itu dilaksanakan oleh negara China dengan satu jumlah amaun yang tertentu terdapat kiraan Yang Berhormat yang tidak melebihi jumlah-jumlah tertentu. Jadi ada had yang dikenakan sekiranya negara asal atau negara sumber ingin membawa pekerja mereka sendiri untuk ke negara kita. Dua bentuk sekatan ataupun juga selaku *safeguard* yang boleh kita laksanakan yang boleh saya kongsi Yang Berhormat namun sekiranya ada lagi saya akan bekalkan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong dan memuji usaha yang dijalankan oleh Perdana Menteri kita untuk menarik pelabur asing terutamanya dari China datang ke Malaysia. Akan tetapi dalam pada itu saya hendak menjemput Yang Berhormat Menteri cuba datang ke Pengerang di mana projek RAPID sedang dijalankan dengan pesat. Projek ini projek Petronas. Apa yang saya hendak nyatakan di dalam Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua ialah pagi-pagi berbas-bas pekerja China diangkut dari Bandar Penawar pergi ke RAPID, Pengerang. Implikasinya sangat tidak baik kepada penduduk tempatan. Penduduk tempatan mohon kerja tak dapat.

Jadi saya hendak tanya, betul tadi Yang Berhormat telah menjelaskan soal kawalan daripada segi pengambilan pekerja akan tetapi isu di peringkat bawahan dah menjadi negatif. Kalau lori, memang dibawa betul dari negara China datang ke mari. Persoalan yang saya hendak kemukakan, tidak adakah misalnya kata *supplier,* dengan izin, dari Malaysia yang boleh mengeluarkan lori? Tentu ada.

Jadi perkara-perkara macam ini saya minta kerajaan memperhalus supaya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Kadzim M. Yahya tadi kita *win-win situation*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kebimbangan Yang Berhormat juga kebimbangan kami. Oleh daripada itu Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kerajaan dengan partisipasi oleh semua pihak termasuklah daripada Kementerian Kerja Raya, KDN dan sebagainya kita sedang membincangkan perkara-perkara ini Yang Berhormat dalam rangkuman perkara-perkara yang lain lagi yang melibatkan faktor *foreign investor* ini.

Bukan sahaja pada mesyuarat *to the highest level from top to bottom*, Yang Berhormat, semua *level* kita bincangkan perkara yang sama. Ini kerana kita faham ada beberapa perkara memerlukan perubahan dasar dari negara kita yang perlu kita memperincikan. Saya faham Yang Berhormat sudah tentu kebimbangan Yang Berhormat itu juga seperti yang saya katakan bukan sahaja kebimbangan kami tetapi perkara ini sedang diteliti dan dikaji dan *insya-Allah* akan ada tindakan-tindakan susulan yang akan dibuat selepas ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjelaskan. Saya rasa saya terpaksa juga memberi sedikit pandangan walaupun saya ingat tak mahu bangun setelah mendengar rintihan sahabat-sahabat Yang Berhormat tadi. Kita pada dasarnya memang menyokong usaha pihak kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk membuat satu langkah inisiatif yang cukup baik dengan memanggil *investors* dari China datang ke negara kita.

Sedikit soalan, apakah pihak kerajaan telah benar-benar berhati-hati meneliti secara teliti implikasi jangka pendek dan jangka panjang? Implikasi yang bukan sahaja berbentuk penggunaan kualiti yang dikatakan oleh sahabat saya tadi. Implikasi yang berbentuk pekerjaan, *employment,* implikasi menggunakan lori dari China. Apa yang saya bimbangkan implikasi ekonomi dalam jangka panjang dan juga implikasi politik dan sekuriti.

Contohnya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, banyak sebelum ini berlaku di mana *investment* dari China telah memasuki negara-negara di Afrika seperti di Angola, Zimbabwe bahkan sebelum itu di Tibet, sekarang juga berlaku di Indonesia. Di mana dikatakan- ini mungkin kalau saya silap saya minta maaf- dikatakan pekerja-pekerja yang dibawa dari negara China ini, walhal kita mempunyai pekerja di sini, dibawa dari negara China, mereka merupakan askar? Jadi berlaku di Tibet dan kita pun tahu apakah yang telah berlaku di Tibet dan sekarang di Indonesia.

Implikasi ini yang saya cukup bimbang, saya sebagai rakyat Malaysia saya cukup takut dan bimbang kalau kita tidak teliti daripada segi implikasi jangka pendek dan panjang negara kita akan menghadapi satu masalah yang cukup besar yang akan menimpa negara kita ini. Saya harap tidak berlaku.

Saya mungkin salah tetapi saya minta pandangan apakah kita betul-betul teliti walaupun kita memang cukup berminat, kita menyokong *investment* yang membawa satu keuntungan yang cukup lumayan. Akan tetapi apakah kita telah teliti implikasi yang lain?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Itu yang hendak saya tahu. Saya harap pihak kerajaan dapat meneliti sepenuhnya. Saya minta maaf mungkin agak negatif tetapi saya takut sebagai rakyat negara ini saya pun agak bimbanglah. Banyak bimbang bukan sedikit bimbang, banyak bimbang yang akan berlaku kepada negara kita pada masa hadapan. Terima kasih.

**■1100**

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, soalan itu lebih kepada Kementerian Dalam Negeri. Kalau boleh jawab, jawablah.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Sebenarnya Yang Berhormat, saya juga memahami apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator. Akan tetapi, izinkan saya untuk sedikit sebanyak mungkin kita perlu ya dalam perkara ini, perlu mengimbangi, di mana pertamanya daripada segi implikasi *foreign investor* ini bukan sahaja perkara liberalisasi yang kita mungkin tidak boleh elak.

Negara juga pada masa yang sama memerlukan input luar Yang Berhormat, di mana kita tidak mempunyai kepakaran dan juga orang kata kekuatan daripada segi kewangan untuk melaksanakan sesetengah projek itu.

Pada masa yang sama Yang Berhormat, sebenarnya mereka datang ini bukan sahaja datang sebagai kontraktor tapi pada masa yang sama, mereka datang sekali *package* dengan pinjaman kewangan untuk membiayai sesetengah projek itu dan juga sudah tentu saya tidak menafikan implikasi negatif juga wujud, hasil kedatangan *investor* ataupun mereka dari luar.

Akan tetapi Yang Berhormat, yakinlah dengan kewibawaan kerajaan kita kerana perkara ini sebenarnya Yang Berhormat, bukan sahaja sedang, kerajaan mempunyai pendekatan-pendekatan dan termasuklah apa yang saya nyatakan kepada jawapan awal saya kepada Yang Berhormat Senator tadi, di mana perbincangan sentiasa diteruskan untuk memastikan formula-formula dan kalau perlu ada perubahan dasar, kita buat perubahan dasar untuk memastikan kesejahteraan negara kita menjadi keutamaan kita bukan kesejahteraan *foreign investor* ini. Akan tetapi lebih kepada kewajipan dan kesejahteraan negara kita yang perlu didahulukan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah.

**5.** **Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, adakah kajian dibuat untuk membina *tube well* di Lembah Klang khususnya di kawasan penduduk yang terjejas bekalan air akibat pencemaran sungai baru-baru ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan terima kasihlah kerana Yang Berhormat Menterilah yang paling banyak datang ke Parlimen.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]:** Oh! *Masya-Allah*. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia ataupun JMG di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar merupakan salah sebuah jabatan yang terlibat secara langsung untuk khidmat nasihat teknikal kepada kajian sumber air, tanah di Kuala Lumpur dan Putrajaya yang dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat sumber air tanah di kedua-dua kawasan dan jika berpotensi, telaga tiub akan dibina dan sumber air tanah itu akan dibangunkan untuk digunakan secara bersama ataupun *conjunctive* dengan air permukaan.

Berdasarkan kepada keputusan awal kajian, terdapat sumber air tanah yang berpotensi di Putrajaya yang mampu memenuhi 30 peratus daripada jumlah permintaan air terawat bagi kawasan tersebut iaitu di Putrajaya. Akan tetapi atau manakala di Kuala Lumpur, kajian masih dijalankan dan kajian yang telah pun bermula tahun ini, bulan April yang lalu 2016 dan akan berakhir 2017.

Di samping itu, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, JMG ataupun Jabatan Mineral dan Geosains sedang menjalankan satu projek berkaitan sumber air tanah yang dinamakan sebagai *Project Water Stressed Area*. Projek ini bertujuan untuk membina telaga dan membekalkan air yang dirawat secara ringkasnya dari telaga tiub di kawasan yang telah dikenal pasti sering mengalami kekurangan air berjadual, kekurangan air di loji seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Senator tadi. Kawasan tumpuan adalah di Daerah Kuala Langat, Hulu Selangor, Sepang, Hulu Langat dan Klang.

Secara ringkasnya, daripada kajian-kajian yang terdahulu, telaga-telaga tiub di dalam batuan keras di sekitar Lembah Klang. Batuan keras ini adalah seperti batuan *canny*, batuan granit- di sekitar Lembah Klang mempunyai potensi yang boleh dimajukan dan JMG akan terus menjalankan kajian tersebut bagi menentukan bahawa sumber air tanah itu berdaya saing dan lestari. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya berhubung dengan *tube well* ini. Saya hendak bertanya, *tube well* dan hubung kait juga dengan sistem sungai kita di Malaysia. Satu kajian yang saya baca daripada *Harvard University* ini menyatakan bahawa air daripada *tube well* ataupun *pond,* mempunyai *arsenic content* yang cukup tinggi.

Dinyatakan di Bangladesh, di antara tahun 2000 hingga 2010 *estimated* di antara 35 juta to 77 *millions,* dengan izin, rakyat Bangladesh yang minum air *arsenic content* tinggi ini. Jadi soalan saya, adakah kajian dibuat di Malaysia ini sama ada di *existing point* yang ada sekarang ataupun dengan yang baru Yang Berhormat kata tadi yang sedang dalam proses dan juga ada hubung kait dengan sistem sungai sekarang.

Saya tertarik kalau dulu, di antara tahun 1993 dan sehingga tahun 2002 kempen '*Sungai Cantik, Cintai Sungai Kita'*. Diadakan dengan 1993 bagi tajuk, "Sungai Bersih dan Indah Warisanku", 2002 "Sungai dan Masyarakat". Saya pernah ingat pergi merasmikan satu pertandingan di kampung saya dan kampung saya Kampung Raga nama dia. Air Sungai Raga itu menjadi *champion* yang cukup bersih dari Gunung Jerai dia turun.

Akan tetapi, sekarang ini kalau kita pergi ke Sungai Raga, kita hendak masuk kaki pun kita takut sudah. Ini sebab program ini sudah berhenti. Pada tahun 2002 program ini sudah pun tamat. Program yang baik sebegini saya mencadangkan kepada Yang Berhormat supaya diteruskan kerana orang kampung memang air daripada sungai beginilah yang mereka- kalau kita tengok di Bukit Belacan contohnya sungainya cukup cantik, tapi bila ada pertandingan lebih dicantikkan lagi. Maknanya mereka ini berusaha untuk membersihkan tidak lagi buang najis di sungai-sungai yang indah ini.

Jadi Yang Berhormat Menteri soalan saya ada dualah. Yang pertama *arsenic content* sama ada kajian dibuat yang kedua ini adakah kementerian ini hendak meneruskan program *Cintai Sungai Kita* ini, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya jawab yang kedua dululah mudah sikit. Program atau projek sungai. Antara projek atau program yang telah dijalankan beberapa tahun yang lalu ataupun termasuk yang terdekat ialah *Cintai Sungai Kita* yang banyak papan tanda di seluruh negara tapi baru-baru ini kita buat kajian semula tentang keberkesanannya.

Mungkin ada satu kajian lain perlu untuk mengkaji tentang sikap manusia terhadap satu-satu program yang dianjurkan oleh kerajaan untuk sama-sama terlibat. Sama ada terlibat secara keseluruhan, jangka masa pendek dan sebagainya yang ini terpaksa kita buat semula.

Kedua, ada juga program atau projek *River of Life,* dengan izin, dalam bahasa Inggeris, *River of Life*. Tujuannya sama, adalah untuk seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi iaitu untuk memastikan bahawa sungai ini sentiasa terpelihara. Untuk mengelakkan daripada terus tercemar, sebagaimana yang sedang berlaku sekarang.

**■1110**

Oleh sebab itulah Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar tidak ada pilihan iaitu pengurusan air ini yang lebih menjurus kepada- bahawa sungai itu merupakan faktor penting perlu diurus secara baik dan kementerian terpaksa mengemukakan suatu rang undang-undang iaitu Rang Undang-undang Sumber Air Negara yang sekarang ini kita sedang jaja di seluruh negeri dan kita buat seberapa banyak *engagement,* dengan izin, dengan *stakeholders* ataupun pemegang taruh. Ini kerana untuk mendapatkan persetujuan tentang rang undang-undang, ini satu bab.

Ada kerajaan negeri yang sukar untuk menerima rang undang-undang ini secara *total*, secara menyeluruh, sedangkan rang undang-undang ini adalah rang undang-undang sebagai *template* untuk dilaksanakan sebagai enakmen negeri dan Yang Berhormat Menteri hanya bertindak sebagai *mediator* atau sebagai orang tengah kalau berlaku perselisihan ataupun perkelahian tentang- misalnya sumber air yang melibatkan lebih daripada satu buah negeri.

Jadi rumusan sebenarnya rang undang-undang tersebut untuk kita membuat satu penguatkuasaan yang kita turunkan di peringkat negeri sebab kita tengok kebanyakan negeri ada enakmen masing-masing tetapi tidak cukup komprehensif dan sudah tentulah tidak cukup kakitangan. Berbeza dengan di peringkat kementerian, kita mempunyai kakitangan atau *staff,* dengan izin, JPS itu sendiri yang cukup dengan kepakaran dalam rang undang-undang tentang sumber air dan sebagainya. Itu maksudnya kita memerlukan satu pendekatan yang holistik daripada segi sumber air khususnya sungai itu sendiri termasuklah lembangan sungai dan sebagainya.

Kemudian berbalik tentang *tube well* ini sebenarnya kajian kita buat secara menyeluruh. Tadi kita sebut tentang sumber air. Yang Berhormat bertanya tentang penggunaan air ini kemungkinan berlaku pencemaran arsenik dan sebagainya. Sebenarnya di Malaysia ini, isu tentang sumber air *tube well* berarsenik tidak timbul. Sebenarnya kalau untuk kegunaan minuman, kita akan sentiasa mendapatkan kelulusan dan analisis sampel air daripada Kementerian Kesihatan. Jadi setakat ini tidak timbul.

Cuma isunya ialah bukan- belum lagi soal arsenik kerana setakat ini isu itu tidak timbul di Malaysia. Mungkin Malaysia ini bertuahlah buat masa ini kan tetapi akan datang kita tidak pasti sebab pencemaran boleh berlaku dengan sebab perubahan cuaca dan sebagainya. Cumanya isunya sekarang saya sebut tadi sama ada, dengan izin, *viable* maksudnya berdaya maju ataupun lestari dalam erti kata lain, kawasan-kawasan umpamanya di lembah- untuk makluman Tuan Yang di-Pertua kerana ini penting- umpamanya kalau di Kuala Lumpur itu sendiri, contoh saya sebut Kuala Lumpur.

Di Kuala Lumpur kawasan *limestone* lebih kurang 30 peratus, ini kita panggil KL *limestone.* Kalau kawasan batuan *Kenny* 20 peratus, kawasan batuan granit 30 peratus, dan batuan ini 20 peratus. Maknanya di sini kalau kawasan *limestone* kita mengetahui kawasan yang sangat sensitif, dan di sini kawasan berpasir sangat, kurang. Kita harapkan kawasan berpasir di atas kawasan *limestone,* tetapi kebanyakan telah pun diganggu.

Ada potensi air di kawasan batuan *canny,* di kawasan batuan granit di kawasan batuan- ini ada potensi, cuma sekarang sama ada *viable* atau tidak. Kalau kawasan *limestone* itu sangat sensitif kerana perlu ada kajian tentang sifat *limestone* itu sendiri termasuk kadar *recharge* air. Kalau kadar *recharge* air makna air kembali semula ke kawasan *limestone,* kurang kemungkinan struktur *limestone* akan lemah dan boleh menyebabkan berlaku *disaster* dengan izin, ataupun tiba-tiba runtuh. Ini antara kajian-kajian yang telah pun kita buat. Jadi isu utama adalah lebih kepada kuantiti bagi Kuala Lumpur begitu juga di kawasan-kawasan lain.

Di kawasan lain Lembah Klang selain dari Kuala Lumpur ada potensi. Cuma sama ada, dengan izin, *viable* dan juga lestari. Tentang arsenik setakat ini *insya-Allah* boleh terjamin. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat *so* yang penyelidikan arsenik itu kita ada buat kah tidak buat?

**Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri:** Oleh sebab laporan daripada Kementerian Kesihatan tidak ada isu, maka kajian secara terperinci tidak buat. Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan akan sentiasa memantau bersama dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan.

**6.** **Puan Bathmavathi Krishnan** minta Menteri Pendidikan menyatakan, sama ada Bahagian Buku Teks menyediakan dan membekalkan semua buku teks yang diperlukan dalam bentuk *braille* bagi pelajar OKU penglihatan di sekolah sebelum mulanya sesi tahun baru. Jumlah pelajar OKU penglihatan yang kini ada di sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula menguruskan perolehan pentranskripsian dan pembekalan buku teks dalam bentuk *braille* pada tahun 2006.

Buku teks *braille* berkenaan dibekalkan kepada setiap murid cacat penglihatan yang berada di sekolah atau program pendidikan khas integrasi seluruh negara.

Bermula pada tahun 2010, semua buku teks Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) tahun satu hingga tahun enam telah ditranskripsikan dalam bentuk *braille* dan dibekalkan sebelum sesi persekolahan bermula mengikut tahun kegunaan semasa. Kini KPM sedang menguruskan pembekalan buku teks baru jilid satu iaitu buku teks KSSR Semakan dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) untuk kegunaan sesi persekolahan 2017. Sebanyak 11 judul buku teks KSSR semakan dan 21 judul buku teks KSSM sedang dalam proses akhir pentranskripsian dalam bentuk *braille.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2016 terdapat 934 orang murid cacat penglihatan di sekolah rendah dan sekolah menengah kendalian KPM di seluruh negara. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Silakan Yang Berhormat Puan Bathmavathi.

**Puan Bathmavathi Krishnan:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan kepada Kementerian Pendidikan ialah apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menempatkan murid berkeperluan khas dalam program pendidikan inklusif bagi tahun 2017 seperti mana terdapat dalam Pelan Tindakan OKU 2016–2022, sasaran jangka masa panjang adalah untuk menempatkan 75 peratus murid berkeperluan khas dalam pendidikan inklusif. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Bathmavathi Krishnan atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha kita untuk melaksanakan program pendidikan inklusif, beberapa langkah telah kita ambil:

(i) guru telah mengenal pasti murid yang layak mengikuti pendidikan inklusif separa atau inklusif sepenuhnya;

(ii) pentadbir sekolah dan guru perlu bersedia menerima murid yang akan diinklusifkan;

(iii) murid dalam kelas arus perdana juga hendaklah bersedia menerima murid yang diinklusifkan;

(iv) pentadbir akan diberikan latihan tentang program pendidikan inklusif; dan

(v) guru kelas arus perdana yang menerima murid inklusif ini juga akan diberikan latihan tentang program ini.

Sehingga kini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah membuat program Rintis Inklusif secara holistik pada guru-guru di kawasan Taiping, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas.

**Datuk Dr. Lucas Umbul:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi ruang kepada saya untuk bertanya soalan tambahan. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memfokuskan soalan saya kepada isu penulisan buku teks iaitu tentang mata pelajaran Sejarah yang dipelajari oleh anak-anak murid kita di seluruh negara.

**■1120**

Mengikut pengumuman Kementerian Pendidikan pada tahun 2010, telah mewajibkan pendidikan sejarah dan lulus peperiksaan dalam Sijil Pelajaran Malaysia telah menimbulkan pelbagai reaksi masyarakat Malaysia. Mereka mengkritik kandungan buku teks Sejarah daripada segi kualiti fakta dan keterangan serta liputan sejarah yang tidak seimbang atau bersifat berat sebelah. Misalnya, dengan izin, *the centre for Malay policy initiatives*, Malaysia dan gerakan kempen sejarah Malaysia sebenar pada tahun 2011 mengkritik kokurikulum Sejarah dipenuhi dengan fakta yang tidak tepat atau separuh benar dan tidak seimbang daripada segi perspektif.

Persatuan Guru Sarawak melaporkan dalam akhbar dalam *The Sun Daily* bahawa buku teks Sejarah tidak memberikan keterangan daripada perspektif yang betul sebaliknya bersifat berat sebelah pada Tanah Melayu.

Kritikan yang sama datang dari *Centre of Malaysian Chinese Studies, Nanyang University Alumni Asssociation*, dengan izin, dan Persatuan Kebajikan dan Pendidikan KadazanDusunMurut. Pada tahun 2015, Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak sendiri mengkritik buku teks Sejarah kerana tidak memberi ruang yang cukup untuk sejarah Sarawak dan Sabah.

Pada 28 September 2016 pula, persatuan guru sabah telah membuat satu laporan polis terhadap penulis dan penerbit buku teks Sejarah Tingkatan 1 kerana isu fakta dan keterangan yang tidak tepat. Persoalan saya kepada kementerian, apakah usaha kementerian supaya memastikan bahawa penulisan-penulisan buku teks Sejarah ini haruslah berlandaskan kepada fakta-fakta yang benar? Apakah pendapat Yang Berhormat Menteri Pendidikan? Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab soalan itu tidak ada kaitan langsung dengan soalan asal yang berkaitan dengan buku teks *braille* untuk murid-murid cacat penglihatan, maka saya tidak boleh menjawab pada hari inilah. Minta maaf. Terima kasih.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, boleh beri secara bertulis atau tidak?

**Datuk Chong Sin Woon:** Boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Khairul Azwan bin Harun.

**Tuan Khairul Azwan bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada sedikit pertanyaan kepada Yang Berhormat Menteri. Berhubung dengan buku teks *braille*, saya hendak tanya, sejauh mana pendidikan inklusif ini juga mengambil kira *braille e-book* atau pun komputer yang mempunyai kemudahan untuk murid-murid yang cacat penglihatan? Sejauh mana setakat ini, pendekatan itu diguna pakai selain daripada buku teks *braille* itu sendiri? Terima kasih.

**Datuk Chong Sin Woon:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. setakat hari ini, Kementerian Pendidikan Malaysia belum lagi menyediakan komputer secara *braille* untuk mereka yang kecacatan penglihatan. Walau bagaimana pun, kita akan mengambil isu ini untuk pertimbangan kementerian. Sekian, terima kasih.

7. **Datuk Ng Chiang Chin** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan, insentif diskaun yang ditawarkan dalam Bajet 2017 kepada peminjam PTPTN di mana 15 peratus diskaun baki hutang bagi penyelesaian penuh pinjaman dan diskaun 10 peratus untuk bayaran sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang dalam sekali bayaran, adakah kerajaan akan mempertimbangkan penawaran insentif diskaun kepada peminjam PTPTN yang membuat penyelesaian penuh pinjaman dan mereka membayar balik secara konsisten sebelum 22 Oktober 2016.

**Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi [Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin atas soalan yang berkaitan dengan PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin pada hari ini, dengan pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin, dan Yang Berhormat Senator Datuk Prof. Dr. Sim Kui Hian pada 20 Disember 2016 kerana isu yang dibangkitkan adalah berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih. Sehingga 31 Oktober 2016, sebanyak 2.6 juta pinjaman telah diluluskan melibatkan jumlah peruntukan sebanyak RM59.67 bilion sehingga peminjam tamat pengajian.

Bagi tempoh yang sama juga jumlah bayaran balik yang berjaya dikutip adalah sebanyak RM10.07 bilion daripada 1.2 juta orang peminjam berbanding 18.48 bilion yang sepatutnya dikutip daripada 1.9 juta orang peminjam.

Sehingga 10 November 2016, seramai 1,574,700 orang peminjam telah disenaraikan dalam sistem maklumat rujukan kredit berpusat Bank Negara yang melibatkan nilai pinjaman berjumlah RM32.07 bilion. Daripada jumlah tersebut seramai 78,331 orang peminjam adalah dari Sarawak yang melibatkan nilai pinjaman sebanyak RM1.69 bilion. Sistem maklumat rujukan kredit berpusat Bank Negara bukanlah mekanisme untuk senarai hitamkan peminjam seperti tanggapan oleh sesetengah pihak tetapi merupakan satu kaedah merekodkan corak pembayaran balik bulanan pinjaman atau *credit behaviour,* dengan izin.

Kaedah untuk senaraikan ini juga merupakan amalan terbaik atau *best practice* dengan izin, oleh semua institusi kewangan bagi memastikan peminjam membuat bayaran-bayaran balik secara teratur. Oleh itu, amalan ini bukanlah bertujuan untuk menghukum para peminjam malah merupakan sebuah instrumen bagi memastikan peminjam tampil mengadakan rundingan dengan PTPTN bagi menyelesaikan pinjaman mereka mengikut kemampuan. Dalam erti kata lain, dengan terlaksananya kaedah ini telah berjaya mendidik peminjam agar lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan memberikan komitmen secara konsisten dalam membuat bayaran balik pinjaman.

Kerajaan sedar akan kesulitan kepada sesetengah peminjam yang tidak mampu membuat bayaran balik mengikut amaun dan jadual yang ditetapkan. Oleh itu, PTPTN menyediakan pelbagai kaedah penyelesaian supaya peminjam yang disenaraikan dalam sistem maklumat rujukan kredit berpusat Bank Negara ini mempunyai rekod bersih. Antaranya membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pinjaman mereka berdasarkan kemampuan sehingga berumur 60 tahun. Peminjam digalakkan menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) sekiranya mempunyai masalah pengurusan kewangan dan keberhutangan yang serius.

Pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi menyedarkan peminjam akan kepentingan bayaran balik mereka demi kelangsungan pinjaman pendidikan pada masa akan datang. Dalam pembentangan Bajet 2017 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 21 Oktober 2016 telah menawarkan inisiatif diskaun kepada peminjam PTPTN yang membuat bayaran balik pinjaman seperti berikut.

Pertama, diskaun 15 peratus untuk menyelesaikan keseluruhannya baki hutang pinjaman.

Kedua, diskaun 10 peratus untuk menyelesaikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan baki hutang pinjaman.

**■1130**

Ketiga, diskaun 10 peratus untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau *direct debit.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan juga telah persetujui agar tarikh kuat kuasa pemberian diskaun ini adalah bermula pada 22 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2017. Berdasarkan kepada ketepatan tersebut, maka soalan atau cadangan pemberian insentif diskaun kepada peminjam PTPTN yang membuat penyelesaian penuh pinjaman atau yang membuat bayaran balik secara konsisten sebelum tarikh 22 Oktober 2016 tidak dapat dipenuhi. Kerajaan berharap supaya langkah terbaru ini akan menjadi satu dorongan dan galakan kepada peminjam untuk membuat pembayaran balik secara konsisten. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, terima kasih atas ucapan Yang Berhormat Menteri. Ada soalan tambahan?

**Datuk Ng Chiang Chin:** Ya, ada Tuan Yang di-Pertua. Ada soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan yang panjang begitu pun ada soalan tambahan?

**Datuk Ng Chiang Chin:** Ya, saya ada sikit lagi tambahannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Sempena dengan Bajet 2017, pelbagai insentif yang telah pun dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya tidak akan ulang balik insentif itu.

Cuma saya hendak tahu, insentif diskaun kepada PTPTN yang tujuan diskaun ini untuk meringankan beban graduan dan menggalakkan bayaran balik pinjaman PTPTN. Walau bagaimanapun, langkah ini kelihatan kurang saksama terhadap peminjam PTPTN yang komited dan telah membayar balik hutang PTPTN secara konsisten sebelum ini.

Soalan saya ialah, adakah kerajaan akan membuat pertimbangan untuk memperluaskan lagi insentif diskaun kepada PTPTN dalam Bajet 2017 kepada mereka yang telah pun menjelaskan hutang PTPTN sebelum ini dan juga mereka yang telah berdaftar dan sedang membayar balik pinjaman PTPTN melalui potongan gaji yang konsisten selama ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Sebenarnya, saya sudah menjawab dalam jawapan tadi bahawa cadangan atau soalan pemberian insentif diskaun kepada peminjam PTPTN yang sudah menyelesaikan penuh pinjaman atau membuat bayaran balik secara konsisten sebelum 22 Oktober 2016 tidak dapat dipenuhi. Jadi proses pembayaran PTPTN adalah dalam status quo. Sekian, terima kasih.

8. **Dato' Dr. Johari bin Mat** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, kedudukan indeks jenayah bagi tahun 2016 mengikut negeri, terutamanya yang melibatkan jenayah berat.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. PDRM mengklasifikasikan jenayah kepada dua kategori iaitu jenayah indeks dan jenayah bukan indeks. Jenayah indeks jenayah yang kerap dilaporkan dan mempunyai spesifikasi yang memadai untuk dianggap sangat mustahak sebagai petunjuk kepada keadaan jenayah. Manakala jenayah bukan indeks ialah kes-kes jenayah selain daripada jenayah indeks dan kekerapannya tidak boleh dijadikan pengukur kepada trend jenayah.

Jenayah berat dikategorikan di bawah jenayah kekerasan merangkumi kes bunuh, rogol, samun bersenjata api, samun tanpa senjata api, samun berkumpulan tanpa senjata api, samun berkumpulan bersenjata api dan mendatangkan kecederaan parah. Statistik jenayah kekerasan mengikut jenis kesalahan pada tahun 2016 sehingga November adalah seperti berikut:

| Jenis Kes | Hingga November 2016 (Jum kes) |
|---|---|
| Bunuh | 428 |
| Rogol | 1,737 |
| Samun berkumpulan senjata api | 60 |
| Samun berkumpulan tanpa senjata api | 10,064 |
| Samun bersenjata api | 15 |
| Samun tanpa senjata api | 3,120 |
| Mendatangkan kecederaan parah | 5,104 |

Terima kasih.

**Dato' Dr. Johari bin Mat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab. Saya sebenarnya dalam soalan saya yang pertama, saya mahu indeks jenayah ini, hendak tahu kedudukan indeks jenayah ini daripada segi peratusan berbanding dengan tahun-tahun yang lalu. Begitu juga dengan tahun ini. Jadi saya melihat samun ini antara jenayah yang besar juga sampai 10,000 dan begitu juga kes bunuh 400 ini merupakan satu kes yang besar.

Jadi saya hendak tahu, bagaimana langkah-langkah pihak kementerian dan khususnya Polis Diraja Malaysia untuk membendung kes-kes jenayah yang semacam bagi saya kalau kes samun ini, kes terancang? Begitulah juga kes bunuh ini kes terancang dan kita sering tengok dalam akhbar perkara-perkara ini. Bagaimanakah juga kementerian memberi nasihat dan juga bimbingan kepada masyarakat?

Di samping itu, adakah kes-kes jenayah berat ini diulangi oleh orang yang sama atau orang-orang yang berlainan? Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang kita akui kes-kes yang kadang-kadang berulang, kadang-kadang dilakukan oleh orang yang sama apabila dia telah dibebaskan dari penjara dan sebagainya. Akan tetapi untuk PDRM, memang kita mengambil langkah yang wajar untuk mengekang atau mengurangkan kadar jenayah yang dikatakan jenayah indeks ini daripada berlaku di seluruh negara.

Salah satu langkah iaitu memberi impak yang menyeluruh terhadap aktiviti pencegahan jenayah khusus ini ialah PDRM telah menubuhkan satu pasukan khas iaitu *Special Task Force on Organized Crime* (STAFOC) dan juga *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) dan *Special Task Force for Anti-vice, Gaming and Gangsterism* (STAGG).

Kita juga telah mengadakan tindakan fizikal iaitu mengadakan rondaan secara berjalan kaki, bit dan patrol motosikal ataupun Unit Rondaan Bermotosikal dan juga *Mobile Patrol Vehicle* di kawasan-kawasan tumpuan ramai dan tindakan *stop and talk* dilihat berkesan. Kehadiran anggota berpakaian uniform di kawasan yang strategik, bersesuaian dengan konsep *Police Omnipresence* akan menjadi penghalang kepada penjenayah untuk melakukan jenayah.

PDRM juga telah menubuhkan jabatan khas iaitu Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti yang mana jabatan ini akan memberi fokus program pencegahan jenayah dengan melibatkan sumber dalaman dan juga penglibatan masyarakat dan berfungsi seperti berikut, iaitu:

(i) memastikan strategi dan pendekatan secara proaktif dan bersepadu bagi mencegah jenayah daripada berlaku;

(ii) mendidik serta membudayakan masyarakat tentang tanggungjawab bersama mencegah jenayah;

(iii) menghapuskan peluang perlakuan jenayah;

(iv) menghapuskan hasrat untuk melakukan jenayah;

(v) menangani dan mengurangkan persepsi *fear of crime;* dan juga

(vi) memainkan peranan *consultative role* oleh komuniti, institusi pendidikan, perniagaan, agensi kerajaan dan juga NGO.

Satu lagi ialah PDRM juga telah menubuhkan Unit Risikan Bersepadu atau *Central Intelligence Unit* dengan mengguna pakai konsep *intelligence-led policing* sebagai pusat kumpulan maklumat dan risikan jenayah. Risikan dan analisis jenayah akan dibuat untuk mengesan dan menangkap penjenayah ataupun merancang tindakan pencegahan jenayah yang berlaku dengan lebih efektif.

Langkah terakhir yang saya terima ataupun yang dibuat oleh KDN ataupun melalui PDRM mengambil dan mencegah jenayah tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Kesalahan-kesalahan yang telah diambil tindakan di bawah POCA aktiviti kongsi gelap, pemerdagangan orang, penyeludupan, *rape,* migran, perjudian, maksiat dan lain-lain jenayah yang boleh menimbulkan kegusaran kepada masyarakat umumnya.

Sebagai satu usaha untuk memerangi jenayah bukan hanya terletak di bahu pihak penguasaan semata-mata tetapi tugas sedemikian juga harus dipikul setiap lapisan masyarakat tanpa mengira ideologi politik, keturunan bangsa, kepercayaan agama masing-masing dan juga masyarakat memainkan peranan terpenting dalam menyalurkan maklumat tentang sebarang aktiviti jenayah yang berlaku di persekitaran mereka pada pihak berkuasa.

**■1140**

Di kesempatan ini Yang Berhormat, kementerian ingin mengucapkan penghargaan kepada masyarakat awam yang telah menunjukkan komitmen untuk membantu pihak berkuasa dalam menyalurkan maklumat dan sentiasa prihatin tentang apa jua kelakuan jenayah yang berlaku di persekitaran kita. Saya ingat sudah memadai untuk menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada yang lain? Tiada? Jadi, ucapan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan baik dan sekarang saya hendak beralih kepada Yang Berhormat Senator Dato’ Jaspal Singh.

**9.** **Dato' Jaspal Singh** minta Menteri Pendidikan menyatakan statistik SJKT bantuan modal mengikut negeri serta status tanahnya sama ada SJKT bantuan modal ini duduk atas tanah Kerajaan, swasta atau lain-lain. Apakah pelan jangka masa panjang terhadap status tanah SJKT ini?

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat terdapat 524 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 158 buah SJKT merupakan sekolah kerajaan. Kesemua 158 buah SJKT ini berada di tapak milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau kerajaan negeri. Manakala, sebanyak 366 buah SJKT sekolah bantuan kerajaan. Status pemilik tanah bagi 366 buah SJKT ini adalah seperti berikut:

(i) tanah ladang sebanyak 239 buah;

(ii) tanah persendirian sebanyak 21 buah;

(iii) tanah lembaga pengelola sekolah sebanyak 27 buah;

(iv) tanah milik Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau kerajaan negeri sebanyak 32 buah;

(v) tanah pihak mubaligh sebanyak 4 buah;

(vi) tanah pajakan sebanyak satu buah; dan

(vii) lain-lain sebanyak 42 buah.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Sila, soalan tambahan.

**Dato’ Jaspal Singh:** Terima kasih, saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri memberi jawapan mengenai data-data status tanah sekolah Tamil. Jika kita mengkaji sejarah sekolah Tamil, kebanyakan sekolah Tamil ini telah didirikan di dalam kawasan *estate* ataupun kawasan ladang yang dimiliki oleh pihak ketiga, bukan kerajaan. Hari ini, *estates* ini sudah berubah seperti tidak menjadi *estate* getah tetapi tukar ke sawit atau telah dibangunkan dan orang India pun telah pindah ke tempat lain. Mengakibatkan sekolah ini jauh dari tempat padat dengan orang India.

Jadi, sekolah ini sudah menjadi sekolah yang kurang murid bukan sebab aliran Tamil tidak popular tetapi dia jauh daripada penduduk-penduduk. Saya difahamkan untuk sekolah bantuan, pemindahan sekolah ini *responsibility* dia terletak di tangan LPS sekolah mencari tanah dan dana. Mereka tidak mempunyai keupayaan membuat mencari dana ataupun *capacity* hendak buat tersebut. Saya hendak tahu, soalan saya di sini untuk sekolah-sekolah yang kurang murid dan jauh dari bandar sekarang, apakah cadangan kerajaan? Bolehkah kerajaan mengambil alih sekolah ini tukar ke sekolah kerajaan mencari dana dan membina satu buah sekolah yang baru dan dekat dengan penduduk-penduduk kaum India?

**Tuan Chong Sin Woon:** Terima kasih atas soalan tambahan Yang Berhormat Senator Dato’ Jaspal Singh. Berkenaan dengan perpindahan ataupun penempatan semula SJKT ke kawasan-kawasan yang lebih padat penduduk kaum India, dalam pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia menjadi kuasa Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk memberikan kelulusan untuk semua sekolah. Bukan hanya SJKT tetapi semua sekolah kalau hendak ditempatkan semula.

Untuk sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang ingin ditukarkan statusnya kepada sekolah kebangsaan:

(i) ia kena serahkan tapak itu kepada pihak kerajaan;

(ii) apabila kementerian ingin mengambil alih status itu menjadi sekolah kerajaan, perlu juga kita melihat tentang liabiliti yang sedang ditanggung oleh sekolah tersebut. Contohnya, premium tanah yang belum dibayar- semua itu akan diambil kira; dan

(iii) perlu adalah ada sokongan pada LPS dan PIBG dalam mesyuarat mereka secara sebulat suara. Dengan adanya minit mesyuarat, mengatakan bahawa sekolah tersebut ingin bertukar status menjadi sekolah kerajaan.

Jadi, kita tidak ada masalah sekiranya sesebuah sekolah bantuan kerajaan ingin bertukar status mereka kepada sekolah kerajaan. Pada waktu yang sama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan pembinaan sekolah baru untuk SJKT dan enam sekolah SJKT yang baru berstatus sekolah kerajaan sedang dibina iaitu:

(i) SJKT Taman Setara di Klang;

(ii) SJKT Taman Mahkota Cheras;

(iii) SJKT Taman Keladi, Kedah;

(iv) SJKT Ladang Holyrood, Perak;

(v) SJKT Bandar Seri Alam, Johor Bahru; dan

(vi) SJKT Jalan PJS Satu, Petaling Jaya.

Itu adalah antara usaha-usaha kerajaan dalam membangunkan pendidikan Bahasa Tamil. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila ada soalan lain tambahan? Tiada? Saya pergi kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Silakan.

**10.** **Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah** minta Menteri Kesihatan menyatakan, rasional pihak kementerian membayar royalti yang mahal kepada sistem ICT seperti MedikTV sejak tahun 2011 dan sejauh mana tahap keberkesanannya kepada masyarakat.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato’ Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

Soalan ini berkenaan dengan MedikTV dan sistem ICT, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan MedikTV adalah selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di mana MedikTV merupakan *official broadcaster* kepada kementerian kesihatan dan menjadi salah satu inisiatif di bawah *Economic Transformation Programme* (ETP).

Di mana perjanjian telah ditandatangani pada 18 Ogos 2010 antara kementerian kesihatan dan syarikat Medic Channel Sendirian Berhad. Tempoh kontrak adalah selama tiga tahun berakhir pada 17 Ogos 2013 dan kontrak baru telah dimeterai 2013 hingga 2018 iaitu tiga tahun *plus* dua tahun. Walau bagaimanapun, mulai 16 September 2012 pengurusan projek ini telah diambil oleh syarikat Medic Media Network Sendirian Berhad setelah *novation agreement* telah ditandatangani bersama Kementerian Kesihatan Malaysia, syarikat Medic Channel (M) Sendirian Berhad dan syarikat Medic Media Network Sendirian Berhad.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada perjanjian yang ditandatangani syarikat bersetuju melakukan kerja-kerja pembekalan pemasangan dan penyelenggaraan perkakasan MedikTV berserta material siaran. Perbekalan dan pemasangan perkakasan Medik TV telah dilakukan secara berfasa mulai tahun 2011 iaitu pihak syarikat juga perlu menanggung kos penggunaan elektrik yang disebabkan perkakasan yang dipasang di fasiliti kerajaan, hospital dan klinik. Syarikat mempunyai sumber kewangan daripada pelabur ataupun *investor* atau agensi kerajaan lain yang melanggan waktu siaran untuk mengiklankan produk ataupun perkhidmatan atau mempromosi agensi masing-masing melalui Medik TV.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini pemasangan 628 unit HDTV telah dibuat di 158 fasiliti kesihatan kerajaan iaitu hospital, klinik kesihatan, Klinik 1Malaysia dan juga ibu pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia. Waktu siaran secara percuma bagi program Kementerian Kesihatan Malaysia adalah selama tiga jam di antara- waktu siaran percuma Tuan Yang di-Pertua adalah selama tiga jam di antara 8 pagi hingga 5 petang, Isnin hingga Jumaat dan siaran akan diselang seli dengan iklan dari syarikat atau agensi kerajaan yang melanggan perkhidmatan MedikTV.

Kandungan program Kementerian Kesihatan Malaysia yang disiarkan telah mendapat kelulusan dari Bahagian Pendidikan Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga kini program Kementerian Kesihatan Malaysia yang dimasukkan adalah *iMedik, Meja Pakar, Kod Merah, Medik X, Spotcheck Sihat- KKM, Profil Sihat, Buletin Medik, Budak Kotak, Skop Kevin, Upin Ipin, Health tips* dan *Tips kesihatan*, *Did You Know?*, *Trivia, KKM Promo* dan kempen dan juga pengiklanan dan kempen, Tuan Yang di-Pertua.

**■1150**

Dalam menyokong usaha kerajaan mendidik rakyat tentang kepentingan penjagaan kesihatan dan mengamal gaya hidup sihat, KKM telah mengambil peluang menggunakan kemudahan MedikTV ini untuk membuat hebahan program kesihatan KKM melalui penayangan program berunsur ilmiah, kesihatan, dapat memberi pengetahuan dan kesedaran secara tidak langsung kepada rakyat yang datang untuk mendapatkan perkhidmatan di *facility* kesihatan.

Sehubungan itu, dapat mendedahkan rakyat dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi kerajaan lain melalui tayangan promosi berkenaan agensi-agensi kerajaan yang tersebut. Bagi melihat keberkesanan pelaksanaan projek ini kepada masyarakat, Bahagian Tele Kesihatan KKM sedang menjalankan kajian kepuasan pelanggan meliputi semua *facility* yang terlibat di dalam pelaksanaan projek dan laporan kompetensi akan dikeluarkan setelah kajian tersebut dijalankan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan? Silakan Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

**Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. bahkan kita patut mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan. Jadi, ini inisiatif Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam proses transformasi negara, khasnya dalam bidang perubatan ini. Pada pandangan saya, apakah inisiatif ini telah dijalankan dan keberkesanannya memuaskan? Oleh sebab kita lihat banyak polisi yang telah diluluskan tetapi daripada segi implementasi, kita menghadapi banyak masalah. Oleh sebab saya lihat Medik TV pada hari ini hanya bersiaran di lobi kementerian sahaja dan kurang *coverage* di mana-mana hospital, klinik-klinik kesihatan di seluruh negara. Saya patut mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang mengatakan kita ada membuat kajian keberkesanan MedikTV.

Saya rasa kajian ini patut dibuatkan kerana setahu saya *effectiveness*nya, dengan izin, adalah kurang. Keduanya, majoriti rakyat tidak tahu kewujudan. Soalan saya juga, apakah mekanisme yang turut dilaksanakan oleh pihak kementerian selain melalui Medik TV dalam memberi pendedahan kepada masyarakat tentang perubatan dan kesihatan? Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi MedikTV adalah *confined*, dengan izin, kepada hospital-hospital kerajaan, klinik-klinik kerajaan dan juga di ibu pejabat kementerian dan juga di dua Klinik 1Malaysia, Tuan Yang di-Pertua. Segala maklumat disampaikan melalui siaran percuma ini, tiga jam sehari seperti yang saya sebut tadi. Untuk hebahan selanjutnya, ini untuk mereka yang datang ke hospital ataupun klinik, Tuan Yang di-Pertua, yang pergi sementara menunggu giliran masing-masing hendak jumpa doktor, mereka akan dapat melihat segala *information* yang didedahkan di Medik TV, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, memang kementerian juga membeli *airtime*, dengan izin, melalui TV-TV perdana Tuan Yang di-Pertua, yang kita berbelanja berjuta-juta Ringgit untuk menempah *airtime* tersebut. Kita sampaikan mesej kita melalui pelbagai bentuk. melalui iklan, melalui *TV Talk* dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, berbagai bentuk telah dijalankan, Tuan Yang di-Pertua. supaya mesej ini, mesej kerajaan dapat disampaikan kepada seluruh rakyat melalui yang saya sebut tadi, media perdana dan juga surat khabar dan juga *pamphlet*, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya, telah menjawab dengan baik.

**11. YM. Engku Naimah binti Engku Taib** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, bilangan syarikat besar yang melaksanakan Aturan Kerja Fleksibel (FWA) di seluruh negara sebagai usaha menggalakkan peningkatan Kadar Penyertaaan Buruh Wanita (FLPR) dan nyatakan sejauh manakah FWA ini dapat diamalkan di sektor awam.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia, salam sehati sejiwa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Mulia Engku Naimah binti Engku Taib.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan kemudahan Waktu Bekerja Berperingkat (WBB) bagi sektor awam di semua jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan seluruh negara melalui Pekeliling Perkhidmatan, Bil. 2, Tahun 2007. Waktu Bekerja Berperingkat ialah satu sistem kerja dengan tiga waktu berperingkat seperti berikut:

(i) 7.30 pagi sehingga 4.30 petang;

(ii) 8 pagi sehingga 5 petang; dan

(iii) 8.30 pagi sehingga 5.30 petang.

Berdasarkan rekod Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWM), bilangan syarikat besar yang melaksanakan FWA ini seperti berikut, syarikat Malaysia 2016 ada 10, syarikat antarabangsa 2016 ada 12 dan jumlah keseluruhan ialah 22 buah syarikat. Ini sumber dari TalentCorp.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan FWA bertujuan ataupun bekerja fleksibel ini bertujuan menggalakkan peningkatan Kadar Penyertaan Buruh Wanita (FLPR). Merujuk kepada maklumat *Life at Works Awards* 2015 dan 2016, dengan izin, menunjukkan bahawa Maybank Group membuktikan melalui pelaksanaan FWA dapat meningkatkan tenaga kerja wanita dalam bidang pengurusan daripada 38 peratus pada tahun 2009 kepada 46 peratus pada tahun 2014. Manakala, pelaksanaan FWA di Petronas berjaya meningkatkan penglibatan pekerja wanita dalam pengurusan tertinggi daripada 16 peratus pada tahun 2012 kepada 24 peratus pada tahun 2016.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar guna tenaga negara meningkat 1.8 peratus kepada 14.5 juta orang pada tahun 2015 berbanding 13.37 juta pada tahun 2014. Pertambahan ini disumbangkan oleh peningkatan penduduk bekerja sebanyak 215,100 orang, 1.6 peratus, kadar penyertaan buruh naik 0.3 mata- peratus, pada 2015 kepada 67.9 peratus. Pertambahan penduduk bekerja perempuan telah menyumbangkan kepada peningkatan Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB).

Secara keseluruhan, KPTB ataupun Kadar Penyertaan Tenaga Buruh Perempuan meningkat sebanyak 0.4 mata- peratus, mencapai 54.1 peratus pada tahun 2015. Penyertaan perempuan dalam pasaran buruh adalah tinggi melebihi 58.0 peratus bagi kumpulan umur 25 hingga 34 dan 45 hingga 54. Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2015, terdapat seramai 6.87 juta orang yang dikategorikan luar tenaga buruh iaitu seramai 2.15 juta orang lelaki dan seramai 4.72 juta orang wanita.

Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja juga telah menguatkuasakan peraturan-peraturan kerja separa masa 2010 di sektor swasta yang bertujuan untuk menarik minat dan meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan, terutamanya golongan *latent workforce.*

Maknanya, tenaga kerja yang terpendam. Wanita ini Tuan Yang di-Pertua, ramai yang mempunyai *qualification*, kelayakan dan kemahiran tetapi oleh sebab mereka sayang akan rumah dan keluarga mungkin mereka tidak bekerja.

Jadi, kita hendak gerakkan balik *latent workforce* ini yang terdiri daripada suri rumah, ibu tunggal, pesara serta Orang Kurang Upaya ke pasaran buruh negara. Peraturan ini mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2010 dan bertujuan untuk memberi peruntukan khusus untuk melindungi hak dan faedah dan kepentingan pekerja separa masa. Pekerja separa masa perlu memenuhi beberapa syarat tertentu sebelum dapat menikmati faedah seperti pekerja sepenuh masa.

**■1200**

Contohnya, kelayakan cuti tahunan, waktu bekerja hendaklah 70 peratus dari waktu kerja biasa pekerja normal bagi melayakkan pekerja tersebut mendapat cuti rehat.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan FWA dan peraturan kerja separuh masa dijangka dapat membantu pekerja wanita bekerja mengikut kesesuaian masa mereka tanpa perlu berhenti kerja. Peraturan ini adalah komprehensif serta memberi fleksibiliti kepada majikan dalam menetapkan waktu kerja mengikut keperluan perniagaan mereka.

Kerajaan tidak ada halangan bagi majikan swasta melaksanakan waktu kerja anjal mengikut kesesuaian jenis pekerjaan yang ada. Fleksibiliti waktu kerja akan memberi kemudahan dan keselesaan kepada pekerja untuk masuk ke pasaran pekerjaan.

Namun begitu, penetapan waktu kerja oleh majikan di bawah suatu kontrak perkhidmatan mestilah tertakluk kepada peruntukan seksyen 60A, Akta 265 iaitu waktu kerja yang dibenarkan mengikut akta 48 jam seminggu. Had waktu kerja sedemikian merupakan tempoh yang dibenarkan mengikut undang-undang perburuhan negara dan antarabangsa bagi melindungi hak dan perlindungan pekerja.

Sekiranya terdapat situasi keperluan sektor industri meningkat seperti pengeluaran dan pada masa yang sama kekurangan pekerja, majikan disarankan supaya mengiklankan kekosongan pekerjaan supaya peluang-peluang pekerjaan dapat diisi oleh warganegara seterusnya membantu kerajaan meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**YM. Engku Naimah binti Engku Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri yang telah menjawab secara panjang lebar.

Saya mengalu-alukan langkah kerajaan yang telah melaksanakan Skim Aturan Kerja Fleksibel atau FWA yang memberikan waktu bekerja anjal daripada segi kelonggaran tempoh, tempat dan waktu di tempat kerja di jabatan kerajaan dan swasta khususnya wanita. Bagaimanapun, hanya 29, mengikut catatan saya, tetapi Yang Berhormat Menteri cakap tadi 22 sahaja syarikat besar di seluruh negara yang melaksanakan FWA ini.

Soalan tambahan saya, selain dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, adakah kementerian atau jabatan atau agensi kerajaan yang melaksanakan FWA dan adakah kerajaan bercadang untuk memperluaskan kepada sektor awam? Sejauh mana kaedah FWA iaitu bekerja dari rumah, masa bekerja anjal dan waktu bekerja mingguan yang diubahsuai telah dilaksanakan di sektor awam dan swasta? Terakhir, sejauh manakah organisasi yang melaksanakan FWA telah berjaya meningkatkan pembabitan kakitangan dan produktiviti? Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya banyak jawapan yang perlu diberikan di situ.

Cuma, seperti mana saya sebutkan awal tadi, Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun menggariskan ataupun memberikan fleksibiliti ataupun waktu anjal kepada pekerja-pekerja mereka seperti mana yang saya sebutkan awal tadi.

Kerajaan telah memberikan pelbagai peraturan pekerja anjal fleksibel dalam perkhidmatan awam bagi membolehkan penjawat awam mengimbangi antara tanggungjawab kerjaya dan keluarga. Antaranya ialah pelaksanaan lima hari bekerja seminggu, waktu bekerja berperingkat, kebenaran keluar pejabat untuk urusan persendirian maksimum empat jam, kemudahan cuti seperti cuti rehat, cuti sakit, cuti menjaga anak, cuti isteri bersalin dan lain-lain.

Di Rancangan Malaysia Kesebelas, beberapa cadangan baru dikemukakan untuk pelaksanaan iaitu waktu bekerja fleksibel, waktu bekerja padat seminggu dan bekerja dari rumah atau dipanggil telekerja.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya senarai majikan besar yang saya sebutkan tadi, sebenarnya mungkin ada majikan lain yang melaksanakan waktu bekerja yang fleksibel ini, cuma mungkin dia tidak laporkan kepada kita.

Mengenai keberkesanan sebagaimana yang saya ambil contoh tadi, Maybank dan Petronas, sebenarnya memang ada. Sebab itulah kita tidak nafikan, Tuan Yang di-Pertua, peranan dan produktiviti yang dilahirkan oleh wanita ini. Oleh sebab itu kita lihat, kita panggil *talent workforce* yang terpendam ini, tenaga kerja yang terpendam dalam masyarakat harus perlu kita timbulkan balik. Oleh sebab itulah kerajaan memberikan pelbagai pendekatan dan galakan supaya wanita ini dapat kita munculkan semula yang mempunyai kemahiran, yang mempunyai kelayakan supaya dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan negara.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah kementerian bagi meningkatkan penyertaan tenaga wanita, umpamanya Peraturan-peraturan Kerja (Pekerja Separa Masa) 2010 yang telah pun saya sebutkan tadi, dan pindaan Akta Kerja 1955. Akta Kerja 1955 juga telah dipinda bagi menambah baik peruntukan sedia ada dan beberapa peruntukan yang berkait rapat dengan penggajian wanita seperti berikut.

Perlindungan kepada wanita semasa cuti bersalin. Peruntukan cuti bersalin terpakai kepada semua pekerja wanita tanpa mengira had gaji. Dahulu RM2,000 tidak silap saya. Pekerja wanita yang hamil sekurang-kurangnya 20 minggu menikmati cuti bersalin yang bergaji berbanding yang hamil 28 minggu sekarang. Maknanya 20 minggu hamil sudah layak mendapat faedah ini. Dan memastikan wanita ketika cuti bersalin tidak diberhentikan kerja oleh majikan. Ini bagi menjamin kebajikan dan hak pekerja wanita terpelihara sepanjang tempoh cuti bersalin.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Gabungan wanita dan lelaki menggerakkan guna tenaga negara. Terima kasih banyak.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Terima kasih. Sebenarnya saya pun ada satu soalan tetapi tidak dijadualkan berkenaan dengan tajuk yang sama. *So,* saya bangkitkan sebagai soalan tambahan.

Tadi kalau kita tengok jawapan atau penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, saya hendak fokus dua. Satu daripada segi *female labor force participation rate* dan juga *flexible work arrangements*.

Kalau kita tengok daripada segi *female labor force participation rate* memang ada satu peningkatan. Akan tetapi, banyak peningkatannya. Pada saya, bukan disebabkan oleh *flexible work arrangements* tetapi oleh penukaran *the nature of jobs.* Kalau kita tengok di Malaysia, kita telah pindah dari *manufacturing* ke *services*. *So* pada saya, ini menyumbang kepada *increase in female labor force participation rate*.

Soalan saya berkenaan *female labor force participation rate.* Kalau kita tengok daripada segi golongan umur, kita nampak mungkin sebelum 35 tahun, sebelum 40 tahun, *female labor force participation rate* tinggi. Akan tetapi kalau lepas satu kategori, dia punya *participation rate* masih rendah. Pada saya, yang menyumbang untuk *low female participation rate* antara salah satu ialah *glass ceiling syndrome*. Di Malaysia kita masih belum mengatasi *glass ceiling syndrome*. *So,* banyak yang lepas *certain age* itu ia akan berhenti pasal tidak dapat *promotion* dan sebagainya. Itu satu soalan. Memang kita ada sasarkan 30 peratus dan sebagainya tetapi masih belum mencapai.

Soalan saya, sama ada kita perlu pakai sistem kuota? Dahulu memang kita tidak menggalakkan sistem kuota untuk mencapai ini tetapi memandangkan masih belum capai, sama ada perlu fikir konsep kuota untuk mengatasi *glass ceiling syndrome*? Itu satu.

Kedua, balik kepada *flexible work arrangements*. Kalau kita tengok dari segi *gender equality* dan sebagainya, konsep *flexible work arrangements* sebenarnya tidak berapa *successful*. Itu pasal negara-negara lain telah pindah dari FWA kepada FFP iaitu *family friendly practices*. Ini fokus kepada kaum wanita sahaja. *So,* itu isu saya. Sama ada kita akan menggalakkan lagi banyak majikan untuk mengamalkan FFP? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan. Minta maaf, sebenarnya saya hendak sebut soalan Yang Berhormat juga ada. Sebab itu saya jawab sekali, minta Dewan Negara masukkan sekali jawapan ini untuk Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pandangan Yang Berhormat itu cukup baik. Oleh sebab itu saya sebutkan, kita telah buat beberapa tindakan untuk meminda undang-undang Akta Kerja ini bagi kita membolehkan supaya peranan wanita ini dapat kita pertingkatkan lagi. Walaupun *certain age* ataupun umur-umur tertentu peranan wanita ini mungkin tinggi dan apabila sampai peringkat tertentu itu sudah menurun, begitu juga daripada segi kita orang lelaki.

Cuma, daripada segi kuota itu, mungkin kita kena bawa dahulu, Yang Berhormat, sebab ini agak subjektif. Kita tidak boleh *strict* sangat. Oleh sebab itu saya sebut awal tadi, majikan boleh melaksanakan fleksibel ini dalam keadaan yang mereka perlukan dengan syarat jangan melanggar apa dia peraturan awal yang telah pun saya sebutkan iaitu jumlah *hour* bekerja, jam bekerja dan sebagainya.

**■1210**

Jadi kita ambil itu Tuan Yang di-Pertua sebagai pandangan. *Insya-Allah* kita akan mempertingkatkan dari semasa ke semasa Akta Kerja negara kita. Terima kasih banyak.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan baik dan tepat.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## <u>USUL</u>

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**12.10 tgh.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputuskan dan diluluskan Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 19 Disember 2016."

**Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan Chong Sin Woon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2016

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**12.11 tgh.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan satu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, dan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan 2016 yang dicadangkan tersebut adalah bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet 2017 di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta tersebut. Saya mohon untuk menghuraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini yang mana telah menggabungkan pindaan jawatankuasa yang telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 23 November 2016 yang lalu. Rang undang-undang ini mempunyai 63 fasal yang dibahagikan kepada enam bab seperti berikut.

Bab I, Permulaan. Dalam bab Permulaan terdapat dua fasal seperti berikut iaitu Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini iaitu dikenali sebagai Akta Kewangan 2016. Fasal 2 menerangkan tujuan rang undang-undang ini iaitu untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Bab II, pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II yang terdiri daripada 27 fasal iaitu fasal 3 sehingga 29 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 seperti berikut.

Fasal 3 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat atas akta tersebut.

Fasal 4, 6, 22, 23, 24 dan 26 dan perenggan 28(b) mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 5 dan subperenggan 10(a)(i) disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun tafsiran 2015.

Fasal 12, 13, 20 dan 21, subperenggan 27(a)(3) dan sub perenggan 27(b) dan 29(e) disifatkan telah bermula berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Perenggan 7(a) disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2010.

Perenggan 7(b) Fasal 8 dan 9, subperenggan 10(a), (ii), (iv), (v), (vi), (vii) dan (viii) perenggan 10(b).

Fasal 11, 14, 15, 16 dan 17, dan subperenggan 27(a)(i) dan (ii) dan perenggan 29(a), (b), (c), (d), (f), (g) dan (h) berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Fasal 18 dan 25 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Fasal 19 berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2019 dan tahun-tahun taksiran berikutnya.

Perenggan 28(a) disifatkan telah mula berkuat kuasa dari tahun taksiran 2016.

Subfasal 27(a)(iii) berkenaan dengan pindaan perenggan 4, Bahagian I, Jadual 1 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 disyorkan berkuat kuasa pada 30 Jun 2013.

Sub perenggan 27(a) (i) dan (ii) berkenaan dengan pindaan kepada sub perenggan 2(a) dan perenggan 2(d), Bahagian 1, Jadual 1 Pertama Akta Cukai Pendapatan 1967 pula disyorkan berkuat kuasa bagi tahun taksiran 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda subseksyen 2(1) seperti berikut:

(i) memasukkan perkataan dengan izin, *"and the airspace above such areas"* dan, dengan izin, *"or jurisdiction"* ke dalam takrif "Malaysia" bagi menjelaskan takrif Malaysia agar selaras dengan takrif yang diperuntukkan dalam perjanjian pengelakan percukaian dua kali yang dimasuki oleh Kerajaan Malaysia dengan mana-mana wilayah di luar Malaysia; dan

(ii) menggantikan takrif dengan izin, "*public entertainer"* dengan takrifan baharu bagi menjelaskan kebolehkenaan cukai seorang penghibur awam di bawah seksyen 109(a) dan (c) menggantikan takrif "royalti", dengan takrifan baru.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 13(1A) untuk meletakkan bahawa apa-apa amaun cukai barang dan perkhidmatan di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang dibayar oleh majikan akan dianggap sebahagian daripada pendapatan kasar pekerja dalam pengiraan cukai pendapatan.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 15A dengan memotong proviso sedia ada bagi menjelaskan apa-apa pendapatan di bawah subseksyen 4A(i) dan (ii) diperolehi dari Malaysia oleh bukan pemastautin bagi perkhidmatan dilaksanakan di dalam atau di luar Malaysia.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 34 seperti berikut:

(a) memotong subseksyen 34A dan 34B yang berbangkit daripada pembatalan garis panduan ke atas pinjaman tidak berbayar oleh Bank Negara Malaysia; dan

(b) meminda subseksyen 34(6)(k) untuk menaikkan had potongan bagi penajaan persembahan dan pertunjukan kesenian dan kebudayaan dalam dan luar negara yang diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas kesenian, kebudayaan dan warisan daripada RM500,000 kepada RM700,000. Ini termasuk had potongan bagi komponen penajaan persembahan dan pertunjukan luar negara dinaikkan daripada RM200,000 kepada RM300,000.

Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 44 seperti berikut:

(a) meminda subseksyen 44(6) dan subseksyen 44(7) dan perenggan 44(7A)(a), perenggan 44(7B)(a) dan perenggan 44(7B)(b) bagi memasukkan takrifan, dengan izin, *"fund",* bagi menjelaskan bahawa potongan cukai turut dibenarkan bagi sumbangan ke atas *fund*, yang ditadbir oleh institusi dan organisasi. Tabung ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.

(b) meminda subseksyen 44(11B) bagi menjelaskan bahawa potongan cukai yang layak adalah daripada sumbangan tunai kepada aktiviti sukan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Fasal 9 bertujuan untuk meminda seksyen 45A bagi menjelaskan bahawa seseorang isteri tidak layak menuntut pelepasan pasangan sebanyak RM4,000 sekiranya suami mempunyai pendapatan daripada sumber luar Malaysia melebihi jumlah pelepasan pasangan tersebut. Pindaan ini tidak terpakai bagi pasangan orang kelainan upaya (OKU).

**■1220**

Fasal 10 bertujuan untuk meminda seksyen 46 seperti berikut:

(a) meminda proviso bagi perenggan 46(1)*(h)* bagi menaikkan amaun pelepasan ke atas bayaran yuran pemeriksaan kesihatan daripada RM5,000 kepada RM6,000;

(b) memotong perenggan 46(1)*(i),* perenggan 46(1)*(j)*, perenggan 46(1)*(l)* dan perenggan 46(1)*(m)* berhubung pelepasan pembelian buku dan bahan bacaan, pembelian komputer peribadi, pembelian barangan dan peralatan sukan dan bayaran yuran langganan jalur lebar untuk digantikan dengan peruntukan baharu;

*(c)* memasukkan perenggan baharu 46(1)*(p)* bagi memperuntukkan satu potongan baharu berkenaan amaun maksimum sehingga RM2,500 berkenaan amaun yang dibelanjakan bagi pembelian bahan bacaan, komputer peribadi termasuk telefon pintar dan tablet, peralatan sukan, yuran keahlian gimnasium dan langganan *internet*;

(d) memasukkan perenggan baharu 46(1)*(q)* bagi memperuntukkan usatu potongan baharu berkenaan amaun maksimum sehingga RM1,000 bagi pembelian kelengkapan penyusuan ibu bagi anaknya yang berumur dua tahun dan ke bawah tanpa mengira bilangan anak tersebut; dan

(e) memasukkan perenggan baharu 46(1)*(r)* bagi memperuntukkan suatu potongan baharu berkenaan amaun maksimum sehingga RM1,000 berhubung amaun yang dibelanjakan bagi fi penjagaan anak yang berumur enam tahun dan ke bawah kepada taman-taman asuhan kanak-kanak yang berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan Akta Pendidikan 1996 tanpa mengira bilangan anak tersebut.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda subseksyen 47(5) yang berbangkit daripada pindaan subseksyen 45A di mana bahawa seseorang suami tidak layak menuntut pelepasan pasangan sebanyak RM4,000 sekiranya isteri mempunyai pendapatan daripada sumber luar Malaysia melebihi jumlah pelepasan pasangan tersebut. Pindaan ini tidak terpakai bagi pasangan orang kelainan upaya (OKU).

Fasal 12 dan fasal 13 bertujuan untuk meminda takrif dalam subseksyen 60(11) dan seksyen 60AA yang berbangkit daripada pemansuhan Akta Insurans 1996 yang digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Fasal 14 bertujuan untuk meminda subseksyen 61A(2) untuk memperuntukkan bahawa pengecualian cukai ke atas pendapatan unit amanah adalah terpakai kepada unit amanah yang mengagihkan 90 peratus atau lebih daripada jumlah pendapatan daripada unit amanah tersebut kepada pemegang unit dan unit amanah tersebut tersenarai di Bursa Malaysia.

Fasal 15, fasal 16 dan fasal 17 adalah berbangkit daripada pindaan subseksyen 61A(2).

Fasal 18 bertujuan untuk meminda seksyen 97A seperti berikut:

(a) memperuntukkan dalam subseksyen 97A(1A) bahawa jika seseorang tidak berpuas hati dengan ketetapan umum atau apa-apa amalan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri pada masa penyata dibuat dan tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai, maka penyata itu disifatkan sebagai suatu pemberitahuan;

(b) meminda subseksyen 97A(2) dan subseksyen 97A(3) yang berbangkit ke atas subseksyen 97A(1A) di mana tempoh rayuan bagi pemberitahuan di bawah subseksyen 97A(1A) adalah sama dengan tempoh rayuan di bawah subseksyen 97A(2);

(c) memperuntukkan subseksyen baharu iaitu 97A(5), 97A(6), 97A(7) dan 97A(8) yang bertujuan supaya seseorang boleh merayu terhadap sesuatu penyata mengikut subseksyen 77 atau 77A(1) bagi keadaan tiada pendapatan yang boleh dikenakan cukai dalam satu tempoh yang dinyatakan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan bahawa subseksyen tersebut sekiranya terdapat kesalahan atau kesilapan dalam amaun yang dikira dalam penyata pendapatan tersebut. Pindaan ini juga membenarkan rayuan oleh pembayar cukai bagi kes di mana amaun dalam penyata tidak tepat disebabkan oleh pembayar cukai tidak layak menuntut apa-apa pengecualian, relif, peremitan, elaun atau potongan pada masa penyata itu dikemukakan kerana undang-undang berhubung relif itu belum diwartakan atau diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Tempoh permohonan adalah lima tahun dari tempoh tahun warta disiarkan; dan

(d) pindaan juga memperuntukkan seseorang boleh merayu terhadap amaun yang dikira dalam penyata yang berlebihan disebabkan oleh pembayar cukai tidak layak menuntut suatu potongan ke atas amaun cukai pegangan yang dilakukan di bawah subseksyen 107A(2) atau 109(2), seksyen 109A, subseksyen 109B(2) atau 109F(2) pada tarikh penyata dikemukakan oleh pembayar cukai. Tempoh permohonan rayuan satu tahun daripada tarikh bayaran cukai pegangan dibuat.

Fasal 19 bertujuan untuk meminda subseksyen 107C(7A) untuk mengehendaki perkongsian liabiliti terhad badan amanah atau koperasi untuk mengemukakan anggaran atau anggaran tersemak cukai yang kena dibayar menggunakan medium elektronik atau secara pindahan elektronik.

Fasal 20 bertujuan untuk meminda subseksyen 109C(4) berbangkit daripada pemansuhan Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, dan Akta Bank Islam 1983 yang digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Fasal 21 bertujuan untuk meminda subseksyen 110C(1) berhubung taksiran "*takaful operator*" yang berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 60AA.

Fasal 22 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 112A yang memperuntukkan denda bagi kesalahan gagal mengemukakan laporan setiap negara seperti yang dikehendaki di bawah kerjasama pertukaran maklumat, tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya.

Fasal 23 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 113A yang memperuntukkan denda bagi kesalahan mengemukakan penyata, penyata maklumat atau laporan yang tidak tepat atau maklumat yang tidak tepat seperti yang dikehendaki di bawah kerjasama pertukaran maklumat, tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya.

Fasal 24 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 119B yang memperuntukkan denda bagi kesalahan gagal untuk mematuhi kaedah-kaedah berkenaan dengan bantuan pentadbiran bersama seperti yang dikehendaki, tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tempoh enam bulan atau kedua-duanya.

Fasal 25 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 131A yang memperuntukkan bahawa jika pembayar cukai boleh memohon relif jika telah membayar cukai dan amaun yang ditaksirkan didakwa adalah berlebihan disebabkan tidak layak menuntut pengecualian, relif, peremitan, elaun atau potongan pada masa penyata dikemukakan kerana undang-undang belum diwartakan atau tuntutan belum diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Tempoh permohonan lima tahun daripada tarikh pewartaan.

Fasal 25 juga memperuntukkan pembayar cukai boleh memohon relif ke atas taksiran berlebihan disebabkan oleh pembayar cukai tidak layak menuntut sesuatu potongan ke atas amaun cukai pegangan yang dilakukan di bawah subseksyen 107A(2), atau 109(2), seksyen 109A, subseksyen 109B(2), atau 109F(2) pada tarikh penyata dikemukakan oleh pembayar cukai. Tempoh permohonan rayuan satu tahun daripada tarikh bayaran cukai pegangan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 26 bertujuan untuk meminda perenggan 154(1)(EC) yang memperuntukkan Menteri boleh membuat kaedah-kaedah menetapkan fi berhubung permohonan untuk perkiraan penentuan harga awal yang dibuat di bawah seksyen 138C.

Fasal 27 bertujuan untuk meminda Jadual 1 seperti berikut.

Pindaan perenggan 2A Bahagian I untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan syarikat pemastautin dan ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai modal berbayar berjumlah RM2.5 juta ke bawah pada kadar 18 peratus bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai RM500,000 yang pertama.

**■1230**

Pindaan perenggan 2D Bahagian I untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan perkongsian liabiliti terhad, pemastautin dan ditubuhkan di Malaysia yang mempunyai sumbangan modal berjumlah RM2.5 juta ke bawah pada kadar 18 peratus bagi pendapatan yang boleh dikenakan cukai RM500,000 pertama, dan ‘C’, pindaan ke atas perenggan empat bagi menggantikan perkataan dengan izin, *“a takaful operator from inward re-takaful”* yang berbangkit daripada pindaan seksyen 60AA.

Fasal 28 bertujuan untuk meminda Jadual 3 seperti berikut:

(a) pindaan bertujuan untuk memperluaskan pemakaian perenggan 16B Jadual 3 kepada pembayar cukai yang memiliki bangunan industri di bawah perenggan 42C Jadual 3 bagi tujuan perniagaannya;

(b) memasukkan proviso baru dalam perenggan 16B, Jadual 3 bagi menjelaskan elaun bangunan industri yang layak dituntut sepenuhnya sekiranya ruang bangunan industri yang digunakan tidak melebihi 10 peratus daripada keseluruhan bangunan yang layak; dan,

(c) sekiranya ruang bangunan industri yang digunakan bagi tujuan penyewaan melebihi 10 peratus, pembayar cukai hanya layak menuntut elaun bangunan industri ke atas perbelanjaan ruang bangunan industri yang tidak digunakan bagi tujuan penyewaan.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 29 bertujuan untuk meminda Jadual 6 seperti berikut:

(a) meminda perenggan 12B yang menyatakan bahawa apa-apa potongan ke atas perbelanjaan berkaitan dengan pendapatan dividen yang dikecualikan di bawah perenggan itu tidak akan diambil kira bagi maksud menentukan pendapatan yang boleh dikenakan cukai;

(b) meminda sub perenggan 13(1)(a) yang menyatakan pendapatan yang diterima oleh institusi, organisasi atau tabung daripada sumbangan berbentuk wang di bawah subseksyen 44(6) adalah dikecualikan cukai;

(c) pendapatan yang diterima oleh institusi atau organisasi keagamaan di bawah sub perenggan 13(1)(b) bagi tujuan kebajikan adalah dikecualikan cukai dengan syarat institusi atau organisasi tidak dijalankan atau dikendalikan semata-mata untuk keuntungan dan institusi atau organisasi itu ditubuhkan di Malaysia semata-mata bagi tujuan penyembahan agama atau perkembangan agama;

(d) pindaan kepada perenggan 33 yang berbangkit daripada pemansuhan Akta Bank dan Institusi Kewangan 1989 dan Akta Bank Islam 1983 dan digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

(e) memasukkan sub perenggan baharu yang memperuntukkan bahawa pengecualian di bawah perenggan 33A tidak terpakai kepada pendapatan faedah yang diterima syarikat bukan pemastautin daripada syarikat lain dalam kumpulan yang sama;

(f) meminda perenggan 33B yang memperuntukkan bahawa pengecualian tidak terpakai kepada pendapatan faedah yang diterima oleh syarikat pemastautin daripada syarikat lain dalam kumpulan yang sama. Pindaan ini selanjutnya memperuntukkan pendapatan faedah suatu bank atau bank Islam di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 atau institusi pembangunan kewangan di bawah Akta Pembangunan Kewangan 2002 adalah tertakluk kepada cukai pendapatan; dan,

(g) meminda perenggan 35A dengan memasukkan proviso bahawa pengecualian yang diberikan kepada kumpulan wang borong yang merupakan kumpulan wang pasaran wang adalah hanya untuk suatu kumpulan wang borong yang mematuhi kriteria yang dinyatakan dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mohon izin minum *ayaq* sikit Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila, silakan.

**Dato' Othman bin Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Biar ada tenaga sikit.

**Dato' Othman bin Aziz:** Ia panjang sikit Tuan Yang di-Pertua. Bab III, pindaan kepada Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab III yang terdiri daripada empat fasal iaitu fasal 30 hingga 33 adalah bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan 1967) seperti berikut.

Fasal 30 bertujuan menyatakan tarikh berkuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut. Perenggan 31(a) mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Perenggan 31(b) berkuat kuasa bagi tahun taksiran tahun 2017 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

Fasal 32 dan 33 mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Fasal 31 bertujuan untuk meminda subseksyen 29(1) seperti berikut:

(a) memasukkan perkataan dengan izin, "*and the airspace above such areas*" dan "*or jurisdiction*" ke dalam takrif Malaysia bagi menjelaskan takrif "Malaysia" agar selaras dengan takrif yang diperuntukkan dalam perjanjian pengelakan percukaian dua kali yang dimasuki oleh Kerajaan Malaysia dengan mana-mana wilayah di luar Malaysia; dan

(b) meminda takrif, *"secondary recovery"* untuk menjelaskan bahawa projek yang dilaksanakan bagi maksud mempercepatkan pengeluaran minyak adalah selepas satu proses perolehan awal minyak dilakukan.

Fasal 32 bertujuan untuk meminda seksyen 41A seperti berikut:

(a) menggantikan perenggan 41A(1) dengan perenggan baharu;

(b) memasukkan perenggan baharu 41A(1A) yang memperuntukkan bahawa jika seseorang yang telah mengemukakan penyata bagi suatu tahun taksiran mengikut subseksyen 30(1) dan tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi tahun taksiran itu dan orang yang boleh dikenakan cukai itu tidak berpuas hati dengan apa-apa amalan Ketua Pengarah Hasil pada tarikh penyata itu dikemukakan maka penyata itu disifatkan sebagai satu pemberitahuan pada tarikh penyata itu dikemukakan;

(c) meminda perenggan 41A(2) dan 41A(3) bagi memperuntukkan bahawa seseorang yang tidak berpuas hati boleh merayu terhadap pemberitahuan itu dalam suatu masa atau tempoh lanjutan lain yang dinyatakan dalam subseksyen dan peruntukan yang berkaitan dengan rayuan itu hendaklah terpakai dengan ubahsuaian yang perlu;

(d) memasukkan perenggan baharu 41A(5), 41A(6), 41A(7), 41A(8) dan 41A(9) yang bertujuan supaya orang yang boleh dikenakan cukai boleh merayu terhadap sesuatu penyata mengikut subseksyen 30(1) bagi keadaan tiada pendapatan yang boleh di cukai dalam satu tempoh yang dinyatakan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah subseksyen terlibat sekiranya terdapat kesalahan atau kesilapan dalam amaun yang dikira dalam penyata pendapatan tersebut. Pindaan ini juga membenarkan rayuan dibuat oleh pembayar cukai bagi kes di mana amaun dalam penyata tidak tepat disebabkan oleh pembayar cukai tidak layak menuntut apa-apa pengecualian, *relief*, peremitan, elaun dan potongan pada masa penyata itu dikemukakan kerana undang-undang berhubung *relief* itu belum diwartakan atau diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil. Tempoh permohonan mestilah dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dan tertakluk kepada kehendak di bawah subseksyen itu; dan

(e) peruntukan baharu ini juga bertujuan supaya seseorang boleh memohon suatu *relief* jika mendapati amaun yang dikira dalam penyata tidak tepat disebabkan seseorang itu tidak dibenarkan untuk menuntut potongan berhubung bayaran faedah, royalti, perkhidmatan, nasihat teknikal, bantuan, sewa atau bayaran lain yang dibuat di bawah perjanjian atau perkiraan untuk penggunaan harta alih yang diperolehi dari Malaysia atau bayaran kontrak kepada kontraktor bukan pemastautin yang tidak dikena bayaran di bawah undang-undang berhubung dengan cukai pendapatan pada hari penyata dikemukakan.

Fasal 33 bertujuan untuk memasukkan peruntukan seksyen 66A baharu yang memperuntukkan bahawa:

(a) orang yang boleh dikenakan cukai memohon sesuatu *relief* ke atas amaun berlebihan bagi penyata cukai yang telah dikemukakan disebabkan oleh orang itu tidak layak untuk menuntut apa-apa pengecualian, pelepasan, peremitan, elaun atau potongan pada masa penyata itu dikemukakan kerana undang-undang berhubung *relief* itu belum diwartakan atau diluluskan oleh Ketua Pengarah Lembaga Hasil;

(b) orang yang boleh dikenakan cukai boleh memohon suatu *relief* jika mendapati amaun yang dikira dalam penyata tidak tepat disebabkan orang yang boleh dikenakan cukai itu tidak dibenarkan untuk menuntut potongan berhubung dengan bayaran faedah, royalti, perkhidmatan, nasihat teknikal, bantuan, sewa atau bayaran lain yang dibuat di bawah perjanjian atau perkiraan untuk penggunaan harta alih yang diperoleh dari Malaysia atau bayaran kontrak kepada kontraktor bukan pemastautin yang tidak dikena bayaran di bawah undang-undang berhubung dengan cukai pendapatan pada hari penyata dikemukakan; dan

**■1240**

(c) orang yang boleh dikenakan cukai boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh yang dinyatakan dan tertakluk kepada kehendak dan syarat-syarat di bawah subseksyen itu.

Tuan Yang di-Pertua, Bab IV pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Bab IV yang terdiri daripada tiga fasal iaitu fasal 34 hingga fasal 36 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 seperti berikut:

Fasal 34 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta tersebut.

Fasal 35 mula berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini. Perenggan 36(a) disifatkan telah berkuat kuasa pada 30 Jun 2013. Perenggan 36(b) dan perenggan 36(c) telah disifatkan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2015. Perenggan 36(d) mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Fasal 35 bertujuan untuk meminda subseksyen 13(4), menjelaskan bahawa seorang penama hendaklah membuat satu penyata kepada mana-mana pejabat Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri di Malaysia.

Fasal 36 bertujuan untuk meminda Jadual 2 seperti berikut:

(a) meminda subperenggan 1(1), Jadual 2, bagi takrif Bank Islam yang berbangkit daripada pemansuhan Akta Perbankan Islam 1983 dan digantikan dengan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013;

(b) memasukkan subperenggan baharu 6(1A), dan 7(2), ke dalam Jadual 2, untuk memperuntukkan bahawa kos sampingan bagi pemerolehan atau pelupusan sesuatu aset tertakluk kepada apa-apa pelarasan yang dikehendaki dibuat ke atas jumlah cukai input di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 hendaklah ditentukan mengikut amaun pelarasan yang dibuat ke atas cukai input dalam tahun taksiran pelupusan dibuat atau pada akhir tempoh pelarasan yang dibenarkan di bawah akta itu mengikut mana-mana yang lebih awal; dan

(c) meminda subperenggan 12(2), Jadual 2, bagi memperuntukkan bahawa pelupusan secara pemberian antara penderma dengan penerima adalah terhad kepada seorang warga negara yang merupakan suami dan isteri, ibu atau bapa dan anak atau datuk atau nenek dengan cucu dan penderma disifatkan tidak menerima keuntungan dan tidak mengalami kerugian ke atas pelupusan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Bab V pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990.

Bab V terdiri daripada tiga fasal iaitu fasal 37 hingga fasal 39 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 seperti berikut:

Fasal 37 bertujuan menyatakan tarikh kuat kuasa bagi pindaan yang dibuat ke atas akta-akta tersebut.

Fasal 38 berkuat kuasa apabila berkuat kuasanya akta ini.

Fasal 39 mula berkuat kuasa pada 22 Oktober 2016;

Fasal 38 bertujuan untuk meminda subseksyen dua seperti berikut:

(a) meminda takrif "aktiviti bukan perdagangan "Labuan" bagi memperuntukkan bahawa pegangan pelaburan dalam harta oleh sesuatu entiti Labuan mestilah dalam harta yang terletak di Labuan.

(b) meminda takrif "aktiviti perdagangan "Labuan" dalam *proviso* (b) bagi menjelaskan bahawa satu entiti Labuan hanya boleh memegang saham dalam syarikat tempatan dan boleh bersama pemastautin dan dalam Ringgit Malaysia.

Bab VI pindaan kepada Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Bab VI yang terdiri daripada 23 fasal iaitu Fasal 41 hingga Fasal 63 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 seperti berikut:

Fasal 41 bertujuan untuk meminda seksyen dua akta tersebut dengan memasukkan takrif "zon bebas."

Fasal 42 bertujuan untuk meminda perenggan 13(4)(b) bagi menentukan masa pembekalan perkhidmatan diimport adalah berdasarkan tarikh bayaran dibuat atau invois diterima oleh penerima, mana yang terdahulu.

Fasal 43 bertujuan untuk meminda subperenggan 20(6)(a) bagi menetapkan bahawa pembekalan aset modal yang dilakukan berikutan penamatan perniagaan adalah tidak diambil kira dalam pengiraan nilai pembekalan bagi tujuan *threshold*. Selain itu, subperenggan baharu 20(6)(f) turut ditambah bagi menetapkan pembekalan yang dibuat dalam atau antara zon bebas adalah tidak termasuk dalam pengiraan nilai pembekalan bagi tujuan penentuan *threshold.*

Fasal 44 bertujuan untuk meminda subseksyen 33(10) bagi memastikan peniaga yang berdaftar tidak mengeluarkan invois yang berupa invois cukai atau mengandungi elemen cukai bagi sesuatu pembekalan bukan bercukai atau berkadar sifar.

Subseksyen 33(10A) juga ditambah bagi menetapkan peniaga yang tidak berdaftar kecuali yang dinyatakan di bawah subseksyen 65(4) dan (5) tidak boleh mengeluarkan invois yang menyerupai invois cukai, mempunyai elemen cukai atau invois cukai. Melalui peruntukan baharu ini, ia dapat mengelakkan pengguna daripada ditipu oleh peniaga yang mengenakan GST sedangkan GST tersebut tidak diremit pada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Seterusnya, subseksyen 33(11) dipinda bagi memperuntukkan bahawa peniaga yang tidak mematuhi subseksyen 33(10A) melakukan kesalahan dan jika disabitkan, boleh dikenakan denda atau penalti sebagaimana yang ditetapkan.

Fasal 45, bertujuan untuk menambah peruntukan baharu iaitu seksyen baharu 34A dan 34B bagi menetapkan peniaga yang berdaftar daripada kategori perniagaan yang ditetapkan, perlu mengemukakan laporan pembekalan yang dibuat dengan menggunakan suatu buah peranti yang ditetapkan. Peniaga yang berdaftar juga adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan peranti yang dipasang berfungsi dengan baik dan kegagalan mematuhi syarat yang ditetapkan merupakan suatu kesalahan.

Pindaan ini selanjutnya menetapkan bahawa Ketua Pengarah Kastam mempunyai kuasa untuk meluluskan mana-mana orang untuk memasang peranti yang ditetapkan. Pindaan ini juga selanjutnya bertujuan untuk menyatakan bahawa mana-mana orang yang mempunyai akses kepada peranti yang ditetapkan tidak boleh memberi, menyiarkan atau mendedahkan apa-apa maklumat yang diperoleh daripada peranti dan apa-apa pelanggaran kepada syarat-syarat ini merupakan suatu kesalahan. Peruntukan baru ini juga bertujuan membolehkan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) untuk membuat semakan dan pemantauan ke atas transaksi jual beli perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 46 bertujuan untuk meminda subseksyen 41(8) bagi menjelaskan bahawa penalti dikenakan ke atas baki cukai yang masih belum dibayar, selanjutnya pindaan dibuat ke atas kadar penalti semasa di mana kadar baharu yang ditetapkan adalah seperti berikut:

(a) penalti sebanyak 10 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tiga puluh hari pertama.

(b) penalti tambahan sebanyak 15 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh tiga puluh hari yang kedua; dan

(c) penalti tambahan sebanyak 15 peratus bagi amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh tiga puluh hari yang ketiga dengan penalti maksimum sebanyak 40 peratus.

Fasal 47, bertujuan untuk meminda seksyen 42 seperti berikut:

(a) meminda subseksyen 42(1) dengan memotong rujukan seksyen 58 dan menggantikan dengan rujukan subseksyen 56(5). Melalui pindaan ini, orang selain orang kena cukai yang perlu mengemukakan pengisytiharan penyata dan pembayaran cukai adalah termasuk mana-mana orang yang bukan seseorang orang berdaftar dan telah diberi pelepasan di bawah subseksyen 56(5) dan;

(b) subseksyen baharu 42(4), (5), (6) dan (7) ditambah bagi mengenakan penalti kepada orang selain orang kena cukai yang gagal membuat pembayaran cukai. Penalti yang dikenakan adalah ke atas baki cukai. Kadar penalti yang dikenakan adalah seperti berikut:

    (a) penalti sebanyak 10 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh tiga puluh hari pertama;

**■1250**

    (b) penalti tambahan sebanyak 15 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh 30 hari yang kedua; dan

    (c) penalti tambahan sebanyak 15 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar bagi tempoh 30 hari yang ketiga dengan penalti maksimum sebanyak 40 peratus.

Fasal 48 bertujuan untuk meminda seksyen 49 dengan memperluaskan pemakaian perenggan 49(1)(b) bagi meliputi mana-mana orang yang gagal membayar penalti di bawah seksyen 41 dan 42. Kegagalan membayar penalti boleh menyebabkan mereka dihalang daripada pergi keluar negara.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 49 bertujuan untuk meminda subseksyen 51(1A) bagi membenarkan bayaran secara ansuran ke atas penalti yang dikenakan di bawah subseksyen 42(4).

Fasal 50 bertujuan untuk meminda subseksyen 56(5) bagi memastikan mana-mana orang yang telah diberi pelepasan daripada membayar cukai untuk mengakaunkan semula cukai apabila pelepasan itu dibatalkan. Subseksyen baharu 56(7) turut ditambah bagi melayakkan mana-mana orang yang telah diberi pelepasan GST dan telah membayar GST untuk mendapat bayaran balik GST yang telah dibayar tersebut.

Fasal 51 bertujuan untuk meminda subseksyen 57(1) bagi menentukan tatacara dan tempoh bagi mana-mana orang yang telah membayar cukai yang genap masa dan kena dibayar dan kemudiannya diberi pelepasan, menuntut balik cukai itu.

Pindaan ini selanjutnya bertujuan untuk menetapkan tatacara dan tempoh bagi mana-mana orang yang telah diberi remisi di bawah seksyen 62 menuntut kembali apa-apa cukai, surcaj, penalti, fi atau apa-apa wang lain yang telah dibayar.

Fasal 52 bertujuan untuk meminda seksyen 70 bagi menetapkan jenis barang yang diluluskan oleh pegawai Kastam untuk dideposit ke dalam gudang. Selain itu, pindaan juga menetapkan cukai yang genap masa dan kena dibayar ke atas barang import akan digantung apabila ia didepositkan ke dalam gudang dan bekalan barang yang dibuat ke dalam gudang adalah tidak dikenakan GST.

Fasal 53 bertujuan untuk meminda subseksyen 72(3) bagi menentukan masa pembekalan barang yang telah diproses di bawah Skim Pengilangan Tol diluluskan adalah apabila bayaran dibuat atau invois diterima oleh penerima, mana yang terdahulu.

Fasal 54 bertujuan untuk meminda subseksyen 73(3) bagi menentukan masa pembekalan barang di bawah Skim Tukang Emas adalah apabila bayaran dibuat atau invois diterima oleh penerima, mana yang terdahulu.

Fasal 55 bertujuan untuk meminda subseksyen 103(5) dengan memotong ayat, *"Bagi maksud seksyen 83"* bagi memperluaskan pemakaian subseksyen ini bagi mana-mana peruntukan yang berkenaan.

Fasal 56 bertujuan untuk meminda perenggan 156(a) bagi menambah baik kawalan dan layanan GST di kawasan ditetapkan di mana cukai akan dikenakan apabila melibatkan pemindahan barang dari kawasan ditetapkan ke Malaysia atau ke kawasan ditetapkan melalui Malaysia. Perenggan baharu 156(aa) turut ditambah bagi memperuntukkan bahawa Menteri boleh menentukan apa-apa cukai digantung ke atas barang yang dipindahkan dari kawasan ditetapkan melalui Malaysia ke suatu buah kawasan ditetapkan lain, satu buah kawasan zon bebas atau satu buah gudang di bawah seksyen 70.

Fasal 57 bertujuan untuk meminda subseksyen 160(1) bagi memperjelaskan lagi kuasa Menteri Kewangan di dalam mengenakan GST ke atas pengimportan dan bekalan barang dan perkhidmatan yang melibatkan kawasan ditetapkan iaitu Labuan, Langkawi atau Tioman.

Fasal 58 bertujuan untuk meminda Bahagian XV bagi memperluaskan pemakaian peruntukan di bawah bahagian ini kepada zon bebas.

Fasal 59 bertujuan untuk meminda seksyen 161 bagi menjelaskan bahawa zon bebas terdiri dari zon perindustrian bebas dan zon perdagangan bebas.

Fasal 60 bertujuan untuk meminda seksyen 162 bagi menetapkan bahawa tiada GST dikenakan ke atas pembekalan barang yang dibuat di dalam dan di antara kawasan zon bebas.

Fasal 61 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 162A dan 162B bagi menetapkan bahawa tiada GST dikenakan ke atas bekalan barang di bawah perjanjian pajakan yang dipindahkan dari zon bebas:

(a) ke zon bebas lain.

(b) ke kawasan ditetapkan (Labuan, Langkawi atau Tioman); atau

(c) ke suatu gudang yang diluluskan di bawah Skim Penggudangan melainkan ditetapkan sebaliknya oleh Menteri.

Pindaan ini seterusnya bertujuan untuk mengenakan GST ke atas pembekalan yang dibuat di Malaysia oleh syarikat yang berada di zon bebas.

Fasal 62 bertujuan untuk meminda seksyen 163 bagi memperuntukkan kuasa kepada Menteri untuk mengenakan cukai ke atas apa-apa barang yang diimport ke dalam zon bebas dibekalkan atau dipindahkan ke atau dari zon bebas.

Fasal 63 bertujuan untuk memasukkan perenggan baharu 8, ke dalam Jadual Kedua bagi memperuntukkan bahawa apa-apa pembekalan tanah kepada Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana orang lain bagi maksud menyediakan kemudahan awam dan utiliti awam seperti yang ditetapkan dalam projek yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, tidak dikira sebagai pembekalan barang atau perkhidmatan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Othman bin Aziz bagi pihak Menteri Kewangan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dibaca kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Sebelum itu, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, sila berikan nama kepada pihak saya ya. Terima kasih. Masa ada lagi, saya minta Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Dipersilakan.

**12.57 tgh.**

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan bagi saya membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2016.

Pertama sekali, saya mengucapkan tahniah dan syukur kerana beberapa pindaan telah dibuat dan beberapa peruntukan akta percukaian dalam siri perundangan negara bagi memastikan anggaran pendapatan Kerajaan Persekutuan terus mengalami pengurangan kadar unjuran defisit kepada 3.0 peratus bagi perakaunan semasa 2017.

Dalam pengumuman Bajet 2017, pindaan-pindaan berkaitan insentif cukai telah diberikan dan pindaan perlu dibuat ke atas Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 dan Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia di atas pindaan yang dibuat di bawah sub fasal 10(a)(viii) di mana pada perenggan baru 46(1)(q) Akta 53, diperuntukkan pemotongan maksimum RM1,000 diberi kepada seorang individu yang membelanjakan pembelian kelengkapan penyusuan bagi bayi yang berumur dua tahun.

Persoalan yang ingin saya kemukakan, apa maksud kelengkapan yang dibenarkan dalam peruntukan pindaan akta ini dan apakah pelepasan RM1,000 ini meliputi permohonan pelepasan bagi kes-kes berikut?

Pertama, pembelian kelengkapan oleh ibu angkat yang sah atau ibu susuan kepada bayi di bawah dua tahun. Ini kerana terdapat kes ibu susuan juga terlibat dalam program penyusuan bayi.

Kedua, rawatan atau pembelian ubatan bagi rawatan hormon pengaktifan susuan bagi kes-kes di mana kalangan ibu-ibu susuan menghadapi masalah susu ibu yang minimum.

Ketiga, senarai penuh kelengkapan atau ubatan atau rawatan yang diberikan perakuan bagi pelepasan dalam pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, sub fasal 10(a)(viii) pada perenggan baru 46(1)(q) Akta 53 di mana diperuntukkan pemotongan maksimum RM1,000 diberi cukai kepada seorang individu bagi membuat tuntutan pengecualian cukai pendapatan ke atas bayaran perkhidmatan penjagaan anak kepada taska atau tabika bagi anak yang berumur di bawah enam tahun.

Dalam pindaan ini, saya juga mohon perincian dan sedikit penjelasan kerana pada *paragraph* dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *"Provided that where a wife living together with her husband is assessed separately for that year, the deduction under this paragraph shall only be allowed either to the husband or to the wife."*

Persoalan yang ingin saya kemukakan adalah adakah potongan maksimum ini...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, terima kasih. Saya beri peluang Yang Berhormat menyambung ucapan ini selepas kita sambung petang nanti ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang pukul 1 tengah hari.

Saya tangguhkan Mesyuarat hingga pukul 2.30 petang. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]***

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

*[Timbalan Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**2.32 ptg.**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung berbahas, Datin Rahimah. Silakan Yang Berhormat.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung semula perbahasan. Mohon untuk saya ulang semula subfasal 10(a)(viii) pada perenggan baru 46(1)(q) Akta 53 di mana diperuntukkan pemotongan maksimum RM1,000 diberikan kepada seorang individu bagi membuat penuntutan pengecualian cukai pendapatan ke atas bayaran perkhidmatan penjagaan anak pada taska atau tabika bagi anak yang berumur di bawah enam tahun.

Dalam pindaan ini, saya mohon perincian dan sedikit penjelasan kerana *paragraph* dalam bahasa Inggeris, dengan izin, *"provided that- (a)where a wife living together with her husband is assessed separately for that year, the deduction under this paragraph shall only be allowed either to the husband and to the wife;..."*

Persoalan yang saya ingin kemukakan ialah, adakah potongan maksimum ini diberikan kepada setiap bilangan anak berumur bawah enam tahun yang dihantar ke taska atau tabika yang berbayar? Adakah ibu tunggal, wanita ibu angkat yang sah, sama ada ibu tunggal yang mengambil anak angkat atau wanita tidak berkahwin mengambil anak angkat atau menjadi penjaga bagi kes-kes penjagaan anak yatim kerana hak penjagaan yang diberikan oleh perintah Mahkamah Syariah mendapat layanan potongan cukai bagi kos bayaran taska dan tabika ini?

Tuan Yang di-Pertua, dalam liberalisasi cukai pendapatan ini, fokus sebenar juga perlu diberi kepada kutipan cukai-cukai kepada bukan pemastautin ataupun *non-resident* yang mendapat banyak faedah dan keuntungan daripada kemakmuran negara kita. Berkemungkinan melalui kutipan cukai pegangan dan cukai pendapatan individu, maka ketirisan yang berlaku akan menyebabkan prestasi nilai ringgit berbanding kadar tukaran wang asing lain merosot.

Sebagai makluman Dewan yang mulia ini, sejak akhir-akhir ini, pelaburan oleh bukan pemastautin, terutama warga Singapura atau Timur Tengah dan Thailand, amat signifikan dalam membantu pertumbuhan pasaran hartanah atau pelaburan tabung hartanah negara. Apa yang saya ingin ketengahkan adalah bagaimana Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu aktif dalam mengutip cukai pegangan bagi beberapa perkara berikut.

Pertama, kutipan janaan pendapatan keuntungan atau agihan hasil pendapatan di bawah seksyen 109D, Akta Cukai Pendapatan 1967 daripada sewaan hartanah atau pasaran pajakan hartanah dari orang perseorangan, iaitu bukan pemastautin, syarikat atau institusi pelaburan luar negara dan pelaburan bukan korporat atau entiti luar sedangkan sistem daftar hak milik hartanah dan daftar pajakan hartanah serta status kegunaannya atau *tracking* melalui surat cara perjanjian.

Perjanjian yang disistemkan dalam Sistem Daftar Lembaga Hasil Dalam Negeri, belum lagi disepadukan dengan pihak berkuasa tanah atau strata negeri-negeri di seluruh negara. Penguatkuasaan sepenuhnya yang lebih ketat bagi kutipan cukai pegangan ke atas individu atau kumpulan atau organisasi yang mendapat pendapatan ke atas persembahan hiburan, kesenian dan pementasan, sesi seminar atau ceramah profesional dan akademik atau pendapatan kelas khas dalam kerja-kerja teknikal dan perkhidmatan perundingan sama ada kerja ini dibuat di Malaysia atau dibuat luar negara yang mana bayaran dibuat oleh entiti syarikat Malaysia selaras dengan pindaan dan liberalisasi Akta Pendaftaran Jurutera 1967, Akta Arkitek 1967 dan Akta Juruukur Bahan 1967 dan Liberalisasi Perkhidmatan Guaman.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cukai pendapatan juga saya mohon perincian mengenai beberapa perkara berikut untuk tujuan pemahaman dan pengetahuan Ahli Dewan.

(i) insentif cukai yang diberikan kepada pelabur dan ekspatriat yang melabur atau terlibat dalam pembangunan koridor atau pembangunan Iskandar Malaysia; dan

(ii) manfaat dan insentif yang boleh dinikmati oleh penduduk tempatan terutamanya warga Pantai Timur daripada segi insentif percukaian yang akan berkuat kuasa pada tahun 2017 bagi pelaburan melibatkan sektor-sektor yang diluluskan terutamanya insentif yang diberikan kepada pelabur tempatan dalam sektor pertanian, perladangan dan khidmat pelancongan.

Saya juga mohon kementerian memberikan perincian yang boleh dinikmati oleh rakyat di Pantai Timur ke atas pelaburan yang dibuat dalam menyokong industri berasaskan kebudayaan dan warisan. Terutama bagi penggiat industri batik, kraf tangan dan makanan tradisional yang bakal melonjakkan ekonomi Pantai Timur, Kelantan, Terengganu dan Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, selain pindaan dan insentif yang diberikan dalam peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967, saya juga mengalu-alukan pindaan dalam peruntukkan pindaan Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014. Dalam fasal 60 bahawa suatu pindaan dibuat bagi seksyen 162, bagi menetapkan bahawa cukai tidak dikenakan ke atas pengimportan barang ke dalam zon bebas bagi menjalankan aktiviti perdagangan, pengilangan atau peruncitan, kecuali barangan itu digunakan atau diguna pakai dalam zon itu sendiri.

Oleh itu, pindaan ini juga menetapkan bahawa tiada cukai dikenakan ke atas pembekalan barang di dalam atau antara zon bebas. Persoalan yang ingin saya kemukakan berhubung fasal ini adalah tentang penguatkuasaan Kastam di dalam sempadan zon bebas cukai, terutamanya zon bebas cukai yang ada di negeri saya seperti Pengkalan Kubor dan Rantau Panjang.

**■1440**

Saya juga ingin mengetahui bagaimanakah kastam bersama-sama agensi kawalan sempadan meningkatkan penguatkuasaan di sempadan yang senang dibolosi seperti di sepanjang sempadan pangkalan haram di negeri Kelantan yang mana barangan seperti rokok, arak dan barangan bercukai lain senang dibolosi. Selain itu, produk-produk bersubsidi seperti minyak masak dan gula juga bolos menyebabkan berlaku kemerosotan bekalan terutama menjelang hari perayaan atau cuti. Saya juga ingin mendapat penjelasan kementerian, tentang apa aspek kebajikan dan penentuan penugasan aktiviti pencegahan penyeludupan agar kes-kes ancaman dan risiko kecederaan dan kemalangan yang melibatkan penguatkuasaan kastam tidak lagi berlaku.

Di sini saya merakamkan ucapan takziah kepada keluarga pegawai kastam wanita yang meninggal dunia akibat dirempuh oleh tonto pada 9 Oktober lalu di Banggol Chica, Pasir Mas, Kelantan. Saya mohon agar Pengurusan Tertinggi Kastam mengkaji semula penyertaan anggota pegawai kastam wanita dalam tugasan yang berisiko. Kita tidak mahu episod kemalangan dan ancaman oleh penjenayah penyeludup ini mengancam keselamatan dan risiko kerja pegawai wanita di seluruh negara.

Akhirnya saya mengucapkan syabas dan tahniah di atas segala insentif dan inisiatif pindaan Rang Undang-undang Kewangan Tahun 2016 ini, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Puan Hajah Azizah binti Harun. Silakan.

**■1442**

**2.42 ptg.**

**Puan Hajah Azizah binti Harun:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan Tuan Yang di-Pertua untuk membahaskan satu Rang Undang-undang Kewangan Tahun 2016, yang telah dibentangkan semasa Bajet Tahun 2017 untuk meningkatkan perolehan Kerajaan Persekutuan dan menambah baik peruntukan-peruntukan perundangan percukaian yang sedia ada bagi memastikan momentum pertumbuhan ekonomi negara terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua bagi menyentuh perbahasan undang-undang ini, saya fokuskan perbahasan saya berkenaan dengan fasal 18. Berhubung dengan pindaan yang dibuat bagi menambah baik beberapa perkara mengenai pengurusan rayuan bagi memuktamadkan tafsiran cukai atau perkara-perkara yang menyebabkan nilai taksiran yang dibuat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri tidak dipersetujui oleh pembayar cukai. Tuan Yang di-Pertua, sejak sistem taksiran sendiri digunakan oleh LHDN dalam perolehan kutipan cukai pendapatan bagi banyak perkara mengenai keresahan atau nilai muktamad mengenai pendapatan yang akan dikenakan menjadi pertikaian antara pembayar cukai dan pembayar pentafsir cukai LHDN.

Setiap tahun terdapat inisiatif dan penyelarasan cukai yang diberikan oleh Kerajaan melalui inisiatif penyelaras cukai yang diumumkan dalam setiap bajet. Justeru, apabila pindaan ini dibuat ia memberikan lebih keadilan dan menjadikan pindaan ini sebagai satu kerangka kerja yang lebih fleksibel dan cekap dalam menangani isu-isu penyelarasan atau pertikaian kerana pegawai pentafsir tidak memberikan kebenaran bagi seseorang membayar cukai untuk menikmati penyelarasan bagi jumlah pendapatan bercukai atau jumlah nilai layak potongan yang boleh dikenakan ke atas perbelanjaan yang dibuat oleh seseorang pembayar cukai.

Saya mengambil contoh, kita sebagai Ahli Dewan Negara setiap daripada kita mengetahui bahawa gaji Senator adalah dikecualikan daripada dikenakan cukai pendapatan. Akan tetapi, semasa proses membuat tafsiran sendiri, kita lupa bahawa elaun terkenun atau pendapatan semasa terkenun dalam tahun tafsiran bagi sesuatu tahun akan dikenakan cukai. Sudah tentunya apabila hendak tamat perkhidmatan sebagai Ahli Dewan Negara, barulah kita pening kepala dan menstrukturkan semula tafsiran cukai kita ini. Oleh itu melalui pindaan ini saya ingin mendapatkan penjelasan Yang Berhormat Menteri berhubung:

(i) apakah dengan pindaan fasal 18, Akta Cukai Pendapatan 1967 ini akan menyebabkan perubahan ketara dalam unjuran perolehan cukai pendapatan negara?

(ii) bagaimanakah cara atau mekanisme bagi seseorang pembayar cukai yang berdaftar dapat menstrukturkan semula *relief* atau pun pemotongan cukai bagi tahun-tahun tafsiran terkebelakang, dan jika sekiranya ada amaun yang terlebih tafsir sebagai cukai dan telah dimuktamadkan pembayarannya LHDN akan memberikan pulangan semula lebihan wang tafsiran tersebut dalam tahun 2017; dan

(iii) apakah dalam pindaan fasal 18 ini hanya Ketua Pengarah LHDN sahaja mempunyai kuasa bagi meluluskan permohonan semakan semula atau ada satu mekanisme penurunan kuasa dalam kerangka kerja perundangan ini bagi memastikan kes rayuan dan permohonan semakan ini boleh diurus dengan pesuruhjaya cukai atau pegawai-pegawai LHDN lain yang diperuntukkan kuasa selaras dengan ketetapan yang diberikan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang akan saya perkatakan adalah mengenai pindaan klausa fasal 44, bagi meminda seksyen 33, Akta 762, iaitu Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014, dalam pindaan ini melalui fasal 33*(a)* dalam perkara Pindaan seksyen 33(10) menetapkan bahawa mana-mana orang yang berdaftar tidak boleh mengeluarkan apa-apa invois yang berupa cukai atau mengandungi elemen cukai bagi sesuatu semua transaksi bagi bukan bercukai atau berkadar sifar. Saya ingin memohon perincian dan penyelarasan dari kastam berhubung perkara ini tentang beberapa perkara berikut:

(i) adakah kastam tidak membuat piawaian atau *standard* bagi format invois bercukai atau invois barangan yang mendapat layanan kadar sifar (CBDB), apabila pembelian dibuat oleh pengguna data peniaga berdaftar (CBP);

(ii) sehingga pindaan ini dibuat beberapa kes penipuan, kes yang telah disiasat atau dibuat pendawaian kerana tindakan mengelirukan pembayar cukai (CBP) akibat ketidakpatuhan kepada pengeluaran *standard* invois cukai barangan dan perkhidmatan;

(iii) bagaimana kerajaan dapat memastikan dengan pindaan ini, pengguna akan lebih prihatin dan mengetahui hak bagi, mengetahui nilai ringgit yang dibelanjakan dalam pembelian barangan dan perkhidmatan diberi invois atau penyata cukai (CBP) piawaian atau *standard* bagi mengekang unsur-unsur penipuan atau pengeliruan.

Oleh itu, sebagai akhir perbahasan, saya berharap dengan pindaan Rang Undang-undang Kewangan ini kerangka kerja perundangan cukai negara lebih cekap dan Kerajaan dapat mengekang secara *total* ketirisan cukai, ini akan meningkatkan hasil pendapatan negara dan memakmurkan negara. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat itu sahajalah perbahasan. Ada lagi satu, Datuk Suhaimi nak masuk?... Boleh, boleh.

**■1450**

Ahli-ahli Yang Berhormat, sila berikan nama supaya kita boleh mengagihkan masa yang lain kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

**2.50 ptg.**

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya, walaupun terlambat *submit* nama saya untuk perbahasan Rang Undang-undang Kewangan 2016 pada petang ini.

Saya ingin memfokuskan perbahasan saya kepada pindaan seksyen 2(4)(1) Akta Cukai Pendapatan 1967, yang mana memfokuskan kepada *public entertainer* yang di dalam rang undang-undang ini menyebut:

*"public entertainer" includes-*

*(a) a compere, model, circus performer, lecturer, speaker, sportsperson, an artiste or individual exercising any profession, vocation or employment of a similar nature; or*

*(b) an individual who uses his intellectual, artistic, musical, personal or physical skill or character.*

Tuan Yang di-Pertua, bila kita baca berhubung dengan pentafsiran ini, tentu sekali ia akan melibatkan anak-anak muda kita, artis-artis kita ataupun kumpulan-kumpulan nasyid-nasyid ataupun mereka yang datang dari luar negara yang amat diminati oleh anak-anak muda pada ketika ini. Saya faham bahawa rang undang-undang ini ditujukan kepada mereka yang datang dari luar negara untuk *perform* di dalam negara kita. Akan tetapi saya hendak membawa perhatian kepada isu artis-artis tempatan yang mana saya juga mempunyai hubungan rapat dengan mereka ini.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana kadang-kadang saya juga bekerjasama dengan artis-artis Malaysia ini untuk membawa mereka, untuk memanggil anak-anak muda supaya menjauhkan diri daripada perkara-perkara yang tidak diingini, khususnya dalam membanteras dadah dan sebagainya.

Saya sekarang ini dalam proses untuk hendak menubuhkan artis-artis, rakan-rakan artis bersama anak-anak yang menagih dadah. Walaupun ada satu dua yang terlibat tetapi bila kita melihat mereka ini, mereka sudah pun pulih dan *alhamdulillah,* mereka ini masih lagi terkenal di negara kita.

Pada masa yang sama juga mereka ini mempunyai keluh-kesah yang sama dengan kita. Saya bercakap dengan beberapa orang artis yang menyatakan mereka tertekan sekarang ini, amat tertekan dengan sistem *taxation* yang ada di negara kita pada ketika ini. Sehinggakan ada yang menyatakan bahawa bila kerajaan memerlukan kami, kami turun ke bawah. Kami bersama-sama dengan kerajaan, membantu kerajaan tetapi bila datang soal cukai, maka kami seolah-olah dianaktirikan oleh kerajaan. Ini keluh-kesah yang mereka menyatakan kepada kita.

Saya bercakap dengan Hazama, saya bercakap dengan Datuk Hattan, saya bercakap dengan Datuk Seri Raja Rezza, saya bercakap dengan Betty Banafe, saya bercakap dengan Ning Baizura... *[Disampuk]* Mereka ini manusia seperti kita, artis-artis yang baik. Kadang-kadang mereka ini jugalah yang menaikkan nama Malaysia pada persada dunia. Contoh baru-baru ini kita tengok *Raja Lawak* kita, pulang daripada mana saya tidak ingat sudah, Harith Iskander, mengharumkan nama kita. Saya tidak tahu apa lawaknya kerana tidak tengok lagi. Akan tetapi ini hakikatnya yang menunjukkan bahawa *we are the world players,* dengan izin.

Bukan sahaja daripada segi Olimpik tetapi sekarang ini telah pun melibatkan artis-artis negara kita. Shila Amzah contohnya di China. Saya pernah ke China di Guangzhou. Saya sedang urut kaki kerana letih sangat, saya pergi refleksologi. Saya bertanya nyonya yang urut kaki saya itu kata kenal atau tidak ini Shila, *in English. "Do you know Shila Amzah?" "Oh! Shila, Shila, Shila…",* terus buka tab telefon dia bagi saya dengar. *Alhamdulillah*, saya tengok dengan bertudung Shila Amzah. Ini bila keluh-kesah mereka rupa-rupanya bila kita bercakap dalam senyum mereka itu ada duka.

Datuk M. Nasir sekarang ini sedang pening kepala kerana sistem pencukaian kita. Ini kerana mereka ini tiba-tiba diambil secara *random*, mengumpul segala pendapatan sejak 10 tahun yang lepas dan *approach* mereka masa kini yang mana *business*-nya tidak banyak. Saya ingat lima, enam tahun lepas, boleh kata setiap malam kita atau syarikat-syarikat besar, *public listed company,* GLCs mengadakan *annual dinner.* Sekarang saya tidak dijemput lagi, tidak adapun *annual dinner.* YTL pernah membawa Pavarotti ke sini. Kita tengok bagaimana Pavarotti mendendangkan kita dengan lagu yang kita tidak faham pun.

Akan tetapi ini hakikatnya, ini hakikatnya dan pada ketika itu kita faham bahawa artis-artis ini mendapat pendapatan yang lumayan. Tiba-tiba selepas tujuh tahun mereka tidak ada pendapatan sebegitu, tiba-tiba *tax agency* pergi berjumpa dengan mereka, Lembaga Hasil Dalam Negeri pergi berjumpa mereka. *My goodness,* katanya RM4 juta pun ada seorang itu. *"Hendak korek mana abang ini?",* kata mereka kepada saya. *"Hendak korek mana?".* Hendak pergi keluar negeri tidak boleh sudah nama sudah ada di sana. *"Hendak cari mana ini RM500,000?".* Minta RM30,000 pun kami tidak dapat pada ketika ini.

Mereka kata *"Kami ini bila jadi artis, pada waktu muda orang suka"*. Bila pelakon-pelakon waktu muda semuanya masih cekang, kami orang suka. Kata Betty Banafe, "*Saya waktu itu segak. Sekarang sudah kahwin, anak sudah bloated, banyak production company tidak mahu lagi kami. Hendak cari wang di mana?".* Terpaksalah jual tudung. Kasihan tuan-tuan, kasihan. Terpaksa buat internet punya perniagaan. Jadi saya hendak bertanya di sini kepada kerajaan, apakah mereka ini akan dibuat sedemikian dengan paksaan-paksaan untuk mereka membayar ataupun perlu berbincang cara mana masalah ini perlu diselesaikan?

Saya bimbang kerana *influence* mereka ini, dengan izin, kepada anak-anak muda memang hebat. Datuk Jamal Abdillah bukan sahaja pada golongan orang-orang muda. Saya tidak sangka bila anak saya mendengar Datuk Jamal Abdillah menyanyikan lagu Seroja, meloncat-loncat anak saya. Bukan sahaja meloncat anaknya, maknya meloncat, bapa dia pun meloncat. Maknanya generasi muda, tua dan juga generasi lama, generasi Kamarudin Kachar, orang lama yang 70 tahun ke atas masih lagi berminat. Dato' Adam senyum, salah seorang peminat Datuk Jamal Abdillah.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau mereka inilah yang mempunyai pengaruh, saya tidak mahu bercakap soal politik. Saya tahu semasa pilihan raya siapa yang pergi, saya tahu. Siapa yang Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek pernah bawa dulu, saya tahu. Masuk kampung saya, *By-election* Sungai Limau. Mereka inilah yang turun mengumpul anak-anak muda. Jadi kalau sekiranya perkara ini berlaku, saya minta kepada Dewan yang mulia ini supaya kerajaan mempertimbangkan satu sistem yang dapat memberi ruang kepada mereka untuk bergerak.

**■1500**

Kata mereka lagi, sekarang ini sudah mula balik ke kampung kerana *influx of the new artists. Akademi Fantasia* katanya tiap-tiap tahun mengeluarkan artis-artis baru. Akan tetapi mereka ini juga tidak dapat *survive* dan mereka ini juga minta kalau bolehlah kerajaan mempertimbangkan, contoh mereka beri pada saya, sekiranya mereka dibayar RM10,000 untuk satu *entertainment.* Mereka minta supaya *tax*-nya dikurangkan.

Sekiranya artis yang sudah sampai *level* Dato’ Siti Nurhaliza *tax*-nya tak apalah kata mereka, dia sekurang-kurangnya ada Dato’ K. Ini mereka cakap dan *income* beliau juga kita tahu tinggi. Kata mereka, dia ini menjadi *favorite* istana dan juga *favorite Prime Minister’s Office*. Bayarannya tentu tinggi tetapi kami, kata mereka, kami yang tidak ada *favorite* mana-mana organisasi, hanya dipanggil untuk 200, 300 menjadi pengacara majlis dan sebagainya, memanglah mereka ini kalau dikira, tidak akan dapat pendapatan yang lumayan.

Mereka juga tidak ada pencen, kata mereka, kami bukan bergaji macam tuan-tuan tiap-tiap bulan dapat. Kami hanya atas ihsan, sekarang ini sudah balik kampung, kenduri kampung pun jadi DJ di kampung. Di kampung dibayar RM50, bagi nasi satu *sia* bawa balik rumah, inilah pendapatan kami, kata mereka, untuk hendak bagi makan anak-anak kami. Berbalik saya kepada interpretasi *public entertainer* tadi ini.

Saya teringat semasa saya melihat debat di Dewan Rakyat. Ahli-ahli Parlimen pembangkang juga kami juga *entertainer* di dalam Dewan ini, apakah kami perlu bayar *tax?* Ada juga dia orang kata Menteri-Menteri juga *entertainer.* Kadang-kadang kerana perangai Menteri itu, pasaran surat khabar meningkat. Jadi, mereka ini juga *entertainer.* Jadi, mereka kata adakah mereka perlu membayar? Jadi, ini kita tidak mahu mempersoalkan, kita hendak supaya yang di dalam ini sahaja.

Berbalik kepada rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya. Bila artis dari luar negara datang dan kita kenakan *tax* yang begitu tinggi. Saya ambil contoh, *Air Supply* pernah datang di Genting, Engelbert Humperdinck pernah datang di Hilton, Eric Clapton pernah datang ke sini. Apabila mereka ini dikenakan *tax* yang begitu tinggi, maka mereka merasakan tidak akan datang ke Malaysia.

Mereka akan pergi ke Thailand ataupun ke Indonesia. Saya tidak tahu *tax*-nya bagaimana di sana. Akan tetapi persoalannya sekarang bila artis-artis dari luar negara ini datang ke Malaysia, kita melihat ada juga manusia-manusia daripada *the ASEAN countries, the neighbors* datang juga untuk melihat atau melihat persembahan artis-artis dari luar negara ini dan mereka ini sebagai pelancong di Malaysia ini.

Kalau artis-artis ini tidak datang ke Malaysia, maka mereka juga tidak datang. Maka, pendapatan hasil daripada pelancongan itu tentu sekali akan kurang. Oleh kerana mereka ini datang ke Malaysia bukan hanya hendak tengok artis-artis itu, malah mereka juga kadang-kadang *spend two or three days,* dengan izin, untuk membeli belah di Malaysia ini. Jadi, apabila kerajaan mengenakan *tax* yang begitu tinggi kepada mereka, hasilnya pelancong-pelancong kita akan berkurangan. Jadi, saya hendak bertanya kepada kementerian, apakah satu kajian dibuat apabila kita hendak meng-*imposed,* dengan izin, *tax* ini?

Kedua, saya berminat sekali dengan nasyid atau qasidah yang daripada Indonesia. *“Yahanana…”* saya tak tau apa nama kumpulan ini. Yang Berhormat kalau tengok persembahan *“Yahanana…”* ini, di padang bola itu melaut manusia, kita tak percaya. Pertama kali saya tengok di Kedah, dibawa ke stadium. Penuh dalam stadium, duduk atas padang dan juga di tangga-tangga ayam, penuh dengan manusia. Saya tidak tahu sama ada *tax* ini akan dikenakan kepada mereka.

Jadi, saya hendak bertanya juga, efektifnya rang undang-undang ini pada, kalau tidak salah saya, Februari 2017- *correct me if I'm wrong* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Apabila undang-undang ini diaktifkan, di-*activate*-kan, apakah mereka ini akan juga dikena bayar cukai ataupun *cut-off point,* mulai apabila undang-undang ini dijalankan. Kalau sekiranya berlaku begitu Yang berhormat, maka akan jadilah macam artis-artis tempatan tadi, mereka ini akan di-*tax* dengan begitu *heavy,* apabila di-*calculate* daripada belakang dan mereka saya rasa tidak akan datang ke Malaysia lagi.

*Influence* mereka ini, dengan izin, amat hebat Yang Berhormat. Saya juga ingin bertanya, kalau sekiranya *tax* yang demikian diletakkan kepada mereka, adakah mereka ini akan di-*tax* secara *individual* ataupun organisasi yang membawa mereka itu? Ada artis yang mencadangkan kepada saya tadi, jangan di himpun. Kalau boleh, apabila mereka pergi bernyanyi, terus *tax. Let the organizer pay the tax.*

Ini kerana bagi mereka- saya berbalik kepada *local artists*- kerana bagi mereka, bila ada setiap persembahan, kalau mereka dapat RM10,000, hanya 30 peratus atau 40 peratus sahaja wang itu pergi kepada mereka, yang lain hendak bayar *managers fees,* hendak bayar *sound* sistem dan sebagainya. Ada juga yang menyatakan bahawa apabila mereka hendak buat sesuatu *performance* itu, *local authorities* pun, *municipal* pun, dewan bandar raya pun, *local authority* pun akan mengenakan caj kepada mereka. Akhirnya, setelah ditolak *net*-nya itu, amat kecil bagi mereka untuk *survive* untuk mereka menyambung kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi memohon ampun dan maaf kerana terlambat bagi nama tadi kepada Tuan Yang di-Pertua. *It is not that I don't respect you, but I'm late*. *Thank you Sir,* terima kasih banyak. *Wabilahitaufikwalhidayah assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Senator Dato' Adam.

**3.08 ptg.**

**Dato' Adam bin Abdul Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyertai perbahasan mengenai pindaan Rang Undang-undang Kewangan 2016 ini, saya hendak menyentuh 3 perkara. Pertama, dalam soal pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mana seksyen 42, Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (3), perkara-perkara berikut iaitu 4, jika apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana orang selain orang kena cukai selepas hari terakhir yang ia genap masa dan kena dibayar di bawah subseksyen (1) dan tiada pendakwaan dimulakan, maka orang itu hendaklah membayar:

(a) bagi tempoh 30 hari pertama yang cukai itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (1), penalti sebanyak 10 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar;

**■1510**

(b) bagi tempoh 30 hari yang kedua yang cukai itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen 1, penalti tambahan sebanyak 15 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar; dan

(c) bagi tempoh 30 hari yang ketiga yang cukai itu tidak dibayar sepenuhnya atau sebahagiannya selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen 1, penalti tambahan sebanyak 15 peratus daripada amaun cukai yang masih belum dibayar.

Saya menyokong pindaan rang undang-undang ini. Akan tetapi, saya suka memperingatkan dan meminta Kementerian Kewangan dalam pada melaksana cukai ini dapat benar-benar memberi fahaman kepada pembayar-pembayar cukai.

Saya ingat pendekatannya ialah jangan apabila kita sudah luluskan, pelaksanaan dibuat tanpa hebahan dibuat, makluman secara rapi turun ke peringkat pembayar-pembayar cukai, terus sahaja kita laksanakan. Nanti akan datang ketidakfahaman, bantahan, tidak puas hati, kecelaruan.

Jadi saya hendak mencadangkan supaya, setelah dilaksanakan pindaan ini, maka seharusnya sesiapa yang tidak membayar dipanggil oleh LDKN untuk diberikan nasihat, dipandu supaya ia berjalan lancar. Saya faham ini adalah tujuan untuk kerajaan mendapatkan hasil yang lebih untuk negara kita dan saya tiada halangan menyokongnya. Akan tetapi, daripada segi pelaksanaannya, mestilah jangan menimbulkan sebarang masalah.

Perkara kedua, Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Dalam hal ini, kita membuat pindaan subperenggan 12(2) Jadual 2 kepada Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa pelupusan secara pemberian antara penderma dan penerima adalah terhad kepada seseorang warganegara yang merupakan suami dan isteri, ibu atau bapa dan anak atau datuk atau nenek dengan cucu, dan penderma disifatkan tidak menerima keuntungan dan tidak mengalami kerugian atas pelupusan itu. Ini satu pembaharuan yang baik.

Pada masa-masa lalu, jikalau misalnya saya, sebagai contoh ada tanah, hendak melepaskan tanah itu kepada isteri tidak kena cukai dan kepada anak tidak ada cukai. Setakat itu sahaja. Akan tetapi sekarang ini saya perhatikan, datuk kepada cucu juga mendapat keistimewaan. Pujian harus diberikan kepada kerajaan atas usaha ini.

Akan tetapi, saya hendak membangkitkan bahawa menjadi harapan saya dan saya rasa juga menjadi harapan rakyat, kalau boleh kita dapat perluaskan lagi iaitu daripada abang, kakak kepada adik ataupun adik kepada abang, kakak. Mungkin kita tidak buat sekarang, tetapi seharusnya pada masa akan datang kita memikirkan perkara ini dan kita pinda rang undang-undang ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, perkara tiga iaitu pindaan kepada Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Saya lihat akta ini juga meliputi kawasan bebas cukai di Langkawi dan juga Tioman. Kita memasukkan perkara baru 33(10A) ke dalam Akta 762 bagi menetapkan mana-mana orang yang tidak berdaftar kecuali yang dinyatakan di bawah subseksyen 65(4) dan (5), tidak boleh mengeluarkan apa-apa invois yang menyerupai invois cukai, mempunyai elemen cukai atau invois cukai.

Ini saya dengan sepenuh hati menyokongnya kerana memang ada, apabila kita melaksanakan sistem GST, pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab telah menipu kerajaan di mana dia kata ada elemen invois cukai, kita kena membayar, sedangkan dia tidak membayar pada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Jadi, saya lihat kita pinda ini dengan tujuan kita hendak memperincikan secara komprehensif mengenai kutipan GST supaya tidak ada pihak yang teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu, saya turut menyokong rang undang-undang ini dipinda.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Ramli bin Shariff.

**3.18 ptg.**

**Tuan Ramli bin Shariff:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang. Saya pun tidak akan mengambil masa yang panjang untuk turut serta membahaskan pindaan kepada beberapa peruntukan di dalam Rang Undang-undang Kewangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbahasan saya ataupun hujah saya akan menjurus kepada satu topik sahaja iaitu Bab IV berkaitan pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut berkongsi apa yang disebut oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Adam atas isu cukai keuntungan hartanah dan saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan yang telah menjelaskan kekaburan dan suatu yang tidak begitu jelas sebelum pada ini iaitu satu peruntukan dan satu cadangan pindaan di bawah subfasal 36(d) yang meminda subperenggan 12(2), Jadual 2, kepada Akta 169.

**■1520**

Akan tetapi di dalam ini apa yang saya fahamkan di dalam Akta Ibu didefinisikan yang ataupun takrif yang banyak digunakan ialah takrifan kepada pelupus dan pemeroleh. Akan tetapi dalam cadangan pindaan ini disebut penderma, penerima ada, pemeroleh ataupun saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan sama ada ia juga merangkumi kepada apakah membezakan antara kalau dalam bahasa Inggerisnya disebut sebagai *donor*? Dia tak sebutkan sebagai *transferee* ataupun *transferor,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya ingin mendapat penjelasan daripada kerajaan, adakah ia suatu perkara yang baharu bila disebut *donor,* dengan izin, dan juga penerima ataupun *recipient*? Jadi adakah apa-apa perbezaan kerana ia melibatkan soal instrumen yang akan digunakan ialah instrumen pindah milik apabila berlakunya tindakan untuk melupuskan hartanah tersebut.

Jadi oleh sebab walaupun pindaan ini tidak mempunyai implikasi percukaian tetapi apa yang kita gusarkan apabila undang-undang ini akan dilaksanakan ataupun akan diuruskan oleh pegawai-pegawai kerajaan nanti, maka akan wujud satu perbalahan soal pemeroleh dan pelupus. Jadi saya minta kerajaan menjelaskan *transferee* ataupun *transferor*, dua definisi itu yang terdapat di dalam Kanun Tanah Negara sebab instrumen yang akan kita gunakan ialah instrumen Borang 14A. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Sebelum pada ini jelas sekali bahawa undang-undang membenarkan pindah milik dilaksanakan iaitu secara hibah kasih sayang yang mana balasannya kosong ataupun, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua ialah *considerations* daripada pindah milik. Adakah ia terpakai pada soal pindah milik ini dengan instrumen 14A?

Saya juga daripada segi kefahaman saya oleh sebab ia tidak melibatkan implikasi percukaian, saya bimbang bahawa ia akan disalah gunakan oleh segelintir rakyat kita di mana digunakan peruntukan ini untuk mengelakkan daripada pembayaran cukai keuntungan hartanah. GST CKHT ini boleh dielakkan melalui peruntukan ini. Jadi berhati-hatilah pihak kerajaan supaya perkara ini dapat dielakkan.

Di samping itu saya juga hendak sambut daripada Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid tadi cadangan pindaan fasal ini. Kalau saya lihat kepada fasal ini ada tiga buah kelas yang dibenarkan oleh pindaan ini. Pertama, transaksi antara suami dan isteri. Ataupun tolong jelaskan pada saya adakah tiga buah kelas ini sahaja yang dibenarkan? Satu, suami dan isteri. Kedua, ibu atau bapa dan anak. Oleh sebab selepas suami dan isteri cuma diletakkan 'koma' bukan 'atau'. Jadi saya anggapkan ia kelas kedua. Kelas ketiga sebab disambungkan kepada 'atau' jadi datuk atau nenek dengan cucu. Adakah ia kategori ketiga?

Jadi cadangan pindaan ini kepada tiga kategori transaksi sahaja iaitu suami dan isteri, ibu atau bapa dan anak dan juga di sebalik itu, dan datuk atau nenek. Jadi tiga kategori ataupun kelas yang dibenarkan di bawah pindaan ini untuk tidak membayar cukai keuntungan hartanah.

Apa yang saya faham, cukai keuntungan hartanah ini apabila transaksi dibuat, kita harus kemukakan beberapa borang yang mana terpaksa didahulukan dengan *upfront payment,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Kalau saya tidak silap sekarang *upfront payment*-nya sebanyak 3 peratus daripada harga jualan. Akan tetapi oleh sebab sini tidak melibatkan transaksi atas hibah kasih sayang, jadi minta penjelasan daripada kerajaan adakah ini balasan yang akan disebut ialah sebagai balasan hibah kasih sayang?

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita membenarkan pindaan ini terpakai kepada keseluruhannya, maksudnya sebarang aktiviti, misalnya di atas- walaupun ia satu perkara yang berlainan, apabila wujudnya soal kematian maka soal pembahagian harta pusaka. Jadi adakah *donor* ini melibatkan wasiat ataupun hibah semasa hidupnya dan ia tidak boleh dipakai terhadap transaksi untuk pusaka?

Jadi kadangkala dalam soal faraid dan pusaka ini penerima kepada pusaka tersebut layak untuk melantik atau menamakan seseorang lain untuk menerima bahagiannya. Saya minta penjelasan daripada kerajaan adakah itu juga terpakai? Ini kerana ia melibatkan soal pembayaran cukai.

Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Oh, ambil nafas sedikit Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab ia juga melibatkan kapital aset. Apabila *level*- minta maaf ya Tuan Yang di-Pertua, *level* pertama dia dapat secara percuma CKHT tidak dibenarkan, okey. Selepas itu penerima ini akan menguruskan hartanah tersebut kepada urusan yang lain misalnya urusan kepada secara komersial. Mungkin berusaha sama dengan pihak-pihak yang lain.

Jadi di manakah kita akan letakkan beberapa jumlah ataupun nilai yang dia *acquire,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua? Berapakah nilai yang dia *acquire* pada peringkat pertama tersebut? Ini kerana tidak ada nilai.

Jadi ini menimbulkan satu kekeliruan. Di peringkat Jabatan Hasil Dalam Negeri akan mempersoalkan nilaian apabila dia mendapat aset itu pada pertama kalinya dan selepas itu dia akan membuat transaksi. Jadi di mana pemakaian ataupun, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, di manakah kita hendak *apply the value* daripada aset yang dia dapat secara percuma ini? Di atas hibah kasih sayang. Ini akan menimbulkan keadaan yang keliru kepada rakyat kita. Kebanyakan orang kampung, orang biasa soal cukai bukan soal utama bagi mereka. Jadi soal mereka ialah mereka boleh- minta maaf Tuan Yang di-Pertua sebab *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang Kedah okey?

**Tuan Ramli bin Shariff:** Oleh sebab dialek keluar juga Tuan Yang di-Pertua walaupun sudah cuba kontrol Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab orang kampung ini bagi mereka senang sahaja, saya jual aset, jadi kenapa kerajaan harus mengenakan cukai keuntungan atas nilai yang saya dapat daripada orang yang membeli tersebut? Itu persoalan orang-orang kampung. Mereka ini tidak sedar bahawa dalam sebarang transaksi perlu dibayar cukai.

Jadi kalaulah kita tidak jelaskan perkara ini, soal hibah kasih sayang, maka orang kampung kata, *"Saya dapat harta ini secara percuma. Jadi apabila saya hendak menguruskan hartanah saya sendiri kenapa saya harus saya membayar cukai kepada kerajaan?"* Jadi saya minta kerajaan pertimbangkan supaya penjelasan ini dapat dibuat walaupun pertama kalinya antara pemberi pindah milik dan penerima pindah milik selepas itu menjadi penderma dan juga penerima pindah milik maka harus diperjelaskan perbezaan antara definisi ataupun takrifan soal *donor* dan *recipient*.

Saya rasa setakat itu sahaja saya hendak ambil bahagian dalam perbahasan ini Tuan Yang di-Pertua. Saya turut menyokong rang undang-undang yang dikemukakan oleh kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**■1530**

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat, terima kasihlah tidak berapa panjang. Yang Berhormat Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim. Silakan.

**3.31 ptg.**

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap mengenai Rang Undang-undang Kewangan ini. Saya ingat tidak ramai tadi sebab saya hantar lewat ini. Saya pun tidak panjang Tuan Yang di-Pertua, tadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Macam Yang Berhormat Tuan Ramli bin Shariff kah?

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh.

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Tadi Tuan Ramli bin Shariff pun keluar dialek itu biasalah tapi orang fahamlah- *depa, depa*.

Tuan Yang di-Pertua, kebetulan saya tadi pergi *lunch* tadi jumpa kawan saya- ini hendak tanya Menteri Kewanganlah, dia ini *businessman* saya hendak bahas soal Cukai Pendapatan 1967.

Bila jumpa dengan dia, dia kata dia ini berniaga dekat Thailand. Cukai sudah dibayar dikenakan oleh Kerajaan Thailand sebanyak RM600,000 cukai keuntungan. Syarikat dia Malaysia- balik di Malaysia kena lagi bayar. Jadi dua kali bayar. Pergi dekat LHDN buat rayuan- dia kata buat rayuan, semasa buat rayuan itu lambat bayar itu *time* dia habis sudah, masa bayar itu kena lagi bayar denda.

Jadi *double payment,* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kena cari jalan penyelesaianlah supaya orang kaya yang kena *income tax* ini orang kaya, orang miskin tidak kena *income tax*. Supaya orang kaya-kaya ini penyokong kerajaan ini dalam pilihan raya- PRU Ke-14 ini.

Kedua, jumpa juga tadi dia ini orang Kelantan. Dulu berniaga *direct selling.* Saya tanya, "Akhir tahun tidak pergi melancong kah?" "Tidak boleh melancong Datuk" "Kenapa?" "Saya sudah kena *income tax* tiga tahun tidak boleh pergi mana. Di tahan tidak boleh pergi keluar negara." Tidak bayar *income tax- direct selling* ini pada masa itu dia kayanya lepas itu dia sesaklah. Jadi saya minta benda ini dikaji semula ataupun tengok apa dia skema-skema yang perlu pihak LHDN kenakan kepada rakyat supaya dia tidak menjadi liabiliti kepada rakyat dan benda ini tidak menjadi liabiliti kepada kerajaan dan orang-orang ini menjadi penyokong kerajaan dalam PRU Ke-14 nanti. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Itu sahajalah perbahasan untuk Rang Undang-undang Kewangan. Yang Berhormat Menteri sila jawab.

**3.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Senator yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan berkaitan dengan Akta Kewangan 2016 iaitu Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun; Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah; Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid; Yang Berhormat Senator Tuan Ramli bin Shariff dari Perlis; dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim, Rantau Panjang.

Banyak perkara yang telah pun disentuh dan saya cuba akan menjawab sebaik mungkin dan cuma kalau tidak sempat hendak jawab tidak berapa hendak kena minta jawab bertulislah. Cuma saya hendak rakamkan ucapan penghargaan terima kasih semua yang bangun bahas ini menyokong.

Sebenarnya, saya tidak payah ulaslah kita sokong terus. Akan tetapi, kita jawab berkaitan dengan pertama Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Tajuk ini menarik juga berkaitan dengan penyusuan yang dibenarkan peralatan. Peralatan yang dibenarkan sebagaimana dinyatakan di bawah perkara 46 (1)*(q)* iaitu kelengkapan pam susuan dan paip ais, peralatan penyimpanan susu, *storage* dan peralatan penyejukan atau pun *cooler bag* dan juga set.

Kemudian sama ada ibu angkat atau ibu susuan boleh tuntut. Yang kedua ini hanya kepada ibu angkat- ibu angkat pun dia kena angkat sungguh dengan dokumen yang lengkap dia bukan angkat tepi jalan tidak boleh yang ibu susuan pun tidak boleh sebab dia tidak ada *documentation* semualah. Jadi ibu angkat yang menyusukan *breastfeeding* anak di bawah dua tahun. Ubat atau hormon rangsangan untuk mengeluarkan susu lebih ini tidak termasuk dalam tajuk ini. Jadi tidak termasuk dalam senarai layak untuk pelepasan ini.

Kemudian, Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga bertanyakan tentang RM1000 pengecualian di atas *fee* penjagaan anak, mohon perincian. Potongan RM1000 diberi kepada sesuatu *household* iaitu yang boleh dituntut sama ada suami atau isteri *no household*. Potongan RM1000 potongan maksimum tanpa mengambil kira bilangan anak. Kadang-kadang mereka mungkin *twin, triplets-* semua ini tidak kira, dia kira RM1000 sahaja yang diberikan kepada ibu bapa yang membuat bayaran *fee* penjagaan untuk anak-anak angkat berdaftar- daftar ini pun tadika ini kena daftar juga di mana *child care* ini tempat pun kena daftar dengan kementerian. Ia diberikan juga kepada ibu tunggal yang menjaga anak tersebut.

Kemudian Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga perincian insentif bagi Wilayah Pantai Timur. Wilayah Pantai Timur ini tadi Datin ada sebutlah berkaitan dengan pertanian, sektor pelancongan, pertanian. Pelabur yang terlibat dalam aktiviti pertanian dan pelancongan layak untuk pengecualian cukai pendapatan 10 tahun taksiran atau elaun cukai pada kadar 100 peratus berdasarkan perbelanjaan modal dan ditolak sepenuhnya daripada pendapatan berkanun.

Daripada untuk sektor pelancongan pengecualian cukai pendapatan 70 peratus ke-100 peratus bagi sesuatu tempoh ditetapkan oleh Menteri Kewangan atau elaun cukai pada kadar 60 peratus ke-100 peratus berdasarkan perbelanjaan modal dan ditolak daripada 70 peratus pendapatan berkanun.

Seterusnya, Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad juga bertanyakan tentang penguatkuasaan kastam di zon-zon bebas di Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor. Kastam akan meningkatkan operasi dan rondaan di kawasan-kawasan zon bebas terutamanya Rantau Panjang dan Pengkalan Kubor yang melibatkan tempat dan kawasan pendaratan yang tidak sah. Jadi mereka akan mengetatkan kawalan pintu keluar masuk zon-zon bebas ini.

Seterusnya, prosedur cukai pegangan kepada bukan bermastautin. Apa-apa pembayaran kepada bukan pemastautin dilaksanakan melalui cukai pegangan di mana cukai 10 peratus atau 15 peratus daripada *amount* bayaran akan dipotong oleh pembayar di-*remit* ke Lembaga Hasil.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun ingin tahu tentang adakah Ketua Pengarah sahaja yang mempunyai kuasa untuk meluluskan kes-kes rayuan. Dia sebenarnya Yang Berhormat Senator Datuk Yang Berhormat, dia ada peringkat pegawai ataupun Ketua Unit *depa* kalau terus meja Ketua Pengarah jadi Ketua Pengarah pakai tutup pintulah. Jadi peringkat pegawai atau Ketua Unit kita boleh pergi bincang.

Jika tidak berapa hendak setuju, kita buat rayuan kepada Ketua Pengarah. Jika Ketua Pengarah pun kata tidak ini- kita juga tidak setuju kita pergi kepada Pesuruhjaya Khas Percukaian. Sekarang kita ada satu unit di Kementerian Kewangan dia ini macam *chamber* macam mahkamah juga, yang akan memberi pendengaran kes-kes rayuan percukaian ini dan sampai di tahap kalau masih tidak setuju maka ada *avenue* di peringat mahkamah betullah di mahkamah sivil. Proses rayuan diadakan di beberapa peringkat bagi memastikan hak pembayar cukai dapat didengar dan diadili dengan sewajarnya.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah binti Harun ingin tahu tentang fasal 18 seksyen baru 97A. Adakah akan memberi kesan kepada unjuran hasil cukai negara. Jadi peruntukan ini khusus untuk membenarkan rayuan bagi kes tidak layak dikenakan cukai *not liable to tax*, oleh itu tidak ada kesan kepada kutipan cukai. Kemudian bolehkah pembayar cukai meminda taksiran. Pembayar cukai boleh mengemukakan rayuan bagi semakan taksiran. Jika memenuhi pelbagai kriteria yang dinyatakan. Lepas itu adakah rayuan hanya dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah yang saya sebutkan tadi dia ada macam pelbagai rayuan boleh dikemukakan di beberapa *stages* sampailah ke peringkat. Kalau ini tidak puas hati pun sampailah ke peringkat mahkamah.

**■1540**

Seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Azizah juga ingin mengetahui, adakah kastam tidak membuat piawaian standard invois cukai. Sebenarnya invois cukai ini, kita ada format yang standard disediakan. Peniaga boleh mengakses dan memuat turun panduan *tax invoice* melalui portal GST. Ia sebenarnya tajuk ini untuk makluman Dewan yang mulia ini, ia ada GST *registrant,* ia ada *non-registrant.*

Kita hendak elakkan nombor satu, daripada yang *registrant* ini, ia mengenakan invois ber GST kepada pelanggannya atas senarai barangan yang mungkin tidak ada GST pun. Dia *registrant,* dia berdaftar dengan kastam tetapi mungkin semasa pembelian transaksi itu ada barang-barang yang tidak patut dikenakan GST, dimasukkan dalam senarai. Sama juga yang tidak *register* ini langsung memang lah dia tidak boleh keluarkan invois-invois ini sebab kalau dia kutip invois GST, dia hendak bayar pada kerajaan macam mana sebab dia tidak *registrant.* Jadi kita hendak mengelakkan penipuan yang berlaku yang hendak menjaga kepentingan pengguna.

Peraturan 26, seksyen ini telah pun menyenaraikan kandungan butiran yang perlu dimasukkan ke dalam invois cukai. Bagaimana dengan pindaan ini, pengguna sedar tentang invois cukai. Beberapa tindakan telah diambil, pengguna ataupun rakyat, peniaga, persatuan pengguna, semua ini, kita ada program *awareness,* mewujudkan program *Jom Minta Resit* yang telah diadakan di serata Malaysia. Maknanya pengguna ini, maksudnya kita ini patut *demand for the receipt.* Kemudian pengguna boleh mendapat maklumat di laman web kastam ataupun boleh buat *call center* dan sebagainya sekiranya ada pertikaian.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd. Suhaimi ini dia panjang, dia pembela artis. Saya tahu dia merupakan artis juga secara tidak rasmilah kan. Definisi *public entertainer. Public entertainer* terpakai hanya kepada artis asing sahaja dalam konteks pindaan ini. Pindaan akta hanya melibatkan artis ataupun *public entertainers* asing sahaja.

Artis-artis Malaysia menjalankan satu profesion dan apa-apa pendapatan yang diterima merupakan pendapatan yang dikenakan cukai dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dalam menjalankan profesion tersebut, boleh dituntut sebagai potongan cukai. Cukai akan dikenakan ke atas keuntungan yang diperoleh daripada menjalankan profesion sebagai artis. Mungkinlah dalam kalangan artis-artis kita pun mereka kena sedar bahawa sebagai seorang profesional, mereka kena tahu jugalah mengurus kewangan mereka daripada segi *income* dan *expenditure.* Jadi kita hanya mencukai atas lebihan ataupun keuntungan daripada hasil kerja mereka.

Jadi macam Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi sebut tadi, kadang-kadang macam dia dapat katalah mungkin Jamal Abdillah hendak pergi Kedah hendak kena bayar RM40,000 tetapi mungkin Datuk Jamal ini tidak dapat pun RM40,000. Ada broker dia lah dan sebagainya. Itu pun *part of the cost.*

Jadi kalau kata mereka mendapat kos asal itu hendak tolak *brokerage fees* kah, hendak tolak dia punya hotel, hendak tolak dia punya *transport,* dia punya *lodging* apa semua ini, maknanya itu adalah kos. Jadi kita ambil *net.* Cuma masalahnya ialah yang saya kira apa yang berlaku kerana mereka pun *poor in recordkeeping.* Ya, pergi menyanyi sana sini apa semua, mungkin sebulan tiga, empat kali tidak sempat. Ada yang terlampau *demand* tinggi ini maksudnya permintaan peminat yang banyak, jadi dia pun tidak sempat. Akan tetapi dia kena ingat, sebenarnya kita pun di mata-mata Lembaga Hasil pun *dok* memerhati.

Jadi kadang-kadang itulah pertikaian berlaku. Mungkin taksiran tidak dibuat tahun semasa, jadi bila taksiran itu tidak dibuat, dihimpun-himpun mungkin empat, lima, enam, tujuh, lapan, 10 tahun, jadi bila Lembaga Hasil jumpa, maka dia kena *check* balik sejak bila macam saudara Jamal kita ini, dia menjadi *entertainer* seingat saya tahun 1979. Jadi kalau katalah bukan saudara Jamal *in per say* tetapi contohnya, artis itu dia tidak *declare* dia punya *income,* perbelanjaan dan sebagainya, maka dia perbetulkan. Sebab itulah kadang-kadang timbul pertikaian. Jadi bukanlah niat hasrat Lembaga Hasil hendak *pi* memangsakan mereka ini. Jadi samalah yang saya sebutkan tadi yang penting adalah kita anggap *public entertainer* dalam konteks ini adalah untuk orang luar sahaja, luar daripada rakyat kitalah.

Kemudian yang ini saya sudah sebut. Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi pun *pasai* apa banyak sangat jawapan daripada ini untuk Dato' Suhaimi? Wajar pengecualian atas royalti. Pengecualian sebanyak- ini Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi. Wajar ada pengecualian atas royalti daripada album. Pengecualian sebanyak RM10,000 untuk pendapatan royalti daripada album telah diberikan di bawah *para* 32, Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967. *It's there already.* Mungkin kalau hendak rayu lebih sikitlah.

Diadakan satu kajian untuk artis luar negara supaya tidak dikenakan cukai berlebihan. Artis luar negara yang mengadakan persembahan dalam negara akan dikenakan cukai pendapatan 15 peratus. Ia telah lama ditetapkan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967. Selain itu, ia layanan yang sama di negara lain di mana dikenakan kepada artis-artis lain mengadakan persembahan di luar negara tersebut. Cukai dikenakan selaras dengan akta yang mana pendapatan yang diterima oleh artis tersebut hasil daripada yang diperoleh di Malaysia dan Malaysia adalah berhak untuk mengenakan cukai ke atas pendapatan.

Apa yang berlaku sebelum ini, banyak artis luar negara ini dia sepatutnya bila dia sampai jadi- ya, orang yang bawa masuk dia ke sini itu sepatutnya dia sudah ada *retention* dalam 15 peratus tetapi sebelum ini tidak ada.

Jadi dengan adanya akta ini, kita perkemaskan lagilah supaya jangan bila artis itu sudah balik, kita remit EFT duit dia apa semua, *last* sekali kita tidak ada apa ya. Saya ingat banyak sangat ini.

Kemudian, ada satu lagi Yang Berhormat Senator Dato' Suhaimi berkaitan cukai artis. Pendapatan artis bukan sahaja daripada hasil persembahannya sahaja. Hasil daripada *engagement* bersama artis, ini mendapati mereka melalui pendapatan lain seperti berikut. Jualan di Internet, iklan atau *review* produk di *FB, Twitter* dan *Instagram*. Ini pun dikutip sebagai pendapatan. *Spokesperson,* ini yang *depa* sebut sebagai duta produk ini apa semua. Hasil semakan mendapati perolehan pendapatan ini lebih banyak berbanding dengan aktiviti persembahan sebenar. Pengiraan cukai ini adalah selaras dengan konsep *tax is about equality and justice* yang mana layanan cukai dikenakan sama rata kepada pembayar cukai yang memperoleh pendapatan daripada perniagaan.

Merujuk kepada Yang Berhormat Senator Dato' Adam bin Abdul Hamid dan Yang Berhormat Senator Tuan Ramli dari Perlis berkaitan dengan pertama, permohonan kepada pembayar cukai mengenai pindaan berkaitan dengan penalti. Ini Yang Berhormat Senator Dato' Adam dulu. Penalti ini Yang Berhormat adalah berkaitan dengan contoh apabila kita telah pun membuat taksiran katalah seorang pembayar cukai itu dia kena bayar kepada kerajaan RM10,000. *So,* kalau dia bayar *the first 30 days,* 30 hari yang pertama, dia bayar RM10,000 tetapi kalau dia *delay,* dia ralit, *whatever for* atas apa juga alasan, dia *lapse,* masuk hari ke-35 atau hari ke-40, maknanya 30 hari yang kedua maka dia kena caj 10 peratus.

Selepas itu, *next 30 days* pun *another 15 percent to a maximum of 40 percent.* Jadi kalau dia *delay*, makanya daripada asal RM10,000 yang patut dia jelaskan, dia kena tambah 40 peratus menjadikan RM14,000. Itu dia maksud dia. Jadi, kita bagi ruang kepada mereka ini supaya bayar cepat-cepat walaupun katalah mungkin tidak bayar sudah lama tetapi bila taksiran sudah diselesaikan, maka diminta selesaikan dalam tempoh 30 hari. Jadi dia tidak kena lagi *further* penalti dan kenaan penalti dan juga denda.

Kemudian Jabatan Kastam akan terus melaksanakan *hand holding* program. Sepatutnya kita akan bagi penerangan-penerangan kepada rakyat berkaitan ini dan memanglah saya ingat semua orang pun boleh kata faham juga tajuk ini. Cuma kadang-kadang hendak bayar itu yang lambat sikitlah. Kita ingat daripada segi kastam ataupun daripada segi cukai ini, seeloknya diselesaikan dalam tahun semasa supaya tidak kena langsung apa-apa penalti.

Pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah iaitu berkaitan dengan apa yang dibahaskan agak lama oleh Yang Berhormat kedua-duanya dari Johor dan juga Perlis ini. Perenggan 12, Jadual 2, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah ini merujuk kepada pelupusan secara pemberian ataupun kita kata hadiah.

Dalam kes pemberian ataupun hadiah, terma yang digunakan adalah *donor* yang mempunyai tafsiran yang sama dengan *transfer all. Donor* adalah *transfer* dan segala peruntukan berkenaan *transfer* juga terpakai sebagai *donor.*

Semua ini seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Ramli tadi, kasih sayang suami kepada isteri, ibu atau bapa kepada anak, datuk atau nenek kepada cucunya. Jadi tafsiran tersebut adalah betul di mana pemindahan harta tanah antara ketiga-tiga kumpulan ini disebut adalah tidak dikenakan cukai. Jadi ia berkaitan dengan nilai.

Nilai ini kita hendak sebut- saya ingat kalau bapa saya bagi pada sayalah macam bapa kita bagi kita ini, kita ambillah tanah tiga *net* kah relung kah. Selepas itu kita panggil Jabatan Penilaian membuat penilaian. Tidak ada masalah kalau dia hendak guna tanah itu untuk dia hendak berniaga ke depan apa semua, atas nilai- itu lebih kepada- itu urusan lain. Urusan maksudnya urusan perniagaan selanjutnya yang ditanggung oleh penerima tadi sebagai orang yang menerima harta tanah daripada ini.

**■1550**

Kemudian, saya ingat itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya sekali lagi hendak merakamkan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator atas perbahasan yang telah dibawa. Mudah-mudahanlah, sebenarnya semua ini akta kewangan ini, ia lebih kepada setelah kita meluluskan di peringkat Dewan Rakyat, bajet di Dewan Negara kita lulus, dengan ini perlu untuk dilaksanakan... *[Disampuk]*

**Datuk Haji Abdullah bin Mat Yasim:** Yang Berhormat Menteri, soalan saya tidak dijawab lagi.

**Dato' Othman bin Aziz:** Sekejap. Ada, ada. Saya minta maaf Rantau Panjang. Ini panglima juga. Saya jawab. Pendapatan dari luar negara, ini dia pergi berniaga ke luar negara pula. Pendapatan yang dibawa dari luar negara adalah dikecualikan cukai pendapatan di bawah perenggan 28, Jadual Enam, Akta Cukai Pendapatan.

Walau bagaimana pun, apa-apa jua pendapatan lain yang diperolehi syarikat tersebut dalam negara adalah tertakluk kepada cukai pendapatan perniagaan seperti biasa. Maksudnya, syarikat dari Rantau Panjang, Golok ini, apa semua, mereka pergi berniaga di Siam, di Thailand, mereka bayar sanalah. Akan tetapi yang di sini, mereka bayar di sinilah. Jadi, kalau- mungkinlah daripada segi masalah rekod jugalah ini. rekod transaksi yang mungkin tidak kemas, jadi apabila Lembaga Hasil Dalam Negeri pergi *check*, mungkin yang dia pergi berniaga di Thailand dia tidak *declare*. Inilah. Akan tetapi Yang Berhormat boleh bawa kepada kita, kita akan tengok dengan lebih terperinci. Jadi, kalau kena lebih ini, kena tambahlah sedikit, bukan?

Kedua, yang berkaitan dengan *direct selling* ini. *Direct selling* ini dia berniaga, biasalah orang berniaga ini tetapi ada juga yang kita dengar jual macam-macamlah. Baru-baru ini ada juga yang kena, bukan? Kena sekatan lawatan ke luar negara. Yang ini saya ingat, dia macam inilah, Yang Berhormat sekalian.

Kalau tidak bayar cukai ini, kalau kena gaya elok-elok memang tidak boleh pergi ke luar negara sebab ada yang jumpa kita datang merayu hendak pergi Dubai. Saya tanya pergi buat apa ini, dia kata hendak pergi tengok anak. Anak sakitkah? Tidak. Anak kerja di sana. Jadi, cukai pun tidak mahu bayar. Susahlah bukan? Jadi, kalau boleh, selesai bab cukai itu. Kalau- bukan, maksudnya hendak diselesaikan seketul itu, tidak. Pergi ke pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri, bincang. Kita bayar sebulan banyak ini, banyak ini, boleh. *Insya-Allah* kalau setakat hendak pergi ke luar negara sekali- sekala itu, boleh kita kiralah. Bukan kita ini kejam tetapi jangan lari daripada bayar cukai. Itu penting. Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Boleh tidak saya hendak mencelah sedikit sahaja?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tolong duduk Yang Berhormat. Masa perbahasan sudah habis. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Tuan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 63*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Lee Chee Leong) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG BANK PELABURAN INFRASTRUKTUR ASIA 2016

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**3.56 ptg.**

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang. Permintaan bagi pembiayaan projek infrastruktur di rantau Asia dan Pasifik adalah amat tinggi sejajar dengan pembangunan pesat yang dialami oleh kebanyakan negara di rantau ini. Bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, negara-negara di rantau Asia perlu memastikan pelaburan yang berterusan dalam sektor infrastruktur. Infrastruktur moden dan menyeluruh akan berupaya menarik pelaburan dan menjana pertumbuhan ekonomi.

Namun demikian, terdapat jurang antara keperluan dan penawaran pembiayaan infrastruktur di rantau ini. Dana awam negara serantau adalah terhad dalam membiayai program pembangunan infrastruktur, manakala dana daripada sektor swasta tidak berupaya memenuhi keperluan serta terikat dengan syarat komersial dan keperluan perundangan berhubung kecairan.

Melihat kepada jurang pembiayaan ini, Kerajaan Republik Rakyat China semasa *APEC Economic Leaders' Meeting* di Bali, Indonesia pada tahun 2013 telah mencadangkan penubuhan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia (AIIB). Tuan Yang di-Pertua, AIIB merupakan sebuah bank pembangunan pelbagai hala antarabangsa yang baharu ditubuhkan pada 25 Disember 2015. Selain menyokong pembangunan ekonomi yang mampan melalui pelaburan dalam infrastruktur di rantau Asia, AIIB turut menggalakkan kerjasama serantau bagi mengatasi cabaran pembangunan dengan melengkapi peranan yang dimainkan oleh institusi pembangunan pelbagai hala dan serantau yang lain.

AIIB mempunyai modal permulaan sebanyak USD100 bilion dengan satu juta saham. Modal berbayar awal bernilai USD20 bilion. Negara serantau akan memegang 75 peratus daripada saham modal, manakala baki 25 peratus dipegang oleh negara bukan serantau.

**■1600**

AIIB akan memperoleh sumber dana daripada sumbangan modal ahli serta daripada pasaran modal. Sumber-sumber dana akan digunakan untuk memberi pinjaman pembiayaan bersama, melabur dalam ekuiti dan jaminan kepada pinjaman untuk pembangunan ekonomi serta menyediakan khidmat nasihat teknikal.

AIIB diurus tadbir berdasarkan kepada prinsip perbankan yang kukuh setanding dengan amalan terbaik bank pembangunan pelbagai hala yang lain di samping memastikan operasinya mematuhi dasar yang dipersetujui oleh Lembaga Gabenor.

Struktur tadbir urus AIIB adalah sama dengan organisasi antarabangsa yang lain. Ia terdiri dari Lembaga Gabenor, Lembaga Pengarah, Presiden dan kakitangan. Setiap negara anggota akan diwakili di dalam Lembaga Gabenor.

Tuan Yang di-Pertua, bertitik tolak daripada keadaan ini, Malaysia wajar mengekalkan komitmen dan keprihatinan terhadap usaha antarabangsa dalam kerjasama membantu negara jiran di rantau Asia dan Pasifik.

Oleh yang demikian, Malaysia bersama-sama 56 buah negara pengasas yang lain telah menandatangani artikel penubuhan AOA berkaitan penubuhan AIIB pada 21 Ogos 2015.

Malaysia telah menyatakan komitmen untuk melanggan sebanyak 1,095 unit saham modal dengan nilai USD109.5 juta. Malaysia akan menjelaskan modal berbayar sejumlah USD21.9 juta iaitu 20 peratus daripada jumlah modal dilanggan dalam lima ansuran untuk tempoh lima tahun. Bayaran ansuran pertama perlu dijelaskan dalam tempoh 30 hari setelah dokumen ratifikasi diserahkan kepada AIIB. Semua negara ahli pengasas AIIB yang telah menandatangani AOA perlu melengkapkan proses ratifikasi sebelum 31 Disember 2016.

Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016 merupakan suatu akta penting yang perlu digubal bagi membolehkan Malaysia mengemukakan instrumen ratifikasi dan seterusnya membolehkan bayaran langganan dapat dibuat sebagai prasyarat menjadi ahli penuh kepada AIIB.

Rang undang-undang yang akan dibentangkan ini mempunyai sembilan seksyen. Antara perkara-perkara penting yang terkandung dalam rang undang-undang ini kuasa untuk memohon beli syer saham modal bank. Fasal ini memberi kuasa kepada Menteri untuk memohon beli syer saham modal dibenarkan AIIB yang asal dan apa-apa pertambahan kepadanya bagi pihak kerajaan.

Jumlah wang yang dikenakan dibayar kepada bank hendaklah dipertanggungkan kepada Kumpulan Wang Disatukan. Fasal ini menjelaskan bahawa semua jumlah yang kena dibayar kepada bank bagi maksud langganan saham modal perlu dibuat melalui perbelanjaan tanggungan.

Penerimaan. Fasal ini memperuntukkan bahawa semua jumlah yang diterima oleh atau bagi pihak Kerajaan daripada bank hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan. Fasal ini memperuntukkan kuasa Menteri untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan peruntukan akta yang dicadangkan.

Pengecualian cukai. AIIB akan menikmati pengecualian cukai dan duti ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan operasinya. Pengecualian ini antara lainnya meliputi cukai ke atas aset, hartanah, pendapatan dan operasi urus niaga AIIB menurut AOA, cukai ke atas atau berkenaan gaji, emolumen dan perbelanjaan yang dibayar kepada pegawai rasmi yang ditentukan, dan cukai ke atas obligasi oleh sekuriti yang dikeluarkan atau dijamin oleh AIIB termasuk apa-apa dividen atau faedah baginya yang dipegang oleh sesiapa pun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulannya, mengambil kira komitmen Malaysia dalam menyokong objektif penubuhan AIIB, penggubalan rang undang-undang ini amat penting bagi membolehkan instrumen ratifikasi disempurnakan sebelum 31 Disember 2016 dan seterusnya bayaran langganan saham modal dapat dibuat pada waktunya.

Selain daripada itu, komitmen ini penting bagi memastikan kepentingan strategik Malaysia di rantau ini terpelihara khususnya berkaitan dengan hubungan dua hala dan pelbagai hala Malaysia dengan negara-negara di rantau Asia.

Malaysia juga akan memperlihatkan komitmen dan keprihatinan terhadap usaha antarabangsa dalam kerjasama ekonomi. Ia turut mencerminkan niat murni Malaysia dalam membantu negara jiran di rantau Asia dan Pasifik selaras dengan dasar Kerjasama Selatan-selatan. Terima kasih.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk menguatkuasakan suatu perjanjian antarabangsa bagi penubuhan dan pengendalian Bank Pelaburan Infrastruktur Asia dan untuk membolehkan Kerajaan Malaysia menjadi anggotanya dan untuk membuat peruntukan bagi perkara yang berkaitan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Saya minta Yang Berhormat Dato' Fahariyah binti Md Nordin. Sila

**4.08 ptg.**

**Dato' Fahariyah binti Md Nordin:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi keizinan kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016.

Terlebih dahulu saya ingin merafak sembah setinggi-tinggi tahniah kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Muhammad V atas pemilihan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan yang baru dilantik mewakili kaum Siam yang telah mengangkat sumpah pagi tadi.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya penyertaan Malaysia di dalam Bank Pelaburan Infrastruktur Asia merupakan satu langkah proaktif kerajaan dalam meneruskan, dengan izin, *non-alignment* dalam dasar luar negara di mana kerajaan juga telah menyertai bank-bank multilateral yang lain iaitu *World Bank*, *Asian Development Bank* dan juga *Islamic Development Bank.* Penyertaan Malaysia dalam AIIB ini saya percaya mampu memberi Malaysia kelebihan apabila kita berdagang dengan negara-negara yang terbabit dalam projek di bawah *fund* dengan izin, AIIB.

**■1610**

Kita mempunyai kelebihan berbanding dengan negara-negara yang tidak menyertai AIIB. Setakat ini, AIIB dinilai sebagai satu usaha yang cukup baik dalam memperkasakan lagi ekonomi dan kewangan serantau khususnya di Asia. Sehubungan itu, Malaysia juga bakal menikmati segala kelebihan dan manfaat sekiranya AIIB ini terlaksana seperti mana yang di uar-uarkan tujuan penubuhannya.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada keseluruhan fasal yang telah dibentangkan, penjelasan- ingin saya mengemukakan beberapa cadangan dan juga memohon penjelasan daripada pihak kerajaan mengenai beberapa perkara. Tidak banyak Tuan Yang di-Pertua.

Pertama mengenai dengan *Articles of Agreement*. Oleh sebab saya melihat terdapat hanya sedikit mengenai perincian mengenai kandungan sebenar perkara perjanjian bank iaitu secara rasminya dikenali sebagai *Articles of Agreement* (AoA). Selain berkenaan peruntukan saham, AoA juga mengandungi maklumat mengenai struktur tadbir urus termasuk persoalan sama ada wujud atau tidak China mempunyai kuasa veto ke atas keputusan bank dan proses untuk meluluskan dan memantau pinjaman. China sebelum ini telah memberitahu bahawa AIIB akan mengikut piawaian antarabangsa sama seperti institusi pinjaman lain seperti World Bank dan Bank Multilateral yang lain.

Jika dilihat di dalam Hansard perbahasan Dewan Rakyat, banyak persoalan sebenarnya yang berkisar mengenai perkara-perkara yang dibincangkan di dalam AoA yang mana ianya tidak disertakan bersama rang undang-undang ini. Oleh itu, saya mencadangkan agar keseluruhan dokumen AoA ini diletakan sebagai jadual dalam Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia agar dapat menjaga kepentingan negara atau *safeguard,* dengan izin.

Manakala, merujuk kepada, dengan izin, *environment and social protection*. Jikalau dilihat daripada projek-projek yang diluluskan oleh bank-bank multilateral yang disertai oleh Malaysia sebelum ini seperti *World Bank* mahupun *Asian Development Bank*, banyak isu yang terkait seperti alam sekitar dan juga sosial telah dilaporkan. Mengikut statistik daripada *International Consortium of Investigative Journalists* (ICIJ) daripada tahun 2004 sehingga ke tahun 2013 seramai 3.3 juta penduduk dunia telah kehilangan tempat tinggal diusir daripada tanah nenek moyang mereka serta dalam kehidupan yang tidak terurus.

Maka, ini tidak juga termasuk dengan kemusnahan habitat dan keseimbangan ekologi alam sekitar yang sedia ada. Kita tahu bahawa negara China selaku promoter di dalam AIIB ini juga tidak mempunyai satu *track record* yang positif terhadap *environment* dan juga *social protection*.

Oleh itu, saya mohon agar pihak kerajaan memastikan projek-projek yang terlibat di bawah pembiayaan AIIB ini hendaklah mesra alam sekitar dan mesra penduduk setempat dengan memberi insentif-insentif yang bersesuaian terhadap usaha pemuliharaan sekitar. Saya juga ingin mencadangkan supaya jika projek infrastruktur yang dibiayai oleh AIIB dan dijalankan di Malaysia yang mana melibatkan tanah rizab Melayu dan tanah adat hendaklah digantikan semula.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi *cost-benefit analysis*, saya juga ingin memohon penjelasan daripada pihak kerajaan, ini kerana jika dibandingkan dengan perjanjian TPPA, dengan izin, *cost-benefit analysis* telah dijelaskan dan diberi taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat untuk perbahasan.

Akan tetapi untuk Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia ini tiada sebarang analisis diberikan untuk menjustifikasikan pengeluaran modal negara menerusi Kumpulan Wang Disatukan. Walaupun jumlah USD109.5 juta itu mungkin tidaklah begitu besar berbanding dengan KDNK negara, tetapi, saya berpendapat kerajaan harus menyatakan dengan jelas apakah, dengan izin, *tangible benefits* yang bakal diperoleh oleh negara dengan pelaburan modal sebesar ini. Lebih-lebih lagi pada kala kedudukan ekonomi negara yang kurang memberangsangkan kerana rakyat sudah pasti akan tertanya setiap sen yang kerajaan belanjakan.

Menyentuh kepada- saya rasa pelepasan cukai ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri dalam pembentangan tadi. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua kenyataan saya di dalam AIIB ini. Diharap akan dapat membantu untuk kita lebih berkembang dengan keyakinan bahawa pasaran bebas akan membawa kemakmuran kepada negara-negara yang mempraktikkan persaingan bebas tanpa campur tangan apa pun terutama dalam skandal politik dan sosial negara. Saya amat berharapkan juga selain ekonomi negara dapat dikembangkan malah peluang-peluang pekerjaan sekali gus dapat dipertingkatkan. Saya yakin populasi 30 juta orang rakyat Malaysia ini bersedia untuk makin bersaing dengan warga dunia.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah di pihak kerajaan dalam usaha meningkatkan daya saing ekonomi negara dengan penyertaan dalam Bank Pelaburan Infrastruktur Asia ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Md Nordin. Itu tahniah ucapan sulungnya di Dewan ini iaitu Ahli baru. Dia sudah mula bercakap dah. Terima kasih banyak.

Saya jemput Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Mana Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad? Mana- jemput Yang Berhormat Senator Datin Rahimah?

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon maaf. Saya sudah hantar tadi surat pembatalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Okey, terima kasih ya.

**Datin Rahimah binti Haji Mahamad:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali.

**4.16 ptg.**

**Datuk Rabiyah binti Ali:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalammualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh*. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin bagi saya membahaskan Rang Undang-undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah penubuhan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016 ini bermula pada Oktober 2014 dengan Malaysia menjadi salah satu daripada 20 buah negara anggota bagi menubuhkan *Asia Infrastructure Investment Bank* (AIIB) dengan cadangan modal permulaan sebanyak USD50 bilion.

Di Asia Tenggara, Malaysia berurusan dengan *Singapore*, Thailand dan Filipina telah memeterai perjanjian bagi menubuhkan AIIB ini. Kalau dilihat kepada fokus utama penubuhan Bank Pelaburan Infrastruktur Asia adalah bagi membaharui pembangunan infrastruktur yang akan dinikmati oleh mana-mana negara anggota dengan kadar yang lebih baik dan fleksibel. Produktiviti pemaju kepada ekonomi manakala struktur prasarana pemangkin *catalyst* ekonomi. Pemangkin kemajuan ekonomi negara antara lainnya KLIA, PTP, Pelabuhan Klang dan Lebuhraya Utara-Selatan.

Untuk merancakkan lagi ekonomi kita, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang merancang HSR dan ECRL. Masa depan Asia bahkan dunia akan dipacu oleh China menyertai AIIB nampaknya merupakan satu pilihan yang menarik kerana hampir semua negara dunia termasuklah sekutu rapat Amerika Syarikat juga. AIIB adalah salah satunya institusi yang akan menyokong projek-projek infrastruktur mega seperti, *"One Belt, One Road",* iaitu OBOR yang dipacu oleh China dan yang mana Malaysia adalah sebahagian daripada negara yang termasuk jaringan OBOR ini.

AIIB membuka lebih banyak ruang dan memberi peluang kepada alternatif kepada institusi yang sedia ada seperti *World Bank*, IMF, IDB, ADB dan lain-lain yang berkiblatkan Washington. Maka, Malaysia mengharap dengan sokongan ini kita dapat menghantar isyarat pada negeri China bahawa Malaysia bersedia menyambut order ekonomi dunia yang baru dengan harapan ia lebih adil dan saksama. Dalam pada itu juga, saya mohon kepastian dan jawapan yang konkrit berhubung dengan beberapa isu berikut.

Sudahkah analisa kos dan juga faedah dilaksanakan sebelum Parlimen diminta menimbangkan dan meluluskan rang undang-undang ini? Apakah keputusan-keputusan utamanya? Bagaimana secara khususnya AIIB boleh membantu Malaysia mencapai *sustainable goals, development goals* dan *millennium development goals*. Adakah Malaysia tidak boleh menyertai usaha menjayakan *2030 Agenda for the Sustainable Development* jika tidak menyertai AIIB? Adakah program dan projek yang telah dirancang yang bukan sahaja untuk membasmi kemiskinan, malah membolehkan juga kekayaan dan kemakmuran dikongsi bersama serta mampu perlu merapatkan jurang kekayaan serta berdaya mendepani cabaran perubahan iklim dalam kepanasan ini.

Sekiranya, kompetensi dan daya saing diutamakan dalam proses tender dan oleh sebab padang permainan sememangnya tidak sama rata, maka adakah lain-lain mekanisme yang disediakan untuk memastikan semua syarikat yang memasuki tender itu mendapat peluang yang adil dan saksama nanti.

**■1620**

Tidakkah AIIB akan juga menjadi suatu alat ataupun *leverage* bagi sesuatu negara untuk memenangkan kepentingan atau menjayakan cita-citanya. Kita tidak mahu keluar daripada mulut harimau terus masuk ke mulut buaya. Apakah mekanisme yang telah disediakan untuk mengelakkan ancaman ini menjadi realiti? Bolehkah kita keluar setelah-AIIB, dan apakah implikasi jika kita menarik diri nanti?

Sudahkah *feasibility study, cost-benefit analysis,* dan EIA dijalankan, dan apakah keputusannya? Berapakah jumlah kos setiap projek tersebut serta kaedah *funding* dan *financing* masing-masing? Adakah projek-projek tersebut *self-financing?* Jika tidak, siapakah dan bagaimana pembayarannya dibuat? Justeru melalui rang undang-undang ini saya mempunyai beberapa persoalan yang juga dikemukakan kepada kerajaan tanpa menyinggung- dan ia tidak memberikan impak ke atas pertumbuhan institusi kewangan dan pasaran modal Malaysia.

Suka saya kongsikan dari segi geopolitik Washington tidak berapa menyokong kerjasama Malaysia dan penubuhan AIIB ini oleh sebab ia bakal menjejaskan prestasi *World Bank* dan *Asian Development Bank*. Ini kerana penyertaan China sebagai negara kongsi utama Bank Pelaburan Infrastruktur Asia ini akan menyebabkan kuasa didominasi China dalam ekonomi global lebih menyerlah.

Untuk itu saya mohon kerajaan memberikan penjelasan yang berikut apakah impak kesan dan manfaat kepada pasaran modal sukuk *Islamic* iaitu pematuhan syariah dan pemasaran kewangan Islam dan negara Malaysia apabila AIIB ini mula beroperasi selepas rang undang-undang ini diluluskan. Kesan dan prospek prestasi pembiayaan projek infrastruktur oleh dana institusi amanah dan komponen wang milik negara yang selama ini merupakan penyokong utama pasaran modal dan pembiayaan pembangunan negara.

Akhir, prestasi dan kesan sektor pasaran tukaran wang asing serta dasar *monetary* BNM kerana diragui *boycott* oleh Amerika Syarikat terhadap penyertaan China dalam AIIB ini memberi kesan ketara kepada pertumbuhan negara dan prospek ekonomi Malaysia. Oleh itu, dengan demikian saya menyokong sepenuhnya rang undang-undang ini dengan harapan agar AIIB ini akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia dan memakmurkan rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali dan tahniah ucapannya baik. Sekarang saya hendak pergi kepada Yang Berhormat Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar dan sebelum itu kalau ada lain Yang Berhormat hendak bercakap mesti saya tunggu sampaikan kepada saya nama itu secepat mungkin.

Sekarang dipersilakan Yang Berhormat Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar.

**4.23 ptg**

**Dato' Hajah Norahan binti Abu Bakar:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya yang sama-sama memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-Undang Perbankan dan Infrastruktur Asia 2016.

Sektor kewangan memainkan peranan yang utama dalam memudahkan keseluruhan perjalanan ekonomi. Ia merupakan pusat nadi penggerak ekonomi sektor kewangan merupakan wacana untuk dana perantaraan dalam penggemblengan dan pengagihan dana pelaburan dalam menjalankan aktiviti.

Semakin tinggi tahap kebolehan tabungan semakin besar potensi bagi penyaluran tabungan kepada aktiviti yang produktif melalui sektor kewangan. Sektor kewangan juga memudahkan cara untuk membuat pembayaran kepada kewangan. Kebesaran sektor kewangan menjalankan fungsinya bergantung kepada kemampuan untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berubah-ubah terhadap kitaran ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidaklah rasa hendak berbahas panjang dalam rang undang-undang ini tetapi memandangkan keadaan saya yang kira rasa kurang sihat tetapi walau macam mana pun saya juga berhasrat untuk sama-sama mengambil peluang dalam hal ini.

Dalam isu yang saya bawa ini menyentuh mengenai perlindungan penjagaan kepentingan negara kita. Saya cuma ingin menyentuh perkara-perkara daripada segi aspek keselamatan negara. Sememangnya kemakmuran dan kemahuan ekonomi memang menjadi harapan ataupun kehendak yang dikecap oleh semua rakyat. Kerajaan seharusnya mencari peluang dan ruang yang ada dalam pemasaran terbuka untuk kita terokai di semua sektor ekonomi dan juga peluang perdagangan yang ada.

Namun, janganlah akibat daripada keghairahan negara kita akhirnya terjerumus ke kancah pergolakan dan masalah akhirnya membinasakan negara kita. Permainan politik yang ganas juga, yang kejam juga pada masa ini membawa bunga-bunga kepada kancah yang binasa. Soalan saya kepada kementerian, adakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian sekiranya perlu kita keluar daripada hubungan perdagangan. Perkara ini akan terjadi sekiranya berlaku situasi yang tidak diingini seperti kejatuhan ekonomi, nilai pasaran dunia dan sebagainya.

Kementerian seharusnya mempunyai perancangan bencana kewangan sekiranya berlaku keadaan yang tidak dijangkakan sebagai contoh kita boleh lihat baru-baru ini sahaja apabila Presiden Amerika Syarikat yang baru dalam urus niaga Bursa Saham Malaysia tiba-tiba menjunam jatuh. Negara lain di dunia juga mengalami perkara yang sama. Pendedahan harus diberi kepada rakyat, rakyat di bawahan sana seperti berlaku yang sebelum ini perlu diberi penjelasan yang jelas yang mana kita lihat bahawa berlaku demonstrasi jalanan yang dianjurkan oleh setengah-setengah pihak yang akhirnya negara kita juga akan terjerumus ke arah ekonomi yang tidak stabil.

Sekiranya kemungkinan ini berlaku maka tidak hairanlah perkara-perkara yang sama akan berlaku dengan bank-bank pelaburan kita. Apakah langkah-langkah yang dimainkan oleh kerajaan sekiranya berlaku insiden kewangan yang besar seperti krisis kewangan tahun 1997 dan kejatuhan mata wang negara dengan mendadak?

Apakah kementerian mempunyai mekanisme bencana kewangan sekiranya berlaku bencana? Sila kemukakan kepada masyarakat khususnya Dewan ini. Seterusnya saya ingin mencadangkan agar perkara-perkara ini dapat diberi pendedahan kepada rakyat supaya mereka tahu kerajaan kita sentiasa mempunyai peranan kepentingan untuk rakyat dan juga kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahaja yang saya perlu bahaskan dalam rang undang-undang ini terima kasih, saya juga mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih dan tahniah. Ada sesiapa lagi yang hendak bercakap. Tidak ada dan sekarang saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

**4.28 ptg**

**Dato' Lee Chee Leong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan dalam menyokong Rang Undang-Undang Bank Pelaburan Infrastruktur Asia 2016 di Dewan yang mulia ini.

Kerajaan sangat menghargai akan cadangan dan pandangan yang telah diberi. Suka saya memaklumkan perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya akan diberi terhadap kebimbangan dan juga cadangan yang dikongsi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah binti Md Nordin membangkitkan atau mencadangkan untuk memasukkan keseluruhan peruntukan AoA dalam Rang Undang-Undang AIIB.

**■1630**

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, rang undang-undang hanya tujuan menguatkuasakan pemberian kekebalan, keistimewaan dan pengecualian. Oleh itu hanya peruntukan yang berkaitan sahaja dimansuhkan. Semua artikel di dalam AoA telah diambil kira dalam rang undang-undang.

Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah juga telah bertanya, adakah projek-projek AIIB akan berikan kesan alam sekitar dan hak-hak tanah adat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, isu kesan alam sekitar dan hak-hak tanah adat telah dibincangkan dengan sangat teliti oleh semua negara ahli sebelum AIIB ditubuhkan. Terdapat polisi yang telah dipersetujui oleh semua negara ahli termasuk memerlukan sesuatu kajian diadakan sebelum sesuatu projek dijalankan.

Yang Berhormat Senator Dato' Fahariyah juga telah membangkitkan isu *cost-benefit analysis* terhadap penyertaan dalam AIIB. Penubuhan AIIB sebagai bank pembangunan pelbagai hala yang disertai 57 buah negara, kajian dan pertimbangan penyertaan oleh semua negara anggota dan proses membuat dasar dan hala tuju juga adalah dari semua negara. Pertubuhan CPA adalah berdasarkan hubungan diplomatik Malaysia-China, rakan dagangan terbesar di antara China dan Malaysia, hubungan ASEAN dan China melengkapkan bank-bank pembangunan, peranan dalam proses membuat dasar dan hala tuju AIIB.

Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali telah bertanya, adakah Malaysia mempunyai cara untuk keluar dari AIIB.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Artikel 37 AoA AIIB memperuntukkan ruang kepada negara ahli yang ingin keluar daripada AIIB dengan menyatakan hasrat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya buat kali ini. Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

***[Fasal-fasal 1 hingga 9*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

***[Jadual*** *diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Halimah binti Mohd. Sadique) dan diluluskan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERANCANGAN BANDAR DAN DESA (PINDAAN) 2016

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**4.37 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, Akta Perancangan Bandar dan Desa iaitu Akta 172, tahun 1976, merupakan suatu undang-undang yang dibuat di bawah fasal 1, Perkara 74; fasal 4, Perkara 76; dan fasal 2, Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan bagi pengawalan dan pengawal seliaan yang sepatutnya mengenai perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia. Sebagai undang-undang utama kepada perancangan bandar dan desa, Akta Perancangan Bandar dan Desa sedang disemak pada masa kini untuk disesuaikan dengan keperluan pembangunan semasa.

Sejak akta ini diwartakan pada 25 Mac 1976, ia telah pun dipinda sebanyak empat kali oleh Dewan yang mulia ini iaitu pada tahun 1993, tahun 1995, tahun 2001 dan pindaan yang terakhir adalah pada tahun 2007. Pindaan pada tahun 2001 telah pun memperuntukkan berkenaan penubuhan Majlis Perancang Fizikal Negara yang mana antara fungsi majlis ini adalah untuk mempertimbangkan dasar berkaitan perancangan guna tanah termasuklah dalam penggunaan tanah dan pemuliharaan alam sekitar ke arah pencapaian pembangunan mampan di dalam negara.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk merakyatkan pembangunan dan mengatasi isu-isu sosial dalam pembangunan, peranan Penilaian Impak Sosial merupakan langkah penting bagi memastikan aspirasi sosial negara terutamanya pembangunan *inclusive* dan saksama tercapai. Pindaan kepada Akta 172 pada kali ini adalah untuk memasukkan keperluan Penilaian Impak Sosial dalam perancangan projek yang merupakan antara perkara utama yang sangat diperlukan dalam perancangan dan pembangunan negara pada masa kini.

Penilaian Impak Sosial atau, dengan izin, *Social Impact Assessment* (SIA) pendekatan berteraskan sosial yang memberikan penekanan kepada kesejahteraan rakyat di mana ia berperanan untuk menilai isu-isu dan alternatif pembangunan serta membuat pilihan terbaik yang mempunyai impak negatif yang minimum kepada komuniti ataupun rakyat.

**■1640**

Penilaian Impak Sosial ini Tuan Yang di-Pertua, akan memberikan faedah kepada rakyat, kerajaan dan pihak swasta. Bagi rakyat, ia dapat memastikan segala bentuk pembangunan tidak menjejaskan kehidupan komuniti iaitu rakyat yang terlibat, malahan dapat meningkatkan lagi kualiti dan kesejahteraan hidup rakyat. Bagi pihak kerajaan pula, ia akan dapat memastikan kepentingan rakyat sentiasa didahulukan dan nasib rakyat sentiasa terbela dalam arus pembangunan.

Manakala bagi pihak swasta Tuan Yang di-Pertua, ia akan dapat mengurangkan kos luar jangka dan memberikan faedah kelancaran projek apabila masyarakat setempat dilibatkan di peringkat awal dalam sebarang perancangan projek serta memenuhi segala keperluan dan memberi manfaat kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian, secara keseluruhannya, cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan ia dua perkara iaitu yang pertama, penambahan kepada seksyen baru iaitu seksyen 20B, dan pindaan kepada seksyen sedia ada iaitu seksyen 21A.

Bagi seksyen baru seksyen 20B, Tuan Yang di-Pertua, seksyen baru 20B ini menetapkan keperluan tiap-tiap jabatan atau agensi kerajaan untuk menyediakan Laporan Penilaian Impak Sosial bagi projek-projek yang dikemukakan kepada Majlis Perancang Fizikal Negara untuk mendapatkan nasihat.

Melalui seksyen 20B ini Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap jabatan atau pun agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dikehendaki untuk mendapatkan nasihat daripada Majlis Perancang Fizikal Negara berkenaan dengan dua cadangan pemajuan. Iaitu yang pertama, cadangan pemajuan yang melibatkan penebusgunaan pinggir laut dan kedua, cadangan pemajuan bagi pembinaan projek infrastruktur utama negara. Penebusgunaan pinggir laut wajar mendapatkan nasihat daripada Majlis Perancang Fizikal Negara kerana ia akan mempunyai impak alam sekitar yang ketara yang mungkin akan menyentuh kepada soal perairan antarabangsa. Lazimnya Tuan Yang di-Pertua, projek ini akan memberi impak sosial, terutamanya bagi penduduk setempat, contohnya masyarakat nelayan dan masyarakat rakyat yang berhampiran.

Bagi pembinaan infrastruktur utama negara Tuan Yang di-Pertua, yang lazimnya mempunyai impak kepada pembangunan negara dan juga negeri yang berkaitan, perlu mendapatkan nasihat daripada Majlis Perancang Fizikal Negara. Ini supaya dapat dipertimbangkan di peringkat awal perancangan projek, khususnya daripada segi penyelarasan antara negeri-negeri dan mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber negara. Ini terutamanya bagi membina infrastruktur yang merentasi sempadan beberapa buah negeri seperti landasan kereta api ataupun lebuh raya.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, bagi cadangan pemajuan tersebut yang diangkat bagi mendapatkan nasihat daripada Majlis Perancang Fizikal Negara, hendaklah disertakan dengan Laporan Penilaian Impak Sosial dan apa-apa laporan lain yang ditentukan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara. Perkara ini penting supaya cadangan projek yang dirujuk kepada Majlis Perancang Fizikal Negara untuk nasihat telah pun mengambil kira dan akan memberikan pertimbangan kepada impak sosial dan keperluan masyarakat setempat melalui penyediaan Laporan Penilaian Impak Sosial.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan bagi seksyen 21A. Pindaan kedua ini adalah berkaitan dengan seksyen 21A sedia ada iaitu berkaitan dengan pemantapan kandungan Laporan Cadangan Pemajuan dengan memasukkan elemen penilaian impak sosial.

Laporan Cadangan Pemajuan ini Tuan Yang di-Pertua, ia adalah satu buah dokumen yang menerangkan tentang cadangan pemajuan dan pelan susun atur yang hendaklah disertakan bersama dengan permohonan kebenaran merancang untuk sebarang pemajuan yang dikemukakan oleh pemaju sama ada kerajaan, individu atau pun pihak swasta.

Pindaan ini menetapkan supaya setiap Laporan Cadangan Pemajuan hendaklah mengandungi langkah-langkah mitigasi impak sosial. Ini adalah untuk memastikan setiap cadangan pemajuan yang dikemukakan kepada pihak berkuasa perancang tempatan telah pun mengambil kira keperluan rakyat dengan memastikan cadangan projek meminimumkan impak negatif sosial kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan tersebut, maka sub seksyen 21A(1A) semasa dipotong. Ini memandangkan keperluan analisis implikasi sosial kini telah pun ditetapkan sebagai sebahagian kandungan dalam Laporan Cadangan Pemajuan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya cadangan pindaan-pindaan yang saya bentangkan tadi ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan pembangunan *inclusive* ke arah pembangunan rakyat yang saksama. Selain daripada aspirasi pembangunan negara yang mampan, pindaan-pindaan ini juga diyakini akan dapat memastikan pencapaian pertumbuhan negara yang berpaksikan kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah membuat jawapan yang paling tepat dan jelas. Sila. Ada sesiapa menyokong?

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato’ Lee Chee Leong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya hendak buka ini kepada perbahasan. Kalau ada lagi hendak bercakap, boleh bagi nama sekarang.

Saya mulakan dengan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah. Dipersilakan.

**4.46 ptg.**

**Tuan Chandra Mohan A/L S. Thambirajah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, di atas peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang yang bertujuan untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa.

Pada mulanya saya ingin mengatakan bahawa saya setuju dengan *closing remarks* yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri semasa pembentangan tadi. Bahawa saya pun berpegang kepada aspirasi pembangunan negara yang mapan, untuk memastikan pencapaian pertumbuhan negara yang mementingkan kesejahteraan rakyat. Itu semua saya terima. Akan tetapi walaupun itu saya terima daripada segi aspirasi dan objektif, saya masih ada sedikit isu yang saya perlu bangkitkan.

Pertama sekali, kalau kita tengok dari apa yang dibentangkan dalam rang undang-undang ini dan juga semasa pembentangan tadi. Cuma dua seksyen, kalau kita pegang *paper* ini pun tidak sampai beberapa gram *paper* ini tetapi implikasinya mungkin sampai berkilo-kilo implikasi.

Sebelum saya pergi kepada implikasi, terutama bukan seksyen 21A tetapi saya akan fokus kepada seksyen 20B. Akan tetapi sebelum itu ada satu dua perkara yang saya ingin membangkitkan. Pertama sekali berkenaan dengan seksyen 1, sub 3, kalau kita tengok seksyen 1, sub 3 daripada aspek permulaan kuat kuasa akta ini. Kalau kita tengok perkataan yang digunakan ialah, *“akta ini mula berkuat kuasa di sesebuah negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri”*. Itu *first part of* ayat itu.

Seterusnya, kalau kita baca ayat itu, *“melalui pemberitahuan dalam warta negeri”*. Berkenaan dengan seksyen 1, sub 3 ini saya ada dua soalan. Ini cuma supaya dapat *clarification*. Ia belum lagi menyentuh *the whole spirit of amendment* ini.

Soalan yang pertama, berdasarkan kepada seksyen 1, sub 3 ini, apa akan jadi kalau pihak berkuasa negeri, *for whatever reason,* dengan izin, enggan menetapkan tarikh kuat kuasa? Pasal kuasa untuk menetapkan tarikh kuat kuasa itu terpulang kepada pihak berkuasa negeri. *So,* apa akan jadi kalau pihak berkuasa negeri enggan untuk menetapkan satu tarikh.

Adakah Kerajaan Persekutuan, dengan izin, akan *force its way through?* Kalau tidak ada, benda ini *just* akan jadi *piece of paper* dan *the whole debate* ini akan jadi satu *academic exercise*. Itu soalan pertama.

Soalan kedua, *second part of* seksyen 1, sub 3 ini. Ini supaya saya dapat *understand,* pasal dia cakap pemberitahuan melalui Warta Negeri.

Soalan saya, kenapa bukan *Federal Gazette,* kenapakah Warta Negeri? Saya tidak tahu sama ada warta negeri dengan *Federal Gazette* mungkin implikasinya sama. Saya cuma hendak *clarification* sahaja kenapa bukan Warta Negeri dan bukan *Federal Gazette*? Pada saya, lebih baik kalau warta- *gazzete*, fasal kalau kita tengok pindaan-pindaan yang dicadangkan, terutama seksyen 20B itu, ada kewajipan untuk *Federal Government* kalau kita tengok pindaan-pindaan ini. Itu cuma soalan.

**■1650**

Akan tetapi isu saya yang sebenarnya adalah berkaitan dengan seksyen 20B. Mengenai seksyen 20B ini, saya ada dua soalan. Soalan yang pertama ialah satu *fundamental question* yang pergi kepada *the root of this whole proposals-* pindaan baru kalau kita tengok seksyen 20B ini. Saya hendak tengok seksyen 20B ini dengan apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri semasa membentangkan rang undang-undang tadi dan juga dibandingkan dengan huraian semasa rang undang-undang ini dibentangkan.

Kalau kita tengok huraian kepada fasal 2 seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, jelas bahawa kewajipan-kewajipan yang seksyen 20B yang berhasrat ini sudah terkandung dalam *Principal Act*. Sudah terkandung dalam *Principal Act* melalui seksyen 2B dan 22 sub (2A). Sudah ada dalam *Principal Act.*

Jadi kalau kita fokus kepada seksyen 2A, *Principal Act,* dia sudah mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk meliputi segala tujuan seksyen 20B, yang seksyen 20B ini bercadang sekarang terutama kalau kita tengok seksyen 2A, sub (3), seksyen 2A, sub (4). Dengan spesifik dia membenarkan *National Physical Planning Committee* atau Majlis Perancang Fizikal Negara untuk memberi arahan-arahan. Dia tidak *specified* jenis apa, *that means,* apa jenis arahan. Kepada Ketua Pengarah Perancang Bandar dan Desa dan juga seksyen 2A, sub (3) membenarkan Ketua Pengarah Perancang Bandar dan Desa untuk melaksanakan segala arahan itu. Itu 2A sub (3).

Kalau kita pergi kepada sub (4), sub (4) membenarkan Majlis Perancang Fizikal Negara untuk melaksanakan apa-apa tugas yang bersampingan bagi menjalankan tugas-tugas di bawah Akta Perancang Bandar dan Desa.

*So* pada saya, kalau kita sudah ada seksyen 2A, sub (3), seksyen 2A, sub (4) belum lagi seksyen 22A, sudah cukup dan pada saya, tidak perlu mengadakan rang undang-undang ini. Ini kerana kalau kita fokus balik kepada *social impact assessment* dan sebagainya, perkataan- walaupun dalam 2A(3), dan (4), ia tidak *mention* secara spesifik *social impact assessment* tetapi perkataan yang digunakan oleh 2A, sub (3), dan sub (4) cukup luas untuk *cover social impact assessment,* pada saya.

Balik kepada *composition of* Majlis Perancang Fizikal Negara. Kalau kita tengok *composition* sekarang secara *average*, daripada segi *composition*, seramai 15 orang dan kalau kesemua tujuh orang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, semua sekali 15 orang. Daripada 15 orang ini, cuma seorang sahaja Ketua Menteri atau datang dari negeri, manakala 14 orang lagi datang dari *Federal Government* atau lantikan dari *Federal Government. So* pada saya, daripada segi *composition of the National Physical Planning Committee*, daripada segi peruntukan akta yang sedia ada, sudah cukup. Pada saya, tidak perlu seksyen 20B ini.

Ada lagi satu sebab kenapa saya cakap seksyen 20B ini tidak perlu. *Second aspect.* Kalau kita tengok seksyen 20B yang dicadangkan, saya baca ini. Hendaklah menjadi kewajipan tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk mendapatkan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara mengenai beberapa cadangan terutama sekali mengenai *coastal reclamation* dan sebagainya. Kalau kita baca ini, kewajipan dia hanya untuk mendapatkan nasihat. Itu kewajipan.

Soalan saya yang kedua berkaitan dengan seksyen 20B ialah selepas dapat *advice* itu, adakah dia menjadi *mandatory* untuk mematuhi *advice* itu? Sini dia cuma cakap mendapatkan.

Dia tidak pernah cakap dalam sini- *even* bukan dalam sini sahaja. Kalau kita balik kepada *Principal Act,* kita tengok *National Physical Planning Committee* dan kalau kita hendak *extend,* kalau kita pergi kepada nasihat *State Planning Committee* (SPC) dan sebagainya pun, adakah *advice* itu *binding?* Kalau kita balik kepada akta ini, kalau kita tengok seksyen 20B ini, *is it binding, is it mandatory?* Kalau pada tafsiran saya bila saya baca ini, kewajipan dia hanya untuk minta nasihat. Sama ada saya hendak ikut atau tidak mahu ikut, terpulang kepada *submitting agency* atau agensi yang terima *advice* itu.

Kalau itu betul, kalau tafsiran saya betul dan oleh sebab tidak ada peruntukan-peruntukan spesifik, pada saya, *then this whole thing become academic.* Bukan sahaja rang undang-undang ini akan jadi akademik, proses permintaan *advice,* selepas itu kalau kita tidak mahu ikut, itu pun akan jadi akademik dan akan melambatkan proses. Kalau pendirian saya betul, kalau tafsiran saya betul, *then* balik kepada soalan apakah niat Kerajaan Persekutuan untuk membentangkan rang undang-undang ini?

Ini kerana pada saya macam saya cakap tadi, peruntukan-peruntukan untuk memerlukan *social impact assessment*- saya hendak menekankan lagi ya, saya tidak mempersoalkan *important social impact assessment.* Itu kita *welcome.* Kita perlu *social impact assessment.* Saya akui bahawa impak dia berpanjangan dan mungkin impaknya serius. *So,* kita terima. Begitu juga dengan *environmental impact assessment* (EIA), kita perlu.

Akan tetapi, pada saya, selepas rang undang-undang ini telah dipinda pada tahun 2001, selepas dia sudah *introduce National Physical Planning Committee,* pada saya, tidak perlu akta ini kerana skop di bawah akta yang sebelum ini sudah cukup. Lagipun, nasihat ini setakat nasihat sahaja dan bukannya arahan.

Jadi pada saya, pendirian saya, rang undang-undang ini buang masa kita semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Chandra. Terima kasih ya. Pergi kepada Yang Berhormat Senator Engku Naimah.

**4.57 ptg.**

**YM. Engku Naimah binti Engku Taib:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan untuk saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perancang Bandar dan Desa (Pindaan) 2016.

Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan langkah kerajaan untuk meminda Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dengan penekanan kepada aspek penilaian impak sosial dalam projek pembangunan sama ada oleh pihak kerajaan atau swasta. Langkah kerajaan ini adalah tepat masanya kerana Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 [*Akta 172*] telah melalui evolusi beberapa pindaan.

Pertamanya, pindaan pada tahun 1993, Akta 866 yang mengambil kira perkhidmatan pembetungan.

Kedua, pindaan tahun 1995, Akta A933 yang mengukuhkan aspek pemuliharaan alam sekitar dan laporan cadangan pemajuan LCP.

Ketiga, pindaan tahun 2001, Akta A1129 yang mewujudkan Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan penubuhan Jawatankuasa Perancangan Wilayah (JPW).

Terakhir, pindaan pada tahun 2007, Akta A1313 yang mengambil kira pengurusan sisa pepejal dan pemeliharaan awam.

Pindaan ini memasukkan seksyen baru 20B yang mewajibkan tiap-tiap jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk mendapatkan nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) mengenai cadangan pemajuan pembangunan pinggir laut dan pembinaan infrastruktur utama negara seperti lapangan terbang, rangkaian kereta api dan lebuh raya serta tapak pembuangan sisa toksik.

Penekanan kepada penilaian kepada aspek sosial dalam projek pembangunan adalah penting bagi memastikan pembangunan lestari dan mampan. Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib menegaskan Malaysia komited untuk pembangunan lestari menjelang tahun 2030 demi masa depan yang lebih baik untuk semua.

**■1700**

Isu pembangunan lestari telah diperkenalkan sejak 1987 bagi dalam Laporan Brundtland yang menekankan pembangunan lestari dan implikasinya kepada masyarakat dan negara sama ada daripada segi fizikal, sosial dan ekonomi. Pindaan akta ini secara keseluruhannya akan memberi manfaat bagi mengenal pasti impak sosial yang terhasil daripada projek yang dicadangkan, langkah-langkah pemantauan dan faedah positif dan manfaat kepada masyarakat dan alam sekitar. Umpamanya projek yang telah diwartakan sebagai kawasan hijau di Selangor tetapi dilaporkan telah ditukar status sebagai tanah pembangunan. Sekiranya diteruskan, pembangunan di kawasan ini akan memusnahkan khazanah ekosistem semula jadi yang menjadi habitat pelbagai spesies flora dan fauna.

Malah pembangunan di sini akan menjejaskan sistem pengairan termasuk kemungkinan banjir di kawasan persekitaran. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi memastikan pembangunan dijalankan tidak melibatkan pembangunan kawasan paya atau diwartakan sebagai kawasan hijau tetapi ditukar status sebagai tanah pembangunan.

Seterusnya pindaan seksyen 21A, sub fasal 3(a) yang bertujuan untuk memasukkan perenggan baru 21A (ea) untuk menghendaki kandungan laporan pemajuan turut memasukkan laporan analisis dan langkah mitigasi bagi impak sosial dan lain-lain impak.

Dalam hubungan ini, pembangunan di lereng bukit memerlukan perhatian yang serius bukan saja daripada aspek keselamatan tetapi juga daripada segi kesan sosial. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan sejauh manakah kerajaan dapat mengawal pembangunan di lereng bukit seperti di Cameron Highlands dan sebagainya yang bukan sahaja menjejaskan daripada segi keselamatan tetapi aspek sosial.

Selain itu tidak berapa lama dulu kita dikejutkan dengan cadangan untuk memajukan taman rekreasi di Selangor sebagai projek perumahan. Taman rekreasi sudah agak terhad masa kini terutamanya di kawasan bandar. Tambahan pula taman rekreasi ini telah digunakan komuniti setempat selama beberapa dekad tetapi ingin dimajukan dengan hanya mengambil pertimbangan aspek ekonomi tanpa menimbangkan aspek sosial serta tidak mengambil kira keperluan penduduk setempat dan impak negatif terhadap penduduk setempat.

Saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah pindaan akta ini memberi kuasa kepada kerajaan persekutuan untuk mengawal perancangan pembangunan oleh kerajaan negeri khususnya yang tidak mengambil kira aspek sosial. Sejauh mana penglibatan dan kerjasama yang diberikan oleh kerajaan negeri bagi menggubal pindaan akta ini memandangkan akta ini memerlukan kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa negeri bagi melaksanakan pindaan akta ini.

Akhirnya saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengkaji semula peranan dan tanggungjawab Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) yang telah ditubuhkan semenjak tahun 2003 bagi khususnya untuk terus memperkasakan peranan dan tanggungjawab MPFN dan menyelaras semua dasar dan aktiviti berkaitan perancangan bandar dan desa bagi memastikan penggunaan sumber dan pembangunan yang lebih seimbang dan mapan di peringkat negeri dan negara.

Dalam perkembangan pembangunan yang pesat masa kini, peranan MPFN adalah penting dalam mempertingkatkan perhubungan dan kerjasama antara setiap kerajaan negeri terutama dalam menyelaras dan menangani isu-isu pembangunan yang melewati sempadan negeri bagi memastikan pembangunan dapat dilaksanakan secara berkualiti. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah ya. Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar. Dipersilakan.

**5.04 ptg.**

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk membahaskan rang undang-undang ini. Tuan Yang di-Pertua, kita difahamkan bahawa pindaan yang dicadangkan untuk pengawalan dan pengawal seliaan yang sepatutnya mengenai perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia dan juga Labuan. Oleh sebab itu saya perlukan sedikit keterangan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang pindaan yang dicadangkan kerana pindaan ini ada kesan terhadap sistem federalisme yang diamalkan di negara ini.

Walaupun subseksyen 21(1)(a) dikeluarkan, jika kita rujuk kepada subseksyen 2, ini kita dapat bahawa kuasa negeri untuk membuat beberapa keputusan tentang perancangan serta kuasa pengecualian masih ada. Maka apa sebabnya terdapat pindaan yang dicadangkan ini. Kalau kita rujuk kepada rang undang-undang ini, apa yang diedarkan di sini, kalau saya hendak bacalah dalam bahasa Inggeris, dengan izin ya, *"the purpose subsection 20B(1) seeks to impose a duty on every Federal Government and State Government department or agency to seek advice from the council on a development proposal relating to any coastal reclamation excluding reclamation for the construction of a jetty or beach rehabilitation and construction of a major national infrastructure including airports, sea ports, inland ports, railway transportation networks, highways, power stations, dams and toxic waste disposal sites and other infrastructure of national interest as determined by the Council."*

Ini bermakna banyak perkara yang boleh ditentukan oleh Majlis. Ini satu perkara yang kita mesti berhati-hati kerana ada beberapa yang dikecualikan di sana. Saya ingin tahu apa sebabnya pengecualian ini dibuat dan macam mana pilihan ini dibuat yang mana hendak termasuk, yang mana hendak dikecualikan, okey.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, ada senarai atau *list* iaitu *State List-* Senarai Negeri; *Federal List-* Senarai Persekutuan; dan juga, *Concurrent List* dalam *Ninth Schedule,* dengan izin. Senarai-senarai ini atau *lists* ini dibahagikan kepada kuasa di bawah *the Federal List* iaitu kuasa-kuasa yang tergolong dalam di bawah kuasa *Federal*. *State List* jelaskan kuasa-kuasa yang tergolong di bawah bidang kuasa negeri. Di bawah *Concurrent List* terdapat beberapa perkara yang diberi kepada negeri dan juga Kerajaan Pusat.

Maka, perkara-perkara yang berkenaan dengan perancangan bandar dan desa jelaslah terletak di bawah *Concurrent List,* di bawah *Ninth Schedule.* Oleh sebab itu maka kerajaan negeri mempunyai suara, hak dan juga kuasa dalam perkara-perkara yang berkait dengan perancangan bandar, desa, termasuk juga penebus gunaan pinggir laut untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat. Oleh sebab itu dengan kemasukan seksyen baru 20B, Kerajaan Pusat telah mewajarkan kerajaan negeri meminta nasihat Majlis Perancang Fizikal Negara atas sebarang perancangan bandar, desa dan penebus gunaan pinggir laut. Adakah nasihat ini merupakan suatu arahan yang tidak boleh ditolak dan mesti diterima dan dipatuhi.

Jika ini tujuan Kerajaan Pusat, maka ini akan menimbulkan banyak masalah kepada kerajaan negeri dan berlanggar dengan Perlembagaan negara sebab *Concurrent List* merupakan suatu cara hak negeri-negeri kerana *Concurrent List* mengimbangi kuasa negeri dan kuasa Federal. Dengan pindaan ini, adakah kuasa negeri dalam *Concurrent List* terancam? Ini satu soalan yang saya hendak tanya di sini.

Di sini saya ingin sedikit penerangan daripada kementerian. Walaupun ada *20-Points Agreement* dengan Sabah dan Sarawak, apa sebabnya rang undang-undang ini tidak merangkumi Sabah dan Sarawak? Apakah sebabnya terdapat layanan yang tidak sama antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak? Adakah Rang Undang-undang ini serta pindaan-pindaan ini tidak merangkumi Sabah dan Sarawak kerana Kerajaan Pusat begitu yakin bahawa Sabah dan Sarawak tidak memerlukan nasihat daripada Kerajaan Pusat dalam sebarang perancangan bandar dan desa termasuk penebus gunaan pinggir laut.

Bagi saya rang undang-undang seperti ini haruslah berkuat kuasa di Sabah dan Sarawak yang sedang dibangunkan dengan pesat melalui banyak projek bandar dan desa.

**■1710**

Memanglah tidak elok jika rang undang-undang ini berkuat kuasa di sebahagian Persekutuan sahaja manakala negeri-negeri tertentu dikecualikan daripada rang undang-undang ini. Semasa rang undang-undang ini dan pindaan-pindaan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri dalam Parlimen, alasan yang diberi ialah rang undang-undang ini dan pindaan-pindaan ini amat perlu untuk membela kualiti hidup rakyat serta hubungan dan kesejahteraan rakyat di Semenanjung Malaysia.

Oleh sebab itu maka rang undang-undang ini pun mesti dikuatkuasakan di Sabah dan Sarawak kerana kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat Sabah dan Sarawak harus juga dibela. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat dan saya minta sekarang pula Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah Mohamed.

**5.11 ptg.**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Ada dua, tiga perkara yang ingin saya sentuh berkait dengan Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016 pada kali ini.

Pertamanya berkait dengan seksyen baharu 20B iaitu kewajipan untuk mendapatkan nasihat di mana saya juga mempunyai persoalan yang sama sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Senator Chandra Mohan tadi iaitu status nasihat yang diberikan oleh Majlis kepada jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri yang berkewajipan untuk mendapatkan nasihat daripada pihak Majlis. Adakah nasihat ini *binding* dan mesti dipatuhi ataupun ia berstatus nasihat yang mana pihak kerajaan negeri ataupun pihak agensi dan jabatan Kerajaan Persekutuan mempunyai pilihan sama ada untuk mematuhi ataupun tidak mematuhi. Itu yang pertama.

Yang kedua, berkait dengan pindaan Seksyen 21A di mana dalam pindaan ini ia telah memasukkan paragraf (*ea*) analisis dan langkah-langkah mitigasi bagi impak sosial dan impak lain sebagaimana yang telah ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan di mana ia telah menggantikan subseksyen (1A) yang menjadikan kehendak menyediakan suatu analisis implikasi sosial dimasukkan dalam Laporan Cadangan Pemajuan sebagai suatu kuasa budi bicara pihak berkuasa negeri.

Saya kira pindaan ini adalah suatu langkah yang tepat agar keperluan analisis dan langkah-langkah mitigasi impak sosial dan impak lain tidak dikesampingkan dan ia menjadi aspek wajib yang perlu dipatuhi oleh semua jenis pemajuan tanpa mengira ia adalah pemajuan yang dibuat oleh pihak swasta mahupun pihak kerajaan seperti JKR, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan dan juga sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya melihat terdapat juga seksyen 21A(2) masih lagi ada ruang pengecualian kepada kehendak LCP ini melalui kuasa pihak berkuasa negeri dengan kaedah-kaedah tertentu. Apakah jenis pembangunan yang boleh dikecualikan kehendak LCP melalui Seksyen 21A dan apakah mekanisme bagi memastikan pengecualian ini tidak digunakan secara tidak munasabah kerana ia merupakan suatu peruntukan yang umum tanpa diikat melalui syarat-syarat khas?

Saya bacakan seksyen 21A(2) yang mana ia menyebut, *"pihak berkuasa negeri boleh melalui kaedah-kaedah mengecualikan apa-apa pemajuan atau kelas, jenis atau kategori pemajuan daripada mengemukakan:*

*(a) suatu laporan cadangan pemajuan di bawah subseksyen (1); atau*

*(b) suatu laporan cadangan pemajuan yang mengandungi mana-mana perkara yang dinyatakan dalam perenggan (1)(a) hingga (g)."*

Saya mohon setakat sehingga hari ini, saya yakin sudah banyak negeri yang telah melalui kuasanya di bawah 21A(2) telah menyediakan kaedah-kaedah bagi mengecualikan LCP ini sebagaimana dalam seksyen ini.

Dan adakah terdapat keseragaman ataupun terdapat perbezaan yang ketara melalui kuasa-kuasa pihak berkuasa negeri melalui kaedah-kaedah yang diluluskan di peringkat negeri masing-masing.

Saya juga ingin memohon kepastian dan juga pencerahan daripada pihak kementerian, bagaimana dengan melalui LCP dan analisa-analisa dan langkah-langkah mitigasi bagi impak sosial ini, mampu kita merapatkan jurang perbezaan antara golongan yang berpendapatan tinggi dengan golongan miskin dalam bandar? Apakah mekanisme polisi ataupun syarat-syarat yang dicadangkan? Adakah terdapat syarat wajib seperti melibatkan mereka dalam peluang-peluang pekerjaan, memberikan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan juga kemudahan-kemudahan sosial kepada masyarakat-masyarakat yang akan diberi terkesan dengan pembangunan-pembangunan yang bakal dijalankan.

Seterusnya, berkait dengan pematuhan dan juga penguatkuasaan LCP, selepas LCP ini diluluskan melalui kebenaran-kebenaran merancang. Jika kita lihat kepada laporan-laporan cadangan, biasanya laporan-laporan cadangan dan kebenaran merancang yang diluluskan ini ialah ia memang merupakan kelulusan yang sangat nampak menarik, sangat ideal, sangat sesuai untuk semua tetapi apa di peringkat akhirnya, apa yang diluluskan, apa yang dirancang tidak sebagaimana pelaksanaannya.

Jadi, perancangan-perancangan yang diluluskan lebih kepada indah khabar daripada rupa. Kita kata kita nak melibatkan golongan miskin, tidak ingin meminggirkan golongan-golongan yang miskin daripada kemajuan. Akan tetapi akhirnya, apa yang kita rancang itu tidak tercapai kerana kelemahan dari sudut pematuhan dan juga penguatkuasaan.

Dari sudut garis panduan, dari sudut kaedah, dari sudut kertas kerja semuanya cantik tetapi dari sudut pematuhan dan penguatkuasaan terdapat banyak kelemahan. Jadi saya mohon kerajaan mengambil berat aspek pematuhan dan penguatkuasaan kepada LCP dan juga kebenaran-kebenaran merancang ini supaya apa yang dasar kita yang tetapkan, polisi yang kita gariskan tercapai. Jadi saya kira itu sahaja apa yang ingin saya bahaskan berkait dengan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Khairiah Mohamed. Saya silakan pula sekarang Yang Berhormat Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin. Dipersilakan *[Tepuk]*

**5.18 ptg.**

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin:** Pertamanya terima kasih banyak-banyak Tuan Yang di-Pertua. Hari ini sudah ada, boleh tukarlah nama depan.

*Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak mengucapkan jutaan terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut sama berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 pada petang yang berbahagia ini.

Saya juga bersama dengan kawan-kawan yang lain mungkin ke arah perkara yang sama hendak dikongsi. Pertamanya hendak mengetahui sejauh mana kuasa yang ada pada kementerian dalam hendak mengarahkan supaya kerajaan negeri mesti mematuhi undang-undang yang sudah diputuskan nanti.

Saya tertarik tadi bila ada rakan-rakan yang bercakap soal mesti tidak melanggar peraturan, tidak melibatkan perkara-perkara yang terkeluar daripada Perlembagaan Persekutuan sebab ia ada termaktub seperti laut, tambak laut dan sebagainya.

Akan tetapi, yang ini saya seronok dengar, untuk makluman Yang Berhormat Menteri sebab bila bercakap soal kepentingan negeri, tiba-tiba Perlembagaan Persekutuan ini diangkat dengan begitu tinggi sekali. Akan tetapi bila buat perkara-perkara yang pelik-pelik, bila pergi atas jalan raya, maki hamun semua, Perlembagaan Negara dimasukkan di bawah perkara yang paling akhir.

**■1720**

Jadi saya hendak mencadangkan dan minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, pertama sekali ialah sejauh mana keberkesanan rang undang-undang ini nanti dalam hendak memaksa atau mengarahkan kerajaan negeri supaya mematuhi peraturan ini. Sebab saya hendak ambil satu contoh yang berlaku di negeri Selangor. Kes yang berlaku di Datum Jelatek. Datum Jelatek ini saya fikir dan menjadi *national issue,* dengan izin. Semua orang tahu apa yang berlaku di Datum Jelatek.

Hari ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Menteri sendiri, akibat kerakusan Kerajaan Negeri Selangor untuk meneruskan projek Datum Jelatek itu, tahu atau tidak kesannya hari ini? Klinik Kesihatan yang berada di Datuk Keramat itu tutup sebab keretakan yang berlaku kepada klinik itu akibat daripada projek Datum Jelatek ini, akhirnya klinik itu dipindahkan ke Setiawangsa. Orang-orang yang hendak mendapatkan perkhidmatan kesihatan, orang-orang yang sudah tua, uzur dan sebagainya terpaksa pergi ke Taman Setiawangsa sekarang.

Kedua, berapa banyak rumah yang berada di Datuk Keramat itu silingnya runtuh, lantainya retak kerana projek itu dibuat pagi petang, siang dan malam, *24 hours round the clock?* Kesesakan lalu lintas berlaku di situ dengan cukup luar biasa sekali. Perkara yang keempat Tuan Yang di-Pertua, apakah yang berlaku? Kawasan masuk ke LRT ditutup oleh pemaju Datum Jelatek. Sebab apa? Tidak ada satu undang-undang yang boleh mencegah kerajaan negeri supaya tidak memajukan projek dengan sesuka hati mereka.

Sebab itulah saya rasa cukup seronok hari ini dan ucap tahniah kepada kakak yang amat saya kasihi dan manis sentiasa kerana membentangkan satu rang undang-undang ini yang saya rasa kena dan tepat pada waktunya tetapi yang penting sekali ialah pelaksanaannya. *How could we enforce* kepada kerajaan negeri supaya mereka mesti mematuhi SIA ini, *Social Impact Assessment,* dengan izin? Maknanya sejauh mana keberkesanan SIA nanti selepasnya rang undang-undang ini dibuat, adakah hanya macam kata sahabat saya Yang Berhormat Senator Chandra Mohan tadi, jangan hanya menjadi satu *academic paper* sahaja?

Jadi sebab itulah saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, perkara ini mesti mendapat- gunalah apa cara sekalipun. Kalau boleh, bawalah kepada Kabinet. Pastikan di Kabinet diluluskan dan diarahkan kerajaan negeri untuk ikut. Ini belum cerita lagi hendak berlaku di Pulau Pinang. Segala laut sudah ditambak dah. Selepas ini hendak buat macam-macam lagi. Takut lama-lama pulau itu pun tenggelam. Berapa ramai nyawa rakyat nanti yang akan terkorban kerana kerakusan kerajaan negeri yang pagi petang siang malam hendak memikirkan hendak membuatkan pembangunan tanpa mengambil aspek-aspek kepentingan dan keselamatan rakyat.

Jadi saya bercakap ini ada kes yang boleh dirujuk. Datum Jelatek ini adalah satu benda yang memang sedang menyusahkan rakyat kerana tidak ada satu undang-undang yang boleh menyekat kerajaan negeri daripada melaksanakan projek-projek pembangunan dengan sesuka hati.

Jadi saya fikir itu sahaja yang saya tanya penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana keberkesanan rang undang-undang ini nanti dalam menyekat negeri-negeri bagi melakukan projek. Dengan itu, saya juga menyokong Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa pada petang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat, tadi adalah hadiah hendak bagi kepada saya, ceritakan pasal Datum Jelatek ini. Datum Jelatek ini Selangor, rumah saya Wilayah. Sempadan rumah saya. Dulu tiap-tiap malam saya tengok adanya tunjuk perasaan demi tunjuk perasaan. Habis rumah PKNS itu dirobohkan, dimusnahkan. Jadi akhirnya orang kampung itu menunjuk perasaan. Datum, masih *datum*. Saya harap ada lah satu tindakan diambil pada Datum supaya jangan berdatum.

Saya minta pula sekarang ini Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat.

**5.25 ptg.**

**Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat:** *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta dalam membahas rang undang-undang bertujuan untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, dan rang undang-undang ini ialah dengan memasukkan seksyen baru 20A dan juga membuat pindaan kepada seksyen 21A.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa rang undang-undang ini ataupun pindaan ini sepatutnya telah lama dibuat kerana memandangkan aktiviti-aktiviti penebusan ataupun penebusgunaan pinggir laut sering berlaku di negeri-negeri dan juga di pinggir-pinggir sungai. Ini semua ialah akibat daripada keghairahan kita untuk memajukan pembangunan fizikal dan ini semua ialah akibat daripada perancangan-perancangan ataupun yang kita panggil *proposal* daripada pemaju dan juga kerajaan.

Dengan melakukan penebusgunaan tanah, sungai ataupun laut ini, ia telah memberi *impact environment* yang banyak dan juga termasuk impak kepada ekonomi dan lebih-lebih lagi seperti tujuan rang undang-undang ini ialah untuk melihat bagaimana impak sosial dapat dikurangkan. Mengikut subseksyen 20A(2), tujuan untuk mengadakan cadangan pindaan ini ialah untuk hendak memastikan terdapat analisa ataupun langkah-langkah mitigasi yang diserahkan kepada kerajaan untuk kajian dan ini bertepatan kerana sebahagian daripada Kerajaan Persekutuan ataupun agensi Kerajaan Persekutuan dan juga agensi negeri yang telah melakukan pembangunan tanpa merujuk kepada Majlis Perancang Fizikal Negara dan kadang-kadang ia tidak menepati kehendak rakyat setempat.

Contohnya yang terdapat di negeri Kelantan iaitu pembinaan Lembah Sireh di mana sebahagian besar daripada sungai yang meliputi 1,000 ekar lebih telah ditebus gunaan untuk pembangunan fizikal termasuklah untuk pembangunan komersial dan juga penempatan awam tetapi pada ketika itu, tidak ada *Social Impact Assessment* yang telah dilakukan. Akibatnya, mereka ataupun penduduk ataupun rakyat tidak diberi *compensation* ataupun dalam bahasa Melayunya ialah tidak diberi pampasan yang sewajarnya dan sebahagian daripada mereka ialah pemegang-pemegang TOL ataupun *Temporary Occupation License* untuk menjalankan kegiatan pertanian seperti menanam tembikai dan sebagainya. Akan tetapi mereka telah diusir ataupun telah di-*displace* oleh sebab pihak swasta perlu memajukan kawasan itu untuk pembangunan komersial dan juga penempatan awam. Kesan daripada itu, mereka telah...

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Mohon mencelah.

**Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Saya rasa elok saya habiskan dahulu, kemudian Yang Berhormat boleh celah ya ataupun boleh teruskan. Kesan daripada itu, terdapat *displacement* mereka yang telah pernah menjadi petani di situ dan terpaksa berhenti kerja, terpaksa berhenti daripada menjadi petani ataupun penanam sayur ataupun penanam buah-buahan. Ini semua memberi kesan kepada pekerjaan dan pendapatan mereka.

Seterusnya, keuntungan kepada kerajaan negeri adalah minimum, yang untungnya ialah pihak swasta. Jadi saya rasa elok sangat selain daripada kita menjalankan kajian *impact environmental,* kita juga perlu membuat kajian impak sosial yang sangat penting untuk memastikan rakyat kita tidak teraniaya. Saya pasti kesemua laporan cadangan ini akan melalui proses apa yang kita panggil OSC ataupun *one-stop centre* ataupun pusat setempat... *[Seorang Ahli bangun]* Ya, Yang Berhormat.

**■1730**

**Puan Hajah Khairiah binti Mohamed:** Saya mohon mencelah fasal pembangunan Lembah Sireh, sikit sahaja.

Apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tentang penduduk setempat tidak mendapat pampasan? Sebab sefaham saya, semuanya yang apabila terlibat dengan pengambilan balik tanah, semuanya telah diberi pampasan sewajarnya melalui Akta Pengambilan Balik Tanah, sama ada pemegang TOL, yang ada *title*, menyewa dan sebagainya, semuanya telah pun diambil kira.

Keduanya, sememangnya pada masa itu tidak ada *requirement* dari sudut undang-undang secara wajib, mewajibkan apa yang kita buat hari ini impak sosial.

Akan tetapi kerajaan negeri telah pun mengambil kira beberapa impak sosial, terutamanya peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat, di mana hari ini terbukti beribu-ribu peluang pekerjaan kepada anak-anak muda Kelantan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Saya mengatakan bahawa pampasan sewajarnya tidak diberi kepada mereka. Bayangkan satu ekar pemegang TOL hanya dibayar setahu saya tidak sampai pun RM5,000. Saya rasa ini sangat penting untuk kita menilai semula bagaimana pampasan itu diberi kepada penanam sayur ataupun buah-buahan. Impak sosial lain ialah *displacement* ataupun mereka terpaksa mencari pekerjaan lain ataupun tempat lain untuk meneruskan aktiviti penanaman sayuran ataupun buah-buahan.

Mereka ini ialah orang tua. Saya tidak yakin bahawa mereka akan beri peluang untuk bekerja di *supermarket*. Saya tidak yakin mereka diberi peluang untuk menjadi penjaga parkir ataupun *parking* di kawasan Lembah Sireh. Sebab itu saya rasa ini telah menjejaskan kehidupan mereka seharian dan juga menjejaskan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam proses pemajuan ini sudah tentu saya rasa proses ini akan melalui OSC ataupun *one-stop centre* ataupun apa yang dipanggil pusat setempat. Tujuan kerajaan mengadakan pusat setempat ini sangat baik untuk memastikan kelancaran sistem penyampaian kerajaan akan berjalan dengan baik. Akan tetapi apa yang berlaku, saya ingin memaklumkan kepada pihak Menteri ataupun pihak kementerian, tidak seperti yang dirancang oleh kerajaan, tidak mendapat hasil yang sepatutnya kita dapat. Ini saya meminta supaya kementerian dapat memberi perhatian untuk memberi penambahbaikan kepada sistem penyampaian melalui OSC.

Pertama, mengenai masa. Sepatutnya apabila kita ada *one-stop centre,* di mana kesemua jabatan bermesyuarat dalam satu bulan dua kali, sepatutnya proses laporan kemajuan dapat diluluskan dengan cepat. Akan tetapi sebaliknya, laporan kemajuan perancangan telah lewat diluluskan. Kadang-kadang apabila satu-satu jabatan tidak hadir ataupun wakil jabatan tidak hadir, maka mesyuarat itu terpaksa ditangguhkan. Ini telah melewatkan proses kelulusan kemajuan perancangan ataupun proses laporan cadangan pemajuan.

Ia mengambil kos ataupun mengambil masa yang lama dan sudah tentu melibatkan kos yang tinggi. Jadi, saya memohon pihak kementerian supaya melihat semula, *revisit* proses OSC itu supaya ia menjadi lebih mantap, lebih menyokong dan lebih pro-rakyat dan dapat mempercepatkan lagi proses pembangunan negara kita. Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang saya hendak maklumkan dalam Dewan ini dan saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat.

Akhirnya, Yang Berhormat Dato' Indera Hoh Khai Mun. Sila.

**5.34 ptg.**

**Dato' Indera Hoh Khai Mun:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai permulaan saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai Perbahasan Rang Undang-undang Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016 atau juga dikenali sebagai Akta 172 yang telah dikemukakan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau KPKT.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada persidangan Parlimen yang lepas saya telah menyeru dan mencadangkan agar penilaian impak sosial atau SIA diwajibkan agar keperluan rakyat diambil perhatian. Maka, saya di sini amat suka cita apabila KPKT mengemukakan pindaan Akta 172 dengan merangkumi keperluan SIA. KPKT juga telah membuat pindaan lain agar keperluan SIA diwajibkan ke atas cadangan projek pembangunan di peringkat Persekutuan, negeri dan pihak swasta serta individu.

Salah satu kelebihan SIA ialah menggalakkan perbincangan kerajaan atau kementerian dengan rakyat untuk mengurangkan isu percanggahan mengenai cadangan projek yang akan dibangunkan di sesuatu kawasan atau lokasi.

Penglibatan masyarakat setempat dan cadangan projek mencerminkan kematangan kementerian dalam prosedur pentadbiran, terutamanya cadangan projek yang melibatkan proses pengambilan tanah dan peralihan sesuatu kelompok masyarakat. Saranan daripada keperluan SIA, Majlis Perancang Fiskal Negara (MPFN) di bawah Akta 172 juga berhak untuk menuntut laporan penilaian impak tambahan seperti *Environmental Impact Assessment* (EIA), *Traffic Impact Assessment* (TIA), *Heritage Impact Assessment* (HIA), *Fisheries Impact Assessment* (FIA) dan lain-lain, dengan izin.

Ini saya amat sokong kerana dapat memastikan agar cadangan projek tidak menjejaskan kelangsungan aktiviti keperluan lain serta dianalisis bersama SIA. Walaupun begitu, masih terdapat beberapa perkara yang ingin saya cadangkan kepada kementerian agar pindaan Akta 172 lebih menyeluruh untuk jangka masa yang panjang mengikut arus pembangunan. Cadangan yang akan saya kemukakan ini diharapkan kementerian dapat laksanakan di peringkat sama ada garis panduan atau peraturan, sekiranya tidak dapat dimasukkan ke dalam pindaan akta kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penguatkuasaan keperluan SIA ke atas cadangan projek pembangunan di peringkat kerajaan negeri. Dengan merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai Bersama, perkara mengenai perancangan bandar dan desa tanggungjawab bersama di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri. Tanggungjawab yang dirujuk adalah kedua-duanya mempunyai kuasa Eksekutif dan kuasa pembubaran undang-undang yang berkaitan dengan pembangunan bandar dan desa.

Namun begitu, Perlembagaan Persekutuan juga telah memperuntukkan sesetengah perkara seperti tanah, termasuk isu penambakan pinggir laut, hutan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Maka, keperluan SIA di Akta 172 ini dijangkakan akan mengalami kekangan kerana kerajaan negeri mempunyai kuasa untuk menolak pelaksanaan SIA bagi sesuatu cadangan projek pembangunan. Pada masa yang sama, tiada satu peruntukan memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan untuk menguatkuasakan peruntukan SIA ke atas kerajaan negeri.

Saya ingin membangkitkan satu situasi mengenai *overlapping power,* dengan izin, dalam konteks SIA. Kegiatan perlombongan bauksit di Kuantan, Pahang telah memberikan satu renungan yang penting apabila permit dan lesen untuk melombong adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Sekiranya analisis impak penduduk atau komuniti setempat telah dijalankan di bawah EIA dan SIA, maka kesan negatif perlombongan bauksit adalah lebih minimum berbanding dengan keadaan sekarang.

**■1740**

Situasi lain yang dijangka memberikan tekanan kepada penduduk atau komuniti setempat ialah projek penambakan pinggir laut di negeri Melaka, Johor dan Pulau Pinang apabila penduduk atau komuniti setempat mengalami perubahan demografi serta ekonomi.

Dengan itu, persoalannya ialah apakah kaedah atau strategi yang akan dilaksanakan oleh kementerian untuk meyakinkan kerajaan negeri agar SIA diterima pakai bagi semua cadangan projek pembangunan di peringkat negeri? Kerajaan negeri perlu memahami keperluan SIA sebenarnya dapat memastikan pembangunan mapan dan lestari dapat dicapai melalui keputusan kolektif bersama masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bantahan dan tekanan daripada komuniti setempat terhadap cadangan projek, pindaan Akta 172 dengan merangkumi keperluan SIA akan memperkukuhkan seksyen lain di dalam Akta 172, seperti seksyen 7, dan seksyen 20A. Ini adalah kerana pindaan Akta 172 memastikan bahawa sebarang bantahan dan tekanan daripada penduduk atau komuniti setempat telah dikenal pasti pada peringkat awal cadangan projek.

Pindaan Akta 172 juga secara tidak langsung mendapatkan hak penduduk atau komuniti untuk memberikan pandangan atau bantahan terhadap cadangan projek. Bantahan dan tekanan yang telah dikenal pasti sebelum projek dilaksanakan akan mengurangkan kos dan kesan luar jangka yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan atau swasta. Walaupun begitu, pindaan Akta 172 yang mewajibkan SIA tidak menyatakan dengan jelas mengenai kadar dan peratusan persetujuan atau bantahan orang awam, komuniti setempat bagi sesuatu kawasan primer atau sekunder.

Tambahan pula, kewajipan SIA bagi suatu cadangan projek hanya akan dilaksanakan sekiranya seksyen 22(2A), Akta 172 dipenuhi. Seksyen tersebut menetapkan layanan terhadap bantahan akan diteliti jika bantahan tersebut melibatkan pembangunan suatu perbandaran baru bagi penduduk yang lebih 10,000 atau meliputi sebuah kawasan yang lebih daripada 100 hektar atau kedua-duanya.

Maka di sini dicadangkan agar kementerian menetapkan kadar atau peratusan persetujuan atau bantahan bagi *sample size,* dengan izin, SIA. Kementerian juga disaran agar merujuk SIA daripada negara lain seperti di India untuk menambahbaikkan manual yang sedia ada oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa.

Kerajaan India di bawah *Land Acquisition Rehabilitation and Resettlement Act* (LARR), dengan izin, dalam menetapkan apabila melaksanakan SIA, persetujuan 70 hingga 80 peratus komuniti setempat diperlukan bagi sesuatu cadangan projek pembangunan.

Pertikaian juga akan timbul kerana tanpa ketetapan kadar atau peratusan *sample size,* dengan izin, SIA, ketulenan hasil tinjauan akan dipersoalkan dan tidak mencerminkan keinginan penduduk setempat secara menyeluruh. Pertikaian telah berlaku kepada penilaian bebas yang dijalankan oleh kerajaan ke atas cadangan projek lebuh raya *Kinrara-Damansara Expressway* (KIDEX), dengan izin, di Petaling Jaya.

Penetapan kadar atau peratusan sedemikian amat penting bagi memastikan atau membolehkan satu cadangan projek pembangunan tersebut dibatalkan, dipertimbangkan atau direka semula. Cadangan projek pembangunan seperti pembinaan empangan air, loji jana kuasa nuklear akan menyebabkan IDP atau *internally displaced people,* dengan izin, yang ramai dan kesannya yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan langkah-langkah mitigasi atau pilihan pembangunan terbaik, selain daripada menguatkuasakan SIA di dalam pindaan seksyen 21A, Akta 172, analisis dan langkah-langkah mitigasi juga telah diberikan penekanan bagi hasil tinjauan SIA yang negatif di mana usaha ini amat dialu-alukan. Akan tetapi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian mengenai kebolehan pelaksanaan langkah mitigasi yang akan dicadangkan dalam SIA.

Situasi pertama. Jika timbul penolakan oleh penduduk atau komuniti setempat terutamanya masyarakat pribumi terhadap cadangan langkah-langkah mitigasi seperti penempatan semula, apakah langkah-langkah berikut yang akan dilaksanakan bagi menangani isu ini? Dijangkakan isu tersebut akan dibawa ke peringkat atau prosedur mahkamah untuk ditentukan. Ini membuktikan kelemahan SIA untuk menangani isu atau bantah.

Situasi lain yang berkemungkinan berlaku ialah percanggahan dua laporan penilaian impak untuk sesuatu cadangan projek pembangunan. Sebagai contoh, cadangan projek pembinaan lebuh raya, penilaian EIA kerap menunjukkan kesan negatif tetapi bagi penilaian SIA tidak semestinya menunjukkan kesan yang sama dengan EIA dan kadangkala juga hasil positif. Situasi ini akan timbul apabila komuniti setempat mendapati pembinaan lebuh raya memudahkan dan memendekkan masa perjalanan mereka tetapi terpaksa mengorbankan alam sekitar. Jika berlaku sedemikian, apakah bentuk-bentuk mitigasi yang akan dicadangkan oleh kementerian bersama dengan agensi lain untuk memastikan keseimbangan situasi sedemikian diatasi?

Dengan ini, saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dato' Indera Hoh Khai Mun. Rang Undang-undang Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 2016 telah kita bincang dengan lebih mendalam tadi. Seramai tujuh orang Senator berucap dengan baik dan bernas. Sekarang saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun mengambil bahagian.

Yang pertama, Yang Berhormat Senator- saya tidak susun ikut satu, dua, tiga. Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, orang kampung ini, tanya banyak pula; Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah, adinda saya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat; Yang Berhormat Senator Engku Naimah; dan Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun. Seramai tujuh orang yang mengambil bahagian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjelaskan sedikit. Sekiranya rang undang-undang ini tidak diluluskan, apakah akan berlaku? Sekiranya rang undang-undang ini tidak diluluskan, apakah yang akan berlaku sebenarnya? Apa akan berlaku ialah pertama, tanpa penilaian impak sosial yang komprehensif ini, Tuan Yang di-Pertua, aktiviti pembangunan ia akan menjejaskan soal yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat setempat.

**■1750**

Ini seperti perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, pemindahan penduduk kepada kawasan yang sepatutnya tetapi tidak dirancang dengan baik, pemisahan fizikal masyarakat ataupun komuniti, kehilangan pekerjaan yang dibangkitkan, kemasukan budaya asing dan faktor-faktor negatif lain termasuklah peningkatan jenayah dan sebagainya. Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, sekiranya rang undang-undang ini tidak diluluskan tanpa mendapat nasihat daripada Majlis Perancang Fizikal Negara Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan apa-apa projek penebusgunaan pinggir laut dan pembinaan infrastruktur negara, ini dua perkara yang kita bentangkan dalam pindaan yang kita bawa pada hari ini. Aspek-aspek keperluan penyelarasan teknikal termasuk penyelarasan di antara negeri-negeri. Kita hendak buat *high speed rail*, jadi melibatkan contoh negeri Johor, negeri Melaka, Negeri Sembilan, negeri Selangor yang sepatutnya penyelarasan di antara negeri-negeri tidak akan dapat dibuat dengan sebaik mungkin. Takkan SPC negeri masing-masing hendak bawa cadangan ke atas projek masing-masing kepada Majlis Perancang Fizikal Negara. Itu yang pertama.

Keduanya, selain daripada penyelarasan di antara negeri-negeri yang tidak akan dapat dibuat secara baiknya, kepentingan sosioekonomi, alam sekitar, keselamatan di peringkat negara itu tidak dapat diambil kira dalam satu-satu perancangan projek nasional, projek utama yang melibatkan sempadan negeri-negeri.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, tanpa adanya rundingan di peringkat Majlis Perancang Fizikal Negara ini, berkaitan dengan cadangan projek yang ada kepentingan negara yang merentasi negeri-negeri, beberapa buah negeri, ia akan menjejaskan penerimaan projek dan juga kelancaran pelaksanaan projek tersebut di negeri-negeri yang berkenaan.

Keempat, tanpa adanya proses penilaian impak sosial di peringkat perancangan projek, penentuan lokasi projek, komponen projek, susun atur projek tidak akan dapat dibuat dengan tepat dan memenuhi kehendak rakyat setempat. Akhirnya dia akan menyebabkan banyak bantahan penduduk, peningkatan kos untuk membetulkan kembali impak sosial, kegagalan projek serta mungkin akan menyebabkan lain-lain masalah sosial yang lain.

Kelima Tuan Yang di-Pertua, sekiranya rang undang-undang ini tidak disokong dan tidak diluluskan, sekiranya Yang Berhormat Chandra Mohan tidak menyokong, Yang Berhormat Dr. Ariffin tidak menyokong dan lain-lain tidak menyokong, maknanya projek pembangunan tidak mengambil kira impak sosial kepada rakyat setempat...

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** *[Bangun]*

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Belum, belum. Nanti, belum masuk lagi. Baru sebut nama sahaja. Baru acah sahaja. Orang kampung, kita boleh bisik di belakang nanti.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Bukan fasal nama. Tidak ada, bukan fasal nama. Cuma sebelum jawab, kalau saya cakap sedikit *then* masa jawab itu senang sedikitlah.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Tidak. Ini saya beri gambaran menyeluruh sambil menyebut orang Kluang. Mengganggu betullah Yang Berhormat Chandra Mohan ini... *[Ketawa]* Sekiranya projek pembangunan dia tidak mengambil kira impak sosial kepada rakyat setempat dan tidak membuat langkah-langkah mitigasi terhadap impak projek tersebut kepada rakyat, maka soal kesejahteraan rakyat akan terjejas, pelaburan kerajaan tidak akan mendapat kesan negatif secara jangka panjang, aspirasi kerajaan untuk mencapai pembangunan mampan dan inklusif untuk kesejahteraan rakyat tidak akan tercapai. Ini ialah implikasi sekiranya rang undang-undang ini tidak disokong pada hari ini untuk kita luluskan.

Berbalik kepada persoalan-persoalan yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan membangkitkan apa kesan. Dia tidak ada *legal binding. No legal binding*. Rang undang-undang ini tidak ada *legal binding* kepada kerajaan-kerajaan negeri. Jadi apa kesan sekiranya kerajaan negeri enggan untuk menerima pakai dan tetapkan tarikh kuat kuasa seperti yang ditetapkan dalam subseksyen 1(3), Akta 172 ini.

Jadi saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat, perkara berkaitan dengan perancangan bandar dan desa ini, dia di bawah Senarai Bersama, *Concurrent List*, Senarai Bersama di dalam Perlembagaan Persekutuan. Jadi oleh sebab itu Yang Berhormat, kedua-dua kerajaan, Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri mempunyai kuasa dalam pelaksanaan masing-masing. Kerajaan Persekutuan ada kuasanya, kerajaan negeri juga ada kuasanya. Jadi, masing-masing ada kuasa. Ada di antara kuasa itu yang dikongsi bersama. Dalam *Concurrent List* itu dikongsi secara bersama untuk pelaksanaannya.

Jadi apabila rang undang-undang ini nanti Yang Berhormat Chandra Mohan setuju untuk luluskan dengan Yang Berhormat Dr. Ariffin dan semua rakan Senator yang lain yang telah pun menyokong daripada awal, apabila dia diluluskan di peringkat Dewan Negara ini, dewan yang tertinggi, maka proses penerima pakainya perlu dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa negeri. Jadi, ini akan memerlukan kelulusan untuk mereka bawa dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masing, seterusnya untuk diwartakan. Apabila telah diwartakan, maka barulah pindaan-pindaan yang kita sebutkan dalam rang undang-undang ini dapat dilaksanakan di peringkat negeri.

Seterusnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan juga, peruntukan semasa dalam akta ini, Yang Berhormat menyatakan sudah memadai. *Wasting time bringing this bill to* Dewan Negara, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Actually it's not wasting time, it is very important,* dengan izin. Jadi kata Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan, peruntukan semasa dalam akta sedia ada sudah memadai. Apakah implikasi nasihat MPFN sekiranya tidak dipatuhi kepada kerajaan-kerajaan negeri?

Jadi saya hendak menyebutkan Tuan Yang di-Pertua, walaupun dalam seksyen 2, akta semasa telah pun menyenaraikan fungsi-fungsi Majlis Perancang Fizikal Negara, selepas ini saya akan sebut sebagai MPFN, di dalam memberikan nasihat, namun ia telah pun mencakupi keseluruhan fungsi umum dalam MPFN di dalam memberikan nasihat. Pindaan pada kali ini ia lebih memberikan penekanan khusus kepada keperluan penilaian impak sosial dalam pembangunan projek-projek infrastruktur utama negara seperti yang saya sebutkan semasa saya baca dan membentangkan usul yang berkenaan.

Jadi, nasihat yang diberikan oleh MPFN ini Yang Berhormat, merupakan nasihat yang telah pun dirunding samakan dengan pihak kerajaan negeri. Sebelum kita bawa dalam mesyuarat MPFN, pihak kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia akan mengadakan rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri. Selepas kita ada rundingan dengan kerajaan-kerajaan negeri, akhirnya kertas ini akan diangkat kepada mesyuarat MPFN. Dalam mesyuarat MPFN itu akan dibincangkan dengan lebih lanjut. Jadi, telah dirundingkan dengan kerajaan negeri dan juga dengan kementerian-kementerian yang berkaitan sebagai platform untuk satu keputusan yang kolektif.

Kita di peringkat Kerajaan Pusat ini Yang Berhormat, yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib ini, Kerajaan Barisan Nasional ini, walaupun kita Kerajaan Pusat dan walaupun kita semua kerajaan ini kecuali tiga buah kerajaan negeri, kita tidak pernah membuat keputusan atas kuasa yang telah diperuntukkan ke atas Kerajaan Pusat semata-mata.

Akan tetapi apabila kita membicarakan soal kesejahteraan rakyat, ia merangkumi negeri-negeri yang lain, maka urusan konsultasi itu akan diadakan dengan baik dengan semua kerajaan negeri termasuklah Pulau Pinang, Selangor dan juga Kelantan.

Saya juga ingin jelaskan, MPFN ini saya sudah terangkan tadi bila saya bentangkan rang undang-undang itu, bila ditubuhkan dan sebagainya. Saya hendak berikan keyakinan kepada Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah, kepada Yang Berhormat Dr. Ariffin terutamanya yang membangkitkan soal ini tadi. Walaupun MPFN ini dia dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dia dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi nasihat, keputusan yang dibuat dalam mesyuarat MPFN ini ia keputusan mesyuarat hasil daripada mesyuarat yang bersifat kolektif, muafakat. Di mana MPFN ini dipengerusikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dianggotai oleh Menteri-Menteri ada kepentingan dalam projek-projek negara, projek-projek utama yang saya sebutkan tadi dan dianggotai oleh semua Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Walaupun dia seorang- tadi Yang Berhormat Dr. Ariffin kata yang ada wakil negeri seorang sahaja, Menteri Besar, Ketua Menteri, mana boleh lawan. PM yang mempengerusikan, lepas itu Menteri-menteri lain ada, mana boleh lawan dengan apa juga keputusan yang diperlukan oleh negeri apabila negeri bawa dalam mesyuarat MPFN ini.

Saya hendak maklumkan, mungkin Yang Berhormat tidak ada dalam mesyuarat itu dan tidak akan berada dalam mesyuarat itu. Saya ada dalam mesyuarat itu kerana mesyuarat itu urus setia dia ialah pihak kementerian. Jadi apa juga masalah yang dibangkitkan, dalam mesyuarat MPFN yang lalu, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka telah pun membangkitkan beberapa perkara yang dibincangkan secara terbuka. Tidak ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengerusi kepada MPFN mengatakan, *"Awak Ketua Menteri dari negeri pembangkang, tidak payahlah cerita lebih. Hantar sahaja dan kita akan pertimbangkan".* Tidak. Boleh dibentangkan, dibincangkan dan keputusan itu dibuat secara kolektif.

Jadi, saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Puan Hajah Khairiah, Yang Berhormat Dr. Ariffin semua dengan Yang Berhormat Tuan Chandra Mohan, *don't be* khuatir. *Don't worry Sir because* walaupun Yang Amat Berhormat *chair the meeting*, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempengerusikan mesyuarat yang dihadiri oleh Menteri-Menteri yang berkaitan, kedudukan Menteri Besar dan Ketua Menteri itu adalah tinggi dalam mesyuarat MPFN kerana dia mewakili kepentingan rakyatnya dan negerinya.

Yang Berhormat hendak mencelah? Okey.

**■1800**

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Supaya boleh tarik nafas Yang Berhormat Menteri *[Ketawa]* Tak ada, ini fasal dia sebuah kampung dengan saya.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini hati baik.

**Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah:** Ya dia hati baik. Orangnya pun baik. Berbalik kepada penjelasan tadi juga isu *waste of time* ini. Tadi bila saya bahas- saya bahas daripada dua aspek. Satu daripada segi konsep dia dan lagi satu daripada konteks dia. Daripada segi konsepnya pada mulanya *I* sudah cakap *I* terima daripada segi konteksnya *social impact assessment*, keperluan *social impact assessment*, keperluan pengawalan, kawal selia dan semuanya.

Saya akhiri dengan *waste of time* seperti *I* cakap dalam konteks itu dalam segi *legal binding powers of* akta ini. Pada saya kalau kita tengok *any law*, dua aspek sahaja pada saya. Satu, *we must be able to enforce that law*. Yang kedua, *we must be able to monitor the enforcement*. Pada saya dalam konteks saya cakap ini pada sini *I* lihat *it's not legally binding. Highly persuasive* saya terima tetapi *not legally binding*. Akan tetapi *I* baca ini dalam konteks kalau kita balik kepada *Principle Act* 21B, sub 2. Kalau kita masuk kalau kita tengok, kita buang subseksyen 1, kita masuk sebagai *ea* dalam 20B ini. Akan tetapi kita balik kepada 21B ini subseksyen 2 ini diberi pilihan kepada *state. That is what I meant* dalam konteks itu.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Okey Yang Berhormat. Nasib baik kalau tak bila Yang Berhormat balik Kluang saya pasang *barricade* tu tak boleh masuk sempadan Batu Pahat, Ayer Itam dengan Kluang... *[Ketawa]* Kenapa tidak boleh masuk?

Kerana tidak menyokong kepada rang undang-undang untuk kesejahteraan rakyat. Jadi kita tulis kat papan tanda itu. Okey terima kasih lagi.

*So* saya sudah terangkan tadi dan mungkin agaknya ada persoalan sama ada pindaan ini adakah dia *unconstitutional* memandangkan tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kerajaan negeri mempunyai kuasa hendak mengguna pakai ataupun tidak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan dan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin tadi. Saya hendak jelaskan- saya sudah jelaskan tadi Perancangan Bandar dan Desa ini di bawah Senarai Bersama dalam Perlembagaan Persekutuan, Senarai Bersama.

Jadi dua-dua ada kuasa, masing-masing ada kuasa dan ada yang dikongsi secara bersama atas *concurrent list* dikongsi secara bersama dan hasrat itulah sebenarnya yang diletakkan dalam rang undang-undang ini iaitu di bawah Senarai Bersama apa kekuatannya perundingan, konsultasi. *I've mentioned that earlier*, konsultasi, dengan izin, ya. Akta yang digubal ini Tuan Yang di-Pertua, dia memberikan empat faedah di bawah undang-undang semasa ini bagi pindaan ini dia memberikan empat faedah.

Saya kena jelaskan sedikit ni supaya kita tidak *confused*. Kita tak *confused.* Kita tidak ada niat lain kecuali dua perkara itu sahaja. Tidak ada niat lain. Tidak ada niat hendak mengambil alih kuasa kerajaan negeri ada sesetengah pendapat mengatakan bahawa rang undang-undang ini dengan sengaja hendak mengambil kuasa kerajaan negeri. *No*, tidak ada niat untuk mengambil kuasa kerajaan negeri. SPC masih lagi dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri. Yang itu ialah mekanisme yang ada di peringkat negeri. Masih difungsikan. *State is state matter* dan ini tidak ada apa-apa unsur atau niat mahu mengambil walau sedikit pun kuasa daripada kerajaan negeri.

Jadi empat perkara yang terdapat dalam pindaan ini yang pertama untuk kita selaraskan proses-proses perancangan yang saya sebutkan yang berkaitan dengan dua seksyen itu.

Kedua, memastikan perundingan dijalankan dengan baik sehingga kita mencapai keputusan yang bersama antara pihak kementerian iaitu Kerajaan Pusat- Kerajaan Persekutuan dengan pihak kerajaan negeri. Memastikan perundingan ini dijalankan dan akhirnya mendapat keputusan yang baik.

Yang ketiga, menggalakkan supaya dengan adanya peruntukan yang melalui pindaan yang kita buat melalui rang undang-undang ini, dia akan secara tidak langsung walaupun *it's not legally binding*. *It's not legal binding*. *Not legally binded and not legal binding*.

Walaupun tidak ada peruntukan itu tetapi dia akan menggalakkan kerajaan-kerajaan negeri supaya buat *self-regulation. Self-regulate* amalan perancangan yang baik di negeri masing-masing ke arah pembangunan mampan yang diharapkan *because* kita percaya dengan kerajaan negeri dan bila ada peranan majlis fizikal negara ini, Tuan Yang di-Pertua kita tak perlu hendak *dictate* kerajaan negeri seolah-olah macam kita tidak percaya dengan kerajaan negeri kerana rancangan fizikal negara ada, rancangan struktur negeri ada, rancangan tempatan daerah ada. Kita percaya dan yakin dengan kerajaan negeri.

Maka oleh sebab itu kita buat *consultation* dan kita menasihati kerajaan negeri kerana kesefahaman itu sudah ada selama ini melalui konsultasi yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Walaupun tanah ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan perkara yang berkaitan dengan bidang perancangan bandar dan desa ini terletak dalam Senarai Bersama maka ia akan melengkapi antara pihak Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri.

Dan Akta Perancangan Bandar dan Desa ini Tuan Yang di-Pertua, dia sangat penting kerana dia melengkapkan lagi proses pentadbiran tanah di bawah Kanun Tanah Negara (KTN). Di mana KTN menguruskan pentadbiran hal ehwal tanah manakala Akta 172 ini menguruskan perkara berkaitan perancangan dan penggunaan setiap plot tanah yang ada. Dia *supplement and complement*.

Seterusnya saya pun hendak terangkan di bawah *concurrent list* ini sekiranya kerajaan negeri tidak melaksanakan dan tak nak pakai, degil tak nak pakai.

Ada kerajaan negeri, dia hendak tunjuk dia pandai, dia hendak tunjuk dia *'terer',* konon dia boleh bangunkan dia boleh uruskan kerajaan negeri tanpa Kerajaan Persekutuan. Ada kerajaan negeri yang berfikiran sempit seperti itu.

Akan tetapi saya harap dengan pembentangan rang undang-undang ini, kerajaan-kerajaan negeri yang begitu sudah tidak ada lagi tetapi lebih terbuka. Di bawah seksyen 1, Akta 172 ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan negeri dia mempunyai kuasa untuk menerima pakai atau menguatkuasakan peruntukan akta ini secara keseluruhan atau sebahagiannya. Terpulang kepada kerajaan negeri tetapi walau bagaimanapun sekiranya mana-mana kerajaan negeri tidak menerima pakai peruntukan mengenai penilai impak sosial ini maka kerajaan negeri itu dengan sengaja sebenarnya mengalami kerugian kerana perancangan dan pembangunan tidak akan dapat dijalankan secara telus dengan urus tadbir yang kurang efisien, yang tidak akan dapat memberikan faedah yang baik dan tidak mengambil kepentingan soal yang berkaitan dengan kesejahteraan rakyat.

Jadi kalau ada kerajaan negeri yang menolak untuk menerima pakai rang undang-undang ini maka itulah sifat kerajaan negeri yang sebegitu. Jadi saya harap mudah-mudahan kerajaan negeri akan menerima pakai dan akan mengambil kira supaya kalau tak menerima pakai dia akan memberikan kesan kepada rakyat. Rakyat negerinya sendiri kerana tidak dapat menikmati pembangunan yang mengambil kira kepentingan sosial dan kesejahteraan secara amnya.

Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin, hendak tanya saya? Ya sila.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Terima kasih. Akan tetapi satu soalan yang penting kalau soal kesejahteraan rakyat dan kebahagiaan rakyat itu ditegaskan dan peranan kerajaan negeri itu amat penting dalam perkara ini, apa sebabnya rang undang-undang ini tidak dikenakan atas Sabah dan Sarawak? Maka potensi untuk pembangunan desa dan juga di bandar itu masih ada di situ?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Macam mana Yang Berhormat? Saya tidak berapa faham. Saya tidak berapa faham. Cuba Yang Berhormat jelaskan sedikit.

**Dr. Ariffin bin S.M. Omar:** Adakah negeri Sabah dan Sarawak dibebaskan daripada ruang ini maka tak perlulah kerajaan negeri di sana minta nasihat daripada Kerajaan Pusat dalam perancangan mereka untuk membangun kawasan desa dan kawasan bandar?

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Yang Berhormat- kenapa Sabah dan Sarawak dia tak masuk dalam rang undang-undang ini?

Dalam Perlembagaan Persekutuan, saya hendak jelaskan kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin. fasal 95D, saya ingat Yang Berhormat Senator Chandra Mohan lebih maklum. Negeri Sabah dan Sarawak terkeluar daripada kuasa Parlimen untuk meluluskan undang-undang seragam mengenai tanah dan kerajaan tempatan. Dan bawah fasal 95E, negeri Sabah dan Sarawak terkeluar daripada rancangan negara bagi penggunaan tanah kerajaan tempatan pembangunan dan sebagainya. Maka oleh sebab itu, Sabah dan Sarawak mempunyai undang-undang perancangan yang tersendiri iaitu di Sabah kita ada *Town and Country Planning Ordinance Sabah Chapter 141* dan Sarawak kita ada *Laws of Sarawak Land Code.* Jadi maka kerana itu, mereka dua buah negeri ini tidak mengguna pakai rang undang-undang yang dibentangkan ya Yang Berhormat.

Seterusnya saya teruskan, tidak ada *legal binding, high persuasive value based on that. Based on the trust that we have between the Federal Government and also with the State Government*, dengan izin.

**■1810**

Walaupun dia tidak ada *legal binding,* apabila urusan-urusan itu dijalankan, mana-mana projek yang berimpak tinggi akan dibawa permohonannya kepada mesyuarat MPFN dan lain-lain itu akan diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan juga oleh SPC di peringkat negeri.

Jadi kekuatan akta ini Tuan Yang di-Pertua, ia bukan boleh diukur dari segi penguatkuasaan ataupun hukuman yang dikenakan sekiranya kerajaan negeri tidak mahu menerima pakai dan sebagainya. Akan tetapi dia adalah daripada segi meningkatkan kesedaran dan menggalakkan usaha ke arah pembangunan mapan yang telah pun saya sebutkan tadi.

MPFN ini Yang Berhormat, ia adalah sebagai satu platform *for check and balance. Check and balance between the Federal Government and also check and balance between the State Government and Federal Government,* dengan izin.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak jelaskan, penyediaan impak sosial ini, ia bukan sahaja melibatkan struktur mekanisme kerajaan semata-mata sama ada di peringkat persekutuan ataupun di peringkat negeri.

Jadi apabila kita buat penyediaan Penilaian Impak Sosial ini, ia merupakan mekanisme yang akan berupaya untuk memberikan peluang kepada penglibatan rakyat secara total. Rakyat boleh terlibat sama kerana bila kita buat impak sosial ini kita akan buat kajian tentang bagaimana penerimaan rakyat terhadap satu-satu cadangan projek *high impact* yang hendak dilakukan oleh pihak kerajaan. Adakah ia akan menjejaskan soal sosial, ekonomi dan sebagainya kepada masyarakat tempatan yang ada. *So*, melibatkan masyarakat tempatan dan juga pihak-pihak yang berkepentingan termasuklah NGO dan kumpulan-kumpulan alam sekitar yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator YM. Engku Naimah binti Engku Taib. Dia ada persoalan yang saya sudah satukan dengan Yang Berhormat Senator Tuan Chandra Mohan A/L S.Thambirajah dan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin bin S.M. Omar tadi. Sejauh mana kerajaan dapat mengawal pembangunan di lereng bukti seperti di Cameron Highlands dan juga kawasan-kawasan rekreasi awam yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Saya hendak memaklumkan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui proses sedia ada, akan mengawal setiap kemajuan melalui proses kebenaran merancang di mana cadangan pemajuan akan dipertimbangkan berdasarkan kepada peruntukan dalam rancangan tempatan. Dalam rancangan tempatan, dalam rancangan struktur dan dalam rancangan fizikal negara khususnya berkaitan dengan guna tanah yang dibenarkan. Dengan adanya SIA ini, bukan SIA kapal terbang *Singapore* itu. *Social Impact Assessment* ini, kita sebut dalam ringkasnya. Dengan adanya SIA ini, ia akan dapat mengukuhkan lagi sebarang keputusan yang perlu dibuat oleh pihak berkuasa tempatan dalam mempertimbangkan untuk memberikan kelulusan kebenaran merancang kepada mana-mana projek yang akan membuat permohonan.

Selain daripada itu, dalam proses ini juga melalui OSC. Ini Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi ada bangkitkan juga melalui OSC ini, bila dia bawa dalam OSC, kita ada Jabatan Teknikal. Ada sesetengah negeri dia ada 13 Jabatan Teknikal, ada sesetengah negeri ada sembilan Jabatan Teknikal yang terlibat sama dalam OSC yang akan membuat pertimbangan di peringkat setiap agensi teknikal termasuklah Jabatan Alam Sekitar, Kerja Raya, Unit Cerun dan juga lain-lain agensi teknikal.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed. Mengapa seksyen 21A(1)(a) memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk kecualikan LCP ataupun Laporan Cadangan Pemajuan dan bagaimana untuk memantau menguatkuasakan LCP ini.

Yang Berhormat, untuk makluman Yang Berhormat, pengecualian LCP ini dibuat oleh pihak berkuasa negeri, bukan kementerian. Bukan di peringkat kami tetapi di peringkat kerajaan negeri, pihak berkuasa negeri. Melalui cadangan yang akan dikemukakan oleh Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC) bagi tujuan untuk mengecualikan LCP bagi mana-mana pemajuan yang kecil dan *straightforward* yang tidak ada isulah, yang tidak ada apa-apa masalah, *a very straightforward* permohonan dan sebagainya, SPC ada kuasa untuk memberikan pengecualian ke atasnya. Penguatkuasaan LCP ini dibuat melalui penguatkuasaan kebenaran merancang yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan. Jadi siapa yang pantau? Pihak berkuasa tempatan. Siapakah yang pantau pihak berkuasa tempatan? Kerajaan negeri.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh adinda saya Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin. Kita ucapkan tahniahlah. Itu garang betul mempertahankan ahlinya. Apakah akibat daripada projek Datum Jelatek? Klinik kesihatan terpaksa ditutup, masalah pembinaan, kesesakan lalu lintas dan sebagainya. Sejauh mana keberkesanan penerima pakai SIA ini di pihak kerajaan negeri.

Saya hendak memaklumkan kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain, pelaksanaan SIA ini bergantung pada penerima pakai rang undang-undang di peringkat negeri. Jadi saya harap, hari ini, ini kuasa yang tertinggi dalam Parlimen dan hari ini bila kita luluskan, kita sudah boleh buat urusan seperti yang saya nyatakan. Kita akan buat urusan dengan pihak kerajaan negeri, bawa dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan sebagainya.

Apabila itu berlaku, bila diterima pakai, maka masalah yang dinyatakan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain seperti di Datum Jelatek dan sebagainya, ia tidak akan berlaku lagi. Ini kerana dulu ini tidak ada. Ia ada laporan EIA, dalam laporan EIA itu dimasukkan sedikit SIA. *But this time no- EIA is EIA*, *SIA is SIA*. Tidak ada lagi tumpang buat sikit-sikit ala kadar tutup mata, asal projek dapat jalan, projek jalan dengan baik dan rakyat sengsara. *No more*. Tidak ada lagi perkara-perkara seperti itu.

Maka itu kerajaan serius kali ini walaupun kita dapat pelbagai tentangan di Dewan Rakyat. Ramai hendak menggagalkan kelulusan rang undang-undang ini. Akan tetapi, saya ucapkan terima kasihlah Yang Berhormat Senator hari ini di Dewan tertinggi ini, menyokong penuh dengan memberikan cadangan dan teguran, ingatan kepada pihak kementerian sekiranya rang undang-undang ini diluluskan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Haji Omardin juga bangkitkan tentang akibat projek Lembah Sireh tadi Yang Berhormat Senator Puan Hajah Khairiah binti Mohamed maklumkan tadi, yang ini semua tidak ada lagi sudah *after* SIA *comes in, then no more problem like this,* dengan izin.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hanafi bin Haji Mamat, ada Datuk? Baru tidak berapa cam Datuk. Muka macam bintang filem. Saya orang yang muka macam bintang filem itu datang dulu, yang lain itu kemudianlah. Akan tetapi apa pun Yang Berhormat Senator Shukor tetap pilihanku *[Ketawa]* Dan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som. Alah! Kasihan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Boon Som, hendak pencen sudah.

Okey. Yang Berhormat Senator Datuk Hj. Hanafi bin Hj. Mamat membangkitkan, adakah pelaksanaan SIA ini akan melambatkan proses OSC. Tidak ada Yang Berhormat kerana Analisis Impak Sosial atau SIA ini, ia dibuat di peringkat permohonan kebenaran merancang lagi. Di peringkat KM lagi dan dia melalui LCP dan merupakan keperluan dan proses sedia ada. Sistem penyampaian perkhidmatan OSC sejak tahun 2007, telah pun ditambah baik Yang Berhormat Datuk melalui *OSC online*. Ia tidak perlu lagi hendak buat *sitting* penuh. *But they can do it* secara *online* dan lain-lain penambahbaikan yang telah pun dibuat dari semasa ke semasa.

Menjawab kepada persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Indera Hoh Khai Mun bagi pembinaan lebuh raya, apakah bentuk mitigasi yang akan diambil sekiranya SIA berbeza daripada EIA? Skop yang ditentukan dalam EIA, ia lebih menekankan kepada aspek-aspek alam sekitar Yang Berhormat Dato', alam sekitar. Jadi oleh itu seharusnya tidak ada percanggahan antara langkah dalam EIA dan langkah dalam SIA. Sepatutnya, seharusnya bukan sepatut- memang tidak ada percanggahan kerana EIA menekankan aspek alam sekitar dan langkah mitigasi impak sosial ini akan diperincikan dalam pelan pengurusan sosial yang dilakukan bagi setiap projek yang ada.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Indera Hoh Khai Mun, memandangkan kementerian menetapkan peratusan- mencadangkan supaya kementerian menetapkan peratusan persetujuan penduduk dalam pelaksanaan SIA. Contohnya, India menetapkan 70 peratus. Kementerian sedang memperincikan garis panduan berkaitan dengan pelaksanaan SIA ini Yang Berhormat Dato' dan perkara-perkara yang perlu ditetapkan.

Saya mengucapkan terima kasih banyak kerana saya ingat Yang Berhormat Senator Dato' telah mencadangkan supaya kerajaan membuat ketetapan terhadap laporan *social impact* ini untuk diletakkan sebagai memantapkan lagi sebarang pembangunan untuk kesejahteraan rakyat. Jadi saya ucapkan terima kasih kerana Yang Berhormat Senator Dato' terus menyokong dan akhirnya kita bawa rang undang-undang itu dalam Dewan Negara pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah antara sebahagian daripada perkara yang telah pun dibangkitkan. Saya hendak mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua yang telah pun memberikan sokongan supaya rang undang-undang ini dapat diluluskan pada hari ini dan akhirnya, rang undang-undang ini akan diterima pakai, harapan penuh daripada kami di peringkat kementerian oleh kerajaan-kerajaan negeri dan kita akan dapat melihat soal membicarakan kesejahteraan rakyat itu akan dapat dilakukan.

**■1820**

Rakyat akan terlibat secara langsung untuk memberikan pendapat dan sebagainya berkaitan dengan pembangunan dalam kawasan setempat mereka. Jadi, kita berdoa mudah-mudahan Allah permudahkan segala urusan di peringkat kementerian saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya akhiri pembentangan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Halimah. Inilah hendak kata keluarga kita dalam Dewan ini, tidak ada Yang Berhormat Menteri itu, tidak lengkap sesi Dewan kita. Cara dia jawab pun, *it shows that she knows the subject matter,* dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]*

*[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]*

*[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]*

*[Timbalan Yang di-Pertua* ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

***[Fasal 1 hingga 3*** *dikemukakan kepada Jawatankuasa]*

***[Fasal-fasal 1 hingga 3*** *diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

*[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]*

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

*[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga; disokong oleh Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Dr. Loga Bala Mohan A/L Jaganathan) dan diluluskan]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih dan saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang tunggu sampai kita tamat tangguh. Inilah tokoh-tokoh orang perjuangan.

Saya mengucapkan tahniah kepada yang tunggu sampai akhirnya. Tepuk tangan sikit... *[Tepuk]* Orang-orang perjuangan macam tuan-tuan, tunggu sampai- ini dia tetapi ada juga yang minta saya izin keluar, tidak apalah tetapi kepada contohnya, kita orang perjuangan yang tidak kenal siang dan malam. Itu dia tadi ya.

Saya juga di sini ingin menyatakan bahawa semalam kita ada selamat tinggal kawan-kawan kita, sudah pergi dan habis tempoh menjadi Ahli Dewan *Senate* tadi, termasuklah juga tadi Yang Berhormat Datuk Seri Boon Som A/L Inong tadi. Termasuklah yang sudah-sudah, kita punya Presiden Majlis dan juga Tan Sri Rahim. Itu kita ucapkan terima kasih sumbangan mereka pada kita, tidak lupa. Jangan kita lupa sumbangan mereka kepada kita demi bangsa, nusa dan negara.

Itulah saya kata, jangan kita lupa mereka berjasa kepada kita. Saya minta yang baru-baru ini tolong teruskan. Jangan lupa kepada mereka itu bak kata pantun orang Melayu.

*Selagi nyiur masih bertandan,*
*Ambil sebiji menggulai ikan,*
*Selagi nyawa dikandung badan,*
*Masakan budi orang, kita lupakan.*

Lupa dia, pejuang yang dia berjuang untuk kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Isnin, 19 Disember 2016.

Sekian. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.26 petang]***